



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN)**

---

**SHAH ALAM, 18 APRIL 2014 ( JUMAAT )**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 9.30 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)  
**(Timbalan Speaker Dewan Negeri)**

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)

Y.B. Dato' Dr. Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PMW., PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Sulaiman Bin Abdul Razak  
S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimatun Saadiah Binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

## **TIDAK HADIR**

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**  
**(Menunaikan Umrah)**

## **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Puan Noor Diana Binti Razali  
**Penolong Setiausaha**

Puan Diana Binti Shuwardi  
**Penolong Setiausaha**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

### **Bentara**

Encik Mohd. Hafizan bin Yusoff

Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid  
Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
**Pelapor Perbahasan**

( Dewan disambung semula )

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahir rahmannir rahhim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat pertama penggal kedua Dewan Negeri Selangor ke-13 pada hari yang ke 10, 18 April 2014 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. BACAAN DOA**

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN DOA**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER:** Selamat pagi kepada semua Ahli Yang Berhormat, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Menyambut *Good Friday, Easter day* kepada semua penganut Kristian di Negeri Selangor. Soalan seterusnya Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih Tuan Speaker, Ijok tonjolkan soalan 187.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(IJOK)**

**TAJUK: KEMUDAHAN SUKAN / RIADAH**

187. Didapati minat kemudahan untuk bersukan/beriadah seperti bola sepak,takraw di kawasan desa amat berkurangan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program-program yang dirancang oleh pihak kerajaan untuk memupuk minat bersukan/beribadah di kawasan desa?
- b) Apa rancangan kerajaan untuk memperbaiki dan memulihkan gelanggang-gelanggang sukan yang rosak dan terbiar seperti padang bola, gelanggang-gelanggang futsal, takraw dan badminton?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Ijok, Tuan Speaker melalui pendekatan penggerak belia tempatan yang kita adakan di seluruh Negeri Selangor sejumlah 290 pengerusi penggerak belia tempatan. Di bawah program

pembangunan belia ini kita telah memperuntukkan beberapa kategori program-program pembangunan belia yang telah kita rancang. Antaranya adalah kategori yang tujuannya untuk pembangunan sukan ataupun menarik minat masyarakat kepada bersukan ataupun beriadah. Pada awal beberapa tahun yang lepas permulaan pembangunan sukan di bawah penggerak belia tempatan telah mengadakan program jelajah futsal di seluruh Negeri Selangor yang mana di peringkat negeri diadakan program pelancaran. Kemudian di setiap PBT-PBT akan diadakan pertandingan-pertandingan futsal ini melibatkan penglibatan penggerak belia tempatan dan juga masyarakat tempatan dan juga belia. Kemudiannya kita akan mengadakan program kayuhan *best* pada tahun yang lalu semata-mata untuk menggalakkan masyarakat juga terutamanya belia bersukan ataupun beriadah. Berbasikal secara santai, juga program-program yang melibatkan pertandingan. Pada tahun ini di bawah Kerajaan Negeri memikirkan ataupun sudah merancang pada 4hb Mei nanti kita akan mengadakan sambutan Hari Sukan Antarabangsa peringkat Negeri Selangor dengan mengadakan aktiviti-aktiviti, sukan-sukan yang kita akan lancarkan adalah berjalan secara santai atau pun *walk fun* dengan izin yang mana di antaranya juga kita akan memperkenalkan senam aerobik yang kini dalam fasa dipertandingkan. Dan ini akan menjadi salah satu daripada aktiviti-aktiviti yang melibatkan sukan terutamanya senam aerobik yang insya-Allah kita akan panggil ala Selangor. Ada beberapa ciri-ciri kita tekankan dalam senam aerobik itu bukan sahaja di dalam program-program yang berskala besar ataupun di peringkat program-program sukan tetapi ia juga dijadikan amalan di rumah-rumah yang mana insya-Allah kita akan bekalkan di dalam bentuk CD kepada masyarakat yang memerlukannya. Bagi tujuan memperbaiki dan memulihkan gelanggang sukan yang rosak. Kerajaan negeri telah memperuntukkan RM800,000.00 setiap setahun untuk projek-projek membaik pulih dan kemudahan-kemudahan infrastruktur sukan yang mana apabila kita pecahkan lebih kurang peruntukan RM16,000.000 ADUN untuk memperbaiki kemudahan atau infrastruktur sukan. Saya maklum bahawa peruntukan ini tidaklah begitu besar seperti mana yang saya sebutkan sebelum ini, bahawa kita di dalam proses untuk membangunkan *data base* dari segi kemudahan-kemudahan sukan, keperluan-keperluan struktur sukan yang ada di Selangor. Sama ada dalam bentuk kecil gelanggang sepak takraw, gelanggang badminton. Sehingga stadium-stadium yang ada di negeri Selangor untuk kita lihat bagaimana kita berikan amanah ini kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengurus dan menyelenggarakan. Kita sedia maklum ada Pihak Berkuasa Tempatan tidak mampu untuk mengeluarkan peruntukan-peruntukan tertentu untuk perbelanjaan mengurus. Dan kita telah memikirkan bagaimana perkara ini kita oleh perbaiki insya-Allah setelah ada satu *data base* mungkin kita akan memutuskan cara mana yang kita perbaiki. Setakat pada hari ini. Sebagai contoh bagi Stadium Shah Alam kita telah menunjukkan satu Jawatankuasa Penasihat atau *Board* untuk pembangunan Stadium Shah Alam yang saya kira sedia maklum ini adalah antara Stadium yang terbaik untuk keperluan pertandingan-pertandingan bolak sepak yang melibatkan pasukan-pasukan Antarabangsa itu. Kita sudah membelanjakan lebih kurang RM2 juta untuk memperbaiki beberapa prasarana yang ada di Stadium Shah

Alam nanti insya-Allah kita akan lihat beberapa kepentingan-kepentingan yang lain. Terutama memperbaiki kemudahan-kemudahan ataupun infrastruktur sukan sehingga ke peringkat daerah termasuklah stadium-stadium. Cuma dari segi perancangan pengurusan itu kita perlu fikirkan, terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan pertama adalah RM16,000 yang diperuntukkan untuk setiap ADUN itu bilakah dapat dimulakan permohonan untuk mendapat peruntukan tersebut itu. Dan kalau sekiranya RM16,000 untuk satu DUN berapakah bilangan padang bola yang boleh dinaiktarafkan ataupun dibaik pulih, terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Saya kira pada RM800,000 itu bukan satu jumlah yang besar dan kita berikan kalau peruntukan RM16,000 itu saya kira perbaiki padang bola dalam ukurannya biasa. Sebenarnya kita sudah menurunkan peruntukan ini kepada PBT-PBT dan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor pun kita sudah hantar surat kepada PBT-PBT untuk memaklumkan ke infrastruktur-infrastruktur mana yang perlu untuk dibaikpulihan. Insya-Allah saya kira dalam masa yang terdekat baik pulih-baik pulih ini dapat dilakukan, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Semenyih. Ya Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya ingin mengambil soalan ini 188.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPAA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(SEMENYIH)**

**TAJUK: PREMIS**

188. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah takrifan premis bersih dan kategorinya di kawasan PBT?
- b) Apakah kriteria dan prosedur bagi mengiktiraf kebersihan sesebuah premis?
- c) Adakah sebarang insentif terhadap premis bersih di kategori terbaik?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, takrifan premis bersih adalah premis yang digunakan bagi atau berkaitan dengan penyediaan, pengawetan,

pembungkusan, penyimpanan, pengiriman, pengedaran atau penjualan apa-apa makanan atau pelabelan semula, pemprosesan semula atau pembaikan semula. Apa-apa makanan dalam keadaan tidak kotor yang tidak tercemar kesucian dan kemurnian. Sistem penggredan premis makanan merupakan sistem kualiti yang telah dilaksanakan dalam penentuan tahap kebersihan premis makanan. Kategori kebersihan ianya adalah satu program penambahbaikan terhadap program pemantauan kebersihan yang sedia ada yang dilaksanakan oleh PBT. Kategori penggredan premis makanan di kawasan PBT tidak seragam, dan berbeza antara satu sama lain. Perincian adalah seperti berikut MBSA untuk kategori Gred A 75% hingga 100%, di MPPJ Gred A adalah 75% hingga 100%, di MPK Klang Gred A adalah 85% hingga 100%, di Ampang Jaya Gred A adalah 75% hingga 100%. Di Subang Jaya Gred A adalah 90% hingga 100%, di MPS PBT tidak mempunyai definisi untuk takrifan premis bersih walau bagaimana pun PBT tersebut mengambil tindakan yang pro aktif dengan melaksanakan sistem penggredan yang dianggap relevan dalam mengenal pasti kebersihan premis makanan. Di Sepang Gred A adalah antara 80% hingga 100%, di Kajang Gred A adalah 85% hingga 100% dan di Kuala Langat adalah 76% hingga 100% untuk Gred A, di Hulu Selangor adalah Gred A adalah 91% hingga 100%, di Kuala Selangor Gred A adalah 76% hingga 100% dan sementara di Sabak Bernam Gred A adalah di antara 80% hingga 100%. Secara umumnya pemeriksaan dan penggredan tahap kebersihan premis makanan yang dijalankan adalah berdasarkan undang-undang yang sedia ada seperti Akta Makanan 1983, peraturan-peraturan kebersihan makanan 2009, undang-undang kecil perlesenan dan makanan dan lain-lain undang-undang kecil atau garis panduan yang berkaitan. Penilaian tahap kebersihan premis makanan menggunakan borang pemeriksaan premis dan kriteria pemeriksaan premis merangkumi perkara-perkara seperti berikut. Satu kawalan proses, dua bangunan, tiga pengendalian makanan, empat peralatan, bekas makanan dan kawasan pengiraan makanan, lima bekalan air, enam kemudahan perparitan dan perpaipan, tujuh kemudahan pembersihan dan sanitasi, lapan pengurusan sampah atau bahan sisa, sembilan kawasan makhluk perosak, sepuluh pembersihan dan penyelenggaraan premis, sebelas pengangkutan dan penghantaran dan lain-lain yang berkaitan. Premis yang mencapai status premis bersih diberikan insentif dalam bentuk *sticker* premis Gred A untuk dipamerkan semasa Aktiviti Penggredan dijalankan berserta sijil.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang pertama berapa kerap penggredan ini pengiktirafan ini disemak semula sebab kebersihan ini maklumlah dia agak berubah. Berapa kerap sama ada 6 bulan sekali atau setahun sekali untuk dinilai semula pengiktirafan. Yang kedua bagaimana kedudukan gerai-gerai yang tidak ada premis tetap tetapi mendapat diberi lesen oleh pihak PBTlah contohnya ada beberapa kawasan-kawasan *kiosk* yang tidak ada premis tetapnya tukar-tukar

pemilik dan sebagainya bagaimana. Apakah gerai-gerai sebegini juga diberikan pengiktirafan kerana mempunyai pelanggan yang cukup ramai.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya keadaan juga berlainan dari segi pemeriksaan adalah biasanya antara 6 bulan hingga setahun. Sementara bagi *kiosk-kiosk* ini mengenangkan bilangannya yang agak besar, mungkin sahaja kredibilitinya mungkin tidak sesuai lagi. Tapi kita akan mengkaji dengan cadangan ini seperti yang saya sebutkan kos juga melibatkan kos juga dan juga melibatkan tenaga kerja kalau kita nak memperluaskan penggredan ini kepada *kiosk-kiosk*.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Bagaimana tindakan PBT terhadap gerai-gerai atau pun peniaga-peniaga yang tiada premis ini yang cukup banyak di kawasan-kawasan PBT tumbuh cukup banyaklah, dari segi itu. Apa dari segi penguatkuasaan?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Untuk memudahkan peniaga atau penjaja-penjaja kecil ini dalam apabila syarat-syarat itu dipenuhi, memang PBT akan mengeluarkan lesen kerana dia melibatkan khususnya dalam keadaan kegawatan ekonomi itu mereka memerlukan pekerjaan ataupun semangat keusahawanan untuk mencari pendapatan yang bertambah. Maka adalah tidak wajar sekiranya mereka tidak dijaga dengan pemberian lesen ini. Tetapi syarat-syarat tertentu juga ditentukan dan juga lokasi-lokasi juga dikenal pasti, disemak sebelum lesen untuk penjaja dan peniaga-peniaga kecil ini dapat diberikan lesen.

**TUAN SPEAKER:** Jeram, tidak hadir, Kuala Kubu Baharu

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Terima Kasih, Tuan Speaker, soalan 190

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM**

190. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri membantu pemilik tanah Rumah Ibadat Bukan Islam yang menghadapi masalah memohon kebenaran merancang kerana tapak permohonan tidak selaras dengan 'zoning' yang ditetapkan dalam rancangan tempatan PBT?

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih, Tuan Speaker, Kuala Kubu Baharu telah menanyakan isu berkenaan Rumah Ibadat Bukan Islam, berkenaan dengan 'zoning'. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri tiada halangan

terhadap cadangan permohonan kebenaran merancang bagi cadangan Rumah Ibadat Bukan Islam. Sekiranya kegunaan tapak cadangan ini dikemukakan selaras dengan Rancangan Penempatan PBT yang berkaitan. Pertimbangan bagi meluluskan pembinaan Rumah Ibadat baru, pihak PBT Negeri Selangor mengikut garis panduan dan piawai perancangan Negeri Selangor yang merangkumi perkara-perkara berikut:

- 1) Keluasan tapak tidak melebihi 0.5 hektar dan kawasan litupan bangunan antara 40% hingga 60%.
- 2) Tadahan penduduk 5,000 orang penduduk atas satu tapak atau 2,600 orang penganut.
- 3) Anjakan bangunan 40 kaki dan 20 kaki.
- 4) Perimeter *planting* 10 kaki di sekeliling tapak
- 5) Laluan keluar masuk minimum 40 kaki.

Di dalam garis panduan berhubung Hal Ehwal Selain Islam dan peranan Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam telah menetapkan untuk memberikan keluasan 10,000 kaki persegi bagi pembinaan Rumah Ibadat Bukan Islam. Penentuan jenis bangunan keagamaan selain Islam adalah ditetapkan mengikut komposisi kaum. Sekiranya permohonan tidak selaras dengan 'zoning' yang ditetapkan, permohonan ini akan dibawa ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam untuk mendapat ulasan daripada Jabatan Teknikal yang terlibat sebelum Jawatankuasa membuat kelulusan mengenai tapak ibadat berkenaan.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Pelek.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN:** Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan 191.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : PAIP JALAN**

191. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri :

- a) Berkenaan projek pelebaran Jalan B48 dari Jenderam Hulu hingga Pekan Sepang, adakah JKR memindahkan paip sedia ada ke tepi jalan atau menggantikan paip yang baru?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Tuan Speaker, Sungai Pelek bertanya berkaitan projek pelebaran Jalan B48 daripada Jenderam Hulu hingga Pekan Sepang, sama ada Kerajaan, JKR akan memindahkan paip sedia ada ke tepi jalan atau menggantikan paip yang baru? Untuk makluman bahawa JKR akan menggantikan paip yang sedia ada dengan paip yang baru. Terima kasih.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Sungai Pelek.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN:** Mengapa paip air yang baru ini tidak dipindah ke tepi jalan supaya kerja-kerja penyelenggaraan pada masa akan datang tidak menyebabkan kesesakan lalu lintas.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih. Kerja-kerja ini sebenarnya setiap penambahbaikan sudah tentulah melihat pada rizab-rizab jalan yang ada dan juga kadang-kadang ia melibatkan utiliti yang ada di bawah tanah itu sendiri. Saya kira beberapa perkara sudah diambil kira dan keputusan untuk penggantian itu dengan menggunakan tempat yang sedia ada itu adalah sudah difikirkan tempat yang terbaik oleh Jabatan Kerja Raya sendiri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Soalan 192 telah dijawab bersekali dengan soalan 2. Lembah Jaya.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ :** Tuan Speaker, soalan 193.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : VOUCHER PERAYAAN**

193. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri :

- a) Kenapakah *Voucher* Perayaan kerap diterima pada saat-saat yang akhir setiba hari perayaan?
- b) Pengagihan *voucher* tersebut juga tidak seimbang yang mana kawasan Elite menerima jumlah *voucher* yang sama dengan kawasan yang lain?

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Tuan Speaker, Lembah Jaya telah menanyakan isu *voucher* perayaan. Seperti yang kita maklum, Kerajaan Negeri amat prihatin untuk meringankan beban rakyat terutamanya golongan miskin dalam membuat persiapan menyambut perayaan masing-masing. Oleh sebab itu, Kerajaan

Negeri telah memperkenalkan program bantuan perayaan di mana Kerajaan Negeri memberi *voucher* bernilai RM100.00 yang boleh dibelanjakan di pasar raya yang terpilih. Walau bagaimanapun program ini memerlukan penyelarasan di antara pihak Kerajaan Negeri, pihak DUN dan pasar raya yang berkenaan. Ini secara tidak langsung mengambil masa dalam penyediaan *voucher* tersebut. Untuk makluman ahli-ahli Dewan Undangan Negeri sekalian, dalam memastikan kawalan *voucher* tersebut, pihak pasar raya akan mengeluarkan bar *code*, dengan izin, masing-masing. Ini juga merupakan antara faktor yang menyebabkan sedikit kelewatan dalam mengeluarkan *voucher* tersebut. Di samping itu Kerajaan Negeri memberi sedikit kelonggaran tempoh sah *voucher* ini dilanjutkan bagi memberi peluang kepada penerima untuk memanfaatkan *voucher* tersebut. Namun begitu Kerajaan Negeri mengambil maklum masalah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dan pihak Kerajaan Negeri akan membuat penambahbaikan bagi melancarkan program tersebut. Mengenai isu pembahagian *voucher* tersebut, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah menimbang dan memutuskan setiap DUN akan menerima *voucher* yang sama tanpa mengira perbezaan taraf hidup atau lokasi. Walau bagaimanapun sekiranya ada lebihan *voucher* tersebut, Kerajaan Negeri akan menimbang sama ada diagihkan ke DUN yang lebih memerlukan atau digunakan untuk program Kerajaan yang lain.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas, tidak hadir, Jeram, tidak hadir. Soalan 196 telah dijawab sekali dengan soalan 110. Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Soalan 197.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012 (NEGERI SELANGOR, SIRI 3) – KUMPULAN WANG AMANAH PENYENGGARAAN JALAN NEGERI**

194. Pihak audit mendapati bahawa Kerajaan Negeri mempunyai dana terkumpul Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri berjumlah RM631.27 juta pada akhir tahun 2012.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri supaya dapat membelanjakan baki terkumpul dengan optimum?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** *Bismillahir rahmanir rahim*, Tuan Speaker, Damansara Utama bertanyakan mengenai Laporan Audit Negara Tahun 2012 Negeri

Selangor, Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan. Apakah rancangan Kerajaan supaya dapat membelanjakan baki terkumpul dengan optimum?

Pertama, Arahan Amanah Kumpulan Wang Penyenggaraan Jalan di Selangor telah diluluskan pada 24 Mac 2014, yang memperuntukkan terdapat penubuhan Jawatankuasa Pentadbiran Wang Amanah dan Penyenggaraan Jalan Negeri seperti yang pernah saya terangkan ke dalam Dewan ini bahawa kita masukkan semua wang-wang MARRIS ini ke dalam pentadbiran Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan dan tidak lagi diminta daripada Wang Amanah Disatukan. Jadi kita boleh menyemak tentang kegunaan wang-wang MARRIS ini melalui Wang Amanah Penyenggaraan Jalan dan Negeri. Jawatankuasa Pentadbiran Kewangan Amanah Bulanan diadakan sekerap mungkin, bagi membincangkan perancangan dan kemajuan pelaksanaan projek-projek penyenggaraan jalan negeri di seluruh Selangor oleh agensi pelaksana. Ke kerap mesyuarat bersidang pada 2013 ialah 11 kali. Dan pada tahun 2012, sudah diadakan 1 kali, tapi kita mencadangkan supaya dia dilakukan setiap bulan supaya kita dapat memantau tentang kekerapan penggunaan wang dana tersebut. Kerajaan Negeri telah membuat perancangan komprehensif seperti memastikan semua agensi pelaksana memahami keperluan sebenar dan membuat permohonan pelaksanaan kerja-kerja di bawah MARRIS yang selari dengan garis panduan penyenggaraan dan negeri bagi mempercepatkan proses kelulusan. Memastikan semua agensi pelaksana mengemas kini data dalam sistem MARRIS *on line* untuk semua jalan di bawah seliaan jabatan dan pelaksana.

Ketiga, membuat semakan atas jalan-jalan yang berdaftar dan juga tidak berdaftar. Kita juga, Jawatankuasa ini berusaha untuk mengemas kini perubahan taraf jalan, fokus kepada semakan taraf jalan kerana dia memberi kesan kepada kos per kilometer. Memastikan agensi pelaksana menyediakan perancangan awal untuk suku tahun yang pertama dan mereka boleh membuat perancangan-perancangan yang seterusnya. Selain daripada aktiviti yang dirancang, Jawatankuasa Pentadbiran Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri turut mempertimbangkan permohonan tambahan yang selaras dengan skop MARRIS, berdasarkan kepada keperluan tambahan. Pengambilalihan penambahbaikan ke atas tatacara pengurusan Kumpulan Wang Penyenggaraan Jalan Negeri dibuat dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian pihak Kerajaan Negeri.

**TUAN SPEAKER:** Teratai, tidak hadir.

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG:** Puan Speaker, Peraturan Tetap 24(2), saya ingin mengambil soalan Y.B. Teratai sebagai soalan saya.

**TUAN SPEAKER:** Ok.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(TERATAI)**

**TAJUK : MASALAH KESESAKAN LALU LINTAS**

198. Bertanya kepada Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan negeri untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di sekitar DUN Teratai?
- b) Adakah kerajaan negeri menyediakan satu pelan tindakan yang lengkap untuk menambahbaikkan keadaan lalu lintas DUN Teratai dalam masa 5 tahun?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, kesesakan lalu lintas yang serius DUN Teratai hanya melibatkan Jalan Bunga Mawar dan Jalan Bunga Mawar 4. Ini adalah berpunca daripada aktiviti pasar pagi Taman Muda yang didirikan di sepanjang Jalan Bunga Tanjung 7. Semakan mendapati bahawa masalah kesesakan tersebut mampu diselesaikan jika pasar pagi Taman Muda di tukar lokasi yang lebih sesuai.

**TUAN SPEAKER:** Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker, nombor 199.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL  
(SERI SERDANG)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN WANITA BERDAYA**

199. Bertanya kepada Menteri Besar :

- a) Sejauh manakah NGO-NGO di Selangor berfungsi dalam membantu Kerajaan Negeri dalam meningkatkan ekonomi Selangor?

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih Seri Serdang. *Bismillahir rahmanir rahim*, isu yang dibangkitkan adalah sejauh manakah NGO-NGO di Selangor berfungsi dalam membantu Kerajaan Negeri dalam meningkatkan ekonomi Selangor? Ingin saya nyatakan di sini, di bawah Majlis Permuafakatan Wanita Selangor (MPWS) yang telah diwujudkan semenjak 15 November 2011, ianya kebanyakan di anggotai oleh akademik, wakil-wakil akademik,

profesional, pemimpin politik dan juga beberapa badan-badan NGO yang mana keahliannya seramai 15 orang, yang mana tugas ataupun di antara tugas yang dilaksanakan adalah membantu Kerajaan Selangor dalam menyediakan pelan Tindakan Wanita Selangor dengan menyatakan bahawa misi yang dipersetujui adalah memberdayakan wanita Selangor ke arah pembangunan masyarakat madani. Di antara kandungan MPWS ialah meningkatkan ekonomi golongan wanita seperti berikut iaitu wanita-wanita yang dalam golongan wanita OKU, wanita muda, remaja perempuan, orang asal, wanita bekerja dan sektor informal, suri rumah dan juga ibu tunggal, tidak dilupakan juga wanita-wanita miskin di bandar dan di luar bandar. Jadi NGO-NGO ini banyak berfungsi dan berkongsi kajian dan penyelidikan yang telah mereka laksanakan. Ia juga menyumbang kepakaran dalam bidang khusus seperti bisnes, ekonomi dan kewangan.

NGO-NGO berikut juga mengendalikan kursus-kursus kepimpinan organisasi kemahiran pengurusan bisnes, kewangan dan juga pembangunan jati diri untuk wanita Selangor. Jadi dalam memberi input berterusan mereka sentiasa bersama-sama Kerajaan Selangor untuk memastikan program-program ini berjalan dengan baik. Dan di antara anggota, ataupun keanggotaan MPWS yang terdiri daripada NGO-NGO itu adalah 7 daripadanya adalah NGO-NGO yang saya namakan seperti berikut :

- 1) WIRDA
- 2) HELWA ABIM
- 3) TENAGANITA
- 4) IKRAM
- 5) EMPOWER AWAM
- 6) PERINTIS
- 7) WDO

Dan selain daripada itu, Kerajaan Selangor di bawah STANCO Wanita sentiasa bekerjasama dalam program-program yang memastikan peningkatan status ekonomi rakyat Selangor dilaksanakan yang mana kita bersama-sama dengan Majlis Kebajikan Pembangunan Ekonomi Malaysia, MAPMAS, bersama dengan Persatuan Penduduk, PUSPANITA, *Lawyers For Liberty*, Persatuan Peguam Syarie, *Branding Women*, *Branding Muslim Women*, juga PEKAWANIS. Dan yang lain-lain itu saya tak dapat nak bacakan sebab boleh dikatakan kerjasama yang erat itu sentiasa berlaku antara pihak Kerajaan dan juga NGO. Terima kasih, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Gombak Setia.

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN:** Tuan Speaker, soalan 200.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN  
(GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : PRASARANA SUKAN**

200. Bertanya kepada Menteri Besar :

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri di dalam memastikan prasarana sukan di seluruh Selangor berada di dalam keadaan baik dan boleh diguna pakai untuk kegunaan rekreasi rakyat?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih, Tuan Speaker. Bagi memastikan prasarana sukan di Negeri Selangor, pihak Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Penguat kuasa Tempatan (PBT) berperanan dalam memastikan prasarana sukan yang terdapat di daerah-daerah seluruh Selangor berada dalam keadaan yang baik dan dapat digunakan oleh orang awam khususnya dan oleh pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertanggungjawab bagi pengurusan-pengurusan serta pembangunan prasarana sukan bagi kegunaan rekreasi bagi penduduk sekitar amnya dan masyarakat ataupun rakyat negeri Selangor khususnya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Mewakili Paya Jaras, nombor 201.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK : PROJEK TEBATAN BANJIR – PEMBINAAN LONGKANG KONKRIT  
DI DALAM LOT PERSENDIRIAN**

201. Bertanya kepada Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan negeri bercadang untuk mewujudkan peruntukan khas setiap tahun bagi menyelesaikan masalah banjir kilat di dalam lot persendirian?
- b) Apakah pendirian Kerajaan Negeri berkenaan masalah banjir kilat di lot persendirian?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Tuan Speaker, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mewujudkan peruntukan khas setiap tahun bagi menyelesaikan masalah banjir di dalam lot persendirian kerana longkang konkrit di dalam lot persendirian adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan.

Pendirian Kerajaan Negeri berkenaan masalah banjir kilat di lot persendirian, seperti yang telah diputuskan oleh Kerajaan negeri melalui keputusan majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bahawa semua longkang-longkang / parit adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan. Manakala semua sungai adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Pengairan dan Saliran. Oleh yang demikian sekiranya terdapat banjir kilat di lot persendirian, penyelesaiannya bukanlah di bawah tanggungjawab Jabatan pengairan dan Saliran. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Bernam, tidak hadir. Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Speaker soalan 203.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK  
(PERMATANG)**

**TAJUK: ENAKMEN NEGERI SELANGOR**

203. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan enakmen Negeri Selangor yang telah diluluskan dan diwartakan?
- b) Nyatakan enakmen yang berkaitan soal agama Islam dan tujuan ia digubal?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** *Bismillahi Rahmanir Rahim*, Tuan Speaker, Permatang bertanyakan tentang Enakmen Negeri Selangor. Saya akan menghantar kepada Permatang tentang Enakmen-enakmen yang telah diluluskan oleh negeri Selangor sejak Dewan kita ditubuhkan bermula daripada dia lebih awal antara Enakmen-enakmen yang masih lagi dipakai iaitu sebagai contoh *Kathi Courts Fees Enactment* tahun 1949 *Petition Writer Enactment* ada kita semua simpan dekat itu dan 1957 *Federal Constitution Enactment* 1957 yang kita gunakan, kemudian sebagai contoh Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor tahun 1964. Tahun 1971 tak tahu apa sebab kita ada Enakmen Mengawal Lembu dan Kerbau dan pada tahun 1979 *Klang Town Council Rates Validation And Indemity Enactment* jadi kita telah dan pada tahun 2011 kita buat Enakmen Tabung Amanah Bencana Alam, dan tahun 2011 juga kita buat Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Selangor, pada tahun 2009 kita buat Enakmen Perbadanan Adat Melayu dan

Warisan Negeri Selangor. Jadi terdapat 86 Enakmen yang telah diwartakan dan disenaraikan. Nyatakan Enakmen yang berkaitan beragama Islam saya juga senaraikan juga satu ialah Enakmen Pentadbiran Agama Islam pada 2003 yang dikuatkuasakan pada 1 September 2003 iaitu mengenai bidang kuasa Syariah Pelantikan Mufti Jawatankuasa Fatwa Penubuhan dan fungsi Majlis Agama Islam. Enakmen pada 2004 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam, pada 2003 terdapat Enakmen mengenai Tatacara Mahkamah Syariah Selangor. Peruntukan berhubung dengan Tatacara dan Prosiding Kes *Mal* bagi Mahkamah Syariah. Dan pada 2004 satu Enakmen yang dibuat untuk pengawalan Sekolah-sekolah Agama, pada tahun 2004 Enakmen Bukan Islam di kalangan orang Islam iaitu Enakmen Bukan Islam kawalan pengembangan di kalangan orang Islam. Kemudian pada tahun 1988 Enakmen Wasiat Orang Islam pada tahun 1988 Enakmen Wakaf. Itulah senarai-senarai Enakmen yang telah diberi.

**TUAN SPEAKER:** Balakong tidak hadir. Telok Datok.

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya 205.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(TELOK DATOK)**

**TAJUK: KEMALANGAN MAUT – SEPANJANG JALAN KLANG/  
BANTING**

205. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kemalangan maut direkodkan bagi tahun 2013 di sepanjang Jalan Klang – Banting, Kuala Langat.
- b) Nyatakan kerja-kerja penambahbaikan perabot jalan raya yang telah dilakukan dengan menyatakan setiap lokasi, jenis dan kos pembaikan.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Berkaitan dengan kemalangan maut sepanjang jalan Klang/Banting. 20 kemalangan maut direkodkan pada tahun 2013 di sepanjang jalan Klang/Banting, Kuala Langat. Kerja-kerja penambahbaikan perabot jalan yang telah dilakukan dengan menyatakan setiap lokasi jenis dan kos pembaikan adalah seperti berikut:-

- 1) Di hadapan jalan Sekolah Kebangsaan Sijangkang papan tanda bonggol dan *transvers bar* dengan jumlah kos pembaikan RM10,000.
- 2) Di seksyen 419.30 jenis pembaikan sendiri renggang jabatan dengan kos RM15,200.

- 3) Seksyen 4 07 laluan FT 005 memasang papan tanda amaran kos RM20,000.
- 4) Seksyen 4 09412 laluan FT 005 memasang reflektor *guard rail* kos RM20,000.
- 5) Seksyen 4 10 laluan FT 005 memasang *guard rail* RM20,000.
- 6) Seksyen 4 16 bulatan Pulau Carey papan tanda RM31,060.
- 7) Seksyen 4 08 laluan FT 005 memasang reflektor *guard rail* RM3,835.
- 8) Seksyen 4 02 di bawah Jambatan Sultan Sulaiman Shah *transfer bar* dan papan tanda dengan kos RM10,000.
- 9) Seksyen 4 11 Jalan Utama Kampung Sg Jarom papan tanda dan bonggol dengan kos RM3,000.
- 10) Seksyen 3 77 hingga 79 sepanjang Kampung Batu Laut papan tanda dan juga bonggol jumlah RM5,000.
- 11) Seksyen 4 03.3 laluan FT 005 memasang *flexi post* RM8,000.
- 12) Seksyen 4 06.3 laluan FT 005 memasang papan tanda amaran dan juga solar *flashing amber light* RM28,000 dan jumlah keseluruhan adalah RM174,095 terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Peraturan Tetap 24/4/2. Soalan 206.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang tunggu dulu. Soalan 206 telah dijawab bersekali dengan soalan 5. Soalan seterusnya Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Soalan 207.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK:       NAIK TARAF SURAU PLKN AMPANG PECAH**

207. Merujuk penyata Kertas Bil. 36/2011, muka surat 13.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah benar harga tawaran projek naik taraf surau bernilai RM329,690?
- b) Berapakah nilai sebenar projek?
- c) Sila kemukakan butiran projek tersebut.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Tuan Speaker, Hulu Kelang menyoalkan tentang naiktaraf Surau PLKN Ampang Pecah. Pertama adakah benar harga tawaran projek naiktaraf surau bernilai RM329,690. Jawapannya benar berapakah nilai sebenarnya projek, bayaran sekarang dibuat ialah RM205,520 kontraktor masih belum menyelesaikan tuntutan dan projek akhir, projek telah siap menunggu tuntutan akhir dan kontraktornya ialah Ziah Intro Enterprise.

**TUAN SPEAKER:** Soalan seterusnya Bukit Antarabangsa.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, Peraturan Tetap 24(2) saya ambil soalan no. 208.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK: HASIL KUTIPAN CUKAI KERAJAAN**

208. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah jumlah sebenar kutipan cukai pintu berbanding dengan jumlah sasaran bagi setiap PBT dalam tahun 2012 dan 2013 mengikut pecahan perumahan dan premis perniagaan?

**TUAN SPEAKER:** Baiklah Sekinchan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, soalan daripada Bukit Antarabangsa nak tanyakan jumlah sebenar kutipan cukai pintu dan sasarannya dengan kutipan sebenar dan juga cukai pintu untuk perniagaan. Jadi dia melibatkan semua PBT angkanya terlalu panjang untuk akan dihantar ke Bukit Antarabangsa.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Y.B. Speaker soalan no. 209.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(BATANG KALI)**

**TAJUK: HASIL KUTIPAN CUKAI KERAJAAN**

209. Sektor perindustrian adalah antara nadi utama ekonomi negeri.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan nilai sumbangan sektor perindustrian kepada rakyat dan ekonomi negeri dari 2008-2013?
- b) Apakah prospek peningkatan sektor industri tahun 2014?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Batang Kali bertanya tentang isu prestasi perindustrian. Sektor perindustrian merupakan sektor. Kedua menyumbang besar kepada KDNK negeri dan pertumbuhan ekonomi negeri selepas sektor perkhidmatan. Dari segi nilai sektor perindustrian telah meningkat daripada RM51,039 juta pada tahun 2008 kepada RM68,208 juta pada tahun 2013. Dari segi sumbangan kepada ekonomi KDNK negeri Selangor sektor perindustrian telah secara konsisten menyumbang sekitar 37% kepada ekonomi negeri pada tahun 2008 hingga 2013. Sumbangan pada tahun 2013 adalah 37.8% dari segi pertumbuhan tahunan sektor perindustrian telah tumbuh 6.2% pada tahun 2013 berbanding tahun 2012. Sektor perindustrian negeri Selangor dianggarkan tumbuh di antara 6% hingga 6.5% pada tahun 2014 dengan sumbangan sekitar 37% hingga 38% kepada KDNK negeri, sekian Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Mengenai dengan soalan b) saya itu saya ingin mendapat penjelasan yang lebih terang iaitu mengenai prospek peningkatan industri bagi tahun 2014 saya melihat inisiatif atau pun galakkan pelaburan SSIC banyak bergantung kepada inisiatif Kerajaan Pusat melalui MIDA, so saya nak tahu di dalam Dewan ini apakah yang spesifik yang dilakukan oleh Kerajaan Selangor dalam membantu peningkatan atau pun melihat prospek yang lebih baik. Terima kasih.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Batang Kali Tuan Speaker. SSIC dan juga Kerajaan Negeri kita sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Pusat yang khususnya MIDA untuk sama-sama menarik pelabur ke negeri Selangor dan SSIC mengambil inisiatif sendiri untuk mempromosikan. Ya, Selangor

sebagai destinasi Malaysia seperti kita ada beberapa usaha yang saya ingin menurunkan kepada Y.B. Batang Kali iaitu kita melalui SSIC telah melangkah program lawatan ke luar negara sekurang-kurangnya 4 kali setahun ke negara yang berpotensi dan juga kita meningkatkan jaringan *networking* dengan Kedutaan-kedutaan asing di Malaysia dan juga dewan-dewan perniagaan asing dalam dan luar negara melalui program kunjungan hormat yang diadakan dari masa ke semasa. Dan baru-baru ini kita tahun lepas kita juga bersama Dato' Menteri Besar kita melawat ke Europe berjumpa dengan izin *Chamber of Commerce* di kawasan Europe dan sebagainya untuk kita mempromosikan Selangor, sekian.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Sebenarnya apa yang saya maksudkan dengan inisiatif gerakan ini. Inisiatif itu maksud saya ialah tawaran-tawaran kerana yang saya lihat banyak *taxes-taxes* yang dibagi oleh pihak MIDA, jadi di peringkat negeri ini apa sebenarnya tawaran yang istimewa yang membawa pelabur ini terpicat. Contohnya macam u sekarang bagi *Assesment Tax, Quit Rent* saya tengok kalau *Assesment Tax* so dia punyai ...

**TUAN SPEAKER:** Baiklah banyak tanya soalan Batang Kali. Sudah tanya tadi okey jawab Seri Kembangan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Ya, dari segi inisiatif memang Kerajaan negeri memang tidak mempunyai apa insentif untuk pelaburan asing di negeri Selangor kerana kebanyakannya daripada Kerajaan Pusat tapi apa kelebihan di negeri Selangor adalah kita mempunyai beberapa kelebihan berbanding dengan negeri lain itu infrastruktur yang baik dan juga kita Selangor merupakan satu tempat yang strategik dari segi pengangkutan. Kita berdekatan dengan Pelabuhan Kelang berdekatan dengan KLIA dan sebagainya. Ini akan menarik lebih banyak pelabur ia Pelabuhan ke Negeri Selangor, sekian.

**TUAN SPEAKER:** Sg Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Speaker, saya 24(2) Peraturan saya mengambil soalan 210.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK: EKONOMI LUAR BANDAR**

210. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik dan indikator pencapaian ekonomi rakyat luar bandar di Selangor?

- b) Apakah strategi dan pelan tindakan kerajaan untuk memajukan sektor ekonomi luar bandar?
- c) Selain bidang pertanian, apakah bidang-bidang lain yang akan diwujudkan untuk meningkatkan ekonomi rakyat luar bandar?

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Tuan Speaker, Permatang dan YB Sungai Burong bertanyakan tentang ekonomi luar bandar. Daripada kajian Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan Selangor mempunyai taburan penduduk yang tertinggi di Malaysia dengan jumlah 5.72 juta penduduk. Dari jumlah berkenaan, 92.3% dan 7.7% taburan penduduk adalah di kawasan luar bandar yang kebanyakannya meliputi kawasan-kawasan di Hulu Selangor, Hulu Langat dan Sabak Bernam.

Faktor pertumbuhan ekonomi setempat telah memperluaskan peluang-peluang pekerjaan dan sektor-sektor bukan tradisi yang membolehkan golongan miskin mempelbagaikan sumber pendapatan mereka di samping mengurangkan pergantungan kepada aktiviti-aktiviti tradisional yang berpendapatan dan berproduktiviti rendah. Walau bagaimanapun Kerajaan negeri akan mengadakan Pembangunan Desa yang menumpukan kepada usaha meningkatkan pendapatan isi rumah. Jadi kita bahawa boleh jadi mereka-mereka yang duduk dalam rumah itu yang dikatakan berumur 55 tahun dan ke atas kita tidak boleh dapat membuat perubahan besar daripada segi tatacara mereka bekerja dari segi tatacara hidup dan seterusnya. Oleh sebab itu fokus kita dalam keluarga ialah kepada anak-anak keluarga tersebut yang kita mesti lengkapkan antara lain pendidikan dan juga kemahiran. Jadi dengan cara itu keluarga sesuatu keluarga itu secara kumpulan akan mempertingkatkan pendapatan mereka. Ialah Kerajaan negeri mengaturkan untuk menjalankan Pembangunan Desa dengan mengambil kira soal bagaimana pelaksanaan itu dapat dilakukan secara *hands-on* jadi kita tidak boleh membuat dengan cara memberi subsidi yang atau pun menghantar usaha kebajikan tetapi kita telah mencari jalan bagaimana usaha *hands-on* ini boleh dilakukan. Sebagai contoh kita mula mengambil inisiatif untuk melaksanakan program kemahiran teknikal belia negeri Selangor. Dalam program ini seramai 5 orang belia setiap kampung yang memenuhi syarat akan mengikut kursus kemahiran sama ada dalam bidang elektrik, lif, penyaman udara dan juga perladangan. Mereka akan ditempatkan untuk mengikuti pengajian di Institut kemahiran yang kita pilih mana-mana pun boleh yang dilantik oleh Kerajaan negeri Selangor. Yang semasa program itu ialah antara 6 hingga 8 bulan sudah tamat kita akan tempatkan belia itu bekerja dalam perniagaan bangunan atau perladangan dengan gajinya sekurang-kurangnya RM1,500 sebulan mengikut keupayaan. Dengan secara tidak langsung dia memberi peluang pekerjaan sekali gus membantu meningkatkan ekonomi luar bandar.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong. Terima kasih Tuan Speaker. Pencapaian ekonomi rakyat luar bandar ini masih terdapat jurang antara bandar dan luar bandar. Jadi adakah penumpuan untuk khusus dari segi Kerajaan Negeri untuk memastikan Pembangunan Wilayah di kawasan luar bandar ini supaya jurang perbezaan ini dapat dipercepatkan, proses pencapaiannya.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Sebagai untuk menerangkan Y.B. Sungai Burong dan Tuan Speaker, kita telah berbincang dan merangka 2 perkara yang agak berbeza. Satu ialah mencuba mendapatkan perindustrian ke kawasan luar bandar umpamanya kita mula memikirkan mana meletakkan kilang-kilang di Sekinchan dan juga di Sabak Bernam sebab dengan cara itu tak payahlah anak-anak muda berhijrah dari kawasan tersebut untuk datang ke Kuala Lumpur dan seterusnya. Untuk perkara tersebut dia mula mendapat perhatian ramai pengusaha-pengusaha oleh kerana mereka menjangkakan apabila jalan raya Banting / Taiping akan mula siap dan dia merangka dalam masa 3 ke 5 tahun yang akan datang. Dan kawasan-kawasan Sabak Bernam dan juga kawasan-kawasan tersebut mula dapat dijadikan kawasan-kawasan perindustrian. Tetapi dia akan mengubah tatacara kehidupan dan satu perkara yang kita ingin menjaga supaya tanah-tanah tanaman padi itu tidak diganti dengan kawasan-kawasan perindustrian sebab itu akan mengakibatkan *side effectnya* kekurangan jumlah tanah yang dikatakan 19,000 hektar di kawasan tersebut. Jadi kita kena ada *balance*. Kedua kita strategi bagaimana tiap-tiap kampung itu mempercepatkan pembangunan kampung tersebut dengan melengkapkan belia-belia kampung dengan kemahiran dan keupayaan supaya keluarga-keluarga itu dapat dipertingkatkan. Apa yang dikatakan keupayaan untuk mendapat pendapatan yang lebih. Akhir sekali ini satu strategi yang masih lagi kita dalam perbincangan ialah melengkapkan rumah petani. Apa yang dipanggil rumah petani dengan *capital item* jadi apa contohnya, contohnya kalau kita bandingkan rumah petani di Taiwan dengan rumah petani di Malaysia. Di Taiwan bila kita katakan rumah petani bukan sahaja rumah dia ada traktornya, dia ada juga *cold roomnya*, dia juga ada generatornya kalau dibandingkan rumah petani di kawasan kita sudah tentulah benda-benda itu tidak adalah langsung boleh jadi ada televisyen dan bukan barang-barang yang produktif. Jadi jawapan itu akan timbul mengapa jawapannya dari segi teorinya ialah dengan melengkapkan rumah tersebut-rumah tersebut dengan *capital goods* yang menambahkan produktiviti, menambahkan hasil. Dengan cara itu pendapatan mereka akan bertambah tapi dari segi jumlah pelaburan itulah yang sekarang menjadi isu kerana ada kalanya pulangan untuk pendapatan pertanian itu terlalu turun naik. Maknanya *i.e. very high vacality* tentang pendapat. Ada kalanya harga naik, ada kalanya harga turun. Jadi oleh kerana itu dengan tidak tetapnya harga-harga tersebut ramai orang sangat takut untuk melabur dan membuat pelaburan di sana. Jadi oleh sebab itulah berapa banyak lagi perkara diperbincangkan. Jawapan kepada Sungai Burong ialah begini. Kita mesti mengurangkan jurang pendapatan per kapita di antara Bandar dan Luar Bandar

supaya dengan cara itu kita akan dapat menentukan bahawa pembangunan negeri ini dibuat dengan secara menyeluruh dan adil itu dia punya cara.

**TUAN SPEAKER:** Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan no. 211.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG  
(PANDAMARAN)**

**TAJUK: TIADA KERJA DILAKUKAN DI TAPAK KUNCI AIR 51 DI JALAN PAPAN, PANDAMARAN**

211. Jabatan Pengairan dan Saliran telah melantik kontraktor untuk menaik taraf kunci air 51 di Jalan Papan, Pandamaran mulai 31/10/2013 hingga 3/7/2014 tetapi tiada kerja telah dilakukan atas tapak sehingga kini.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah untuk memastikan tiada kelewatan untuk projek tersebut disempurnakan?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Tuan Speaker, Pandamaran bertanya berkaitan dengan kerja-kerja naik taraf kunci air di no. 51 Jalan Papan, Kampung Pandamaran yang bermula pada 31.10.2013 hingga 3.7.2014. Memandangkan peratusan kemajuan fizikal ke atas kerja-kerja menaik taraf kunci air di no. 51 Jalan Papan, Kampung Pandamaran hanya 10% di tapak berbanding 35% di jadual, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor telah mengambil tindakan yang selaras dengan peraturan-peraturan kontrak yang mana surat amaran pertama dan kedua telah dikeluarkan kepada pihak kontraktor bagi mempercepatkan kerja-kerja penyelenggaraan di tapak tersebut. Secara umumnya merujuk kepada Syarat-syarat Kontrak sedia ada, surat amaran akan dikeluarkan sekiranya kelewatan projek dijangka melebihi 25% berbanding 35% kerja-kerja sepatutnya mengikut jadual.

Namun begitu sekiranya pihak kontraktor masih meneruskan kemungkiran selama 14 hari selepas penerimaan surat amaran tersebut, notis penamatan kontrak akan dikeluarkan yang mana sejajar dengan Syarat-syarat Kontrak sedia ada.

Untuk makluman, kerja-kerja menaik taraf kunci air tersebut turut melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan dalam skop Kejuruteraan Awam (*Civil Engineering* dan Kejuruteraan Mekanikal (M&E)).

Skop kerja-kerja yang terlibat di kawasan tersebut termasuk:

1. Menaiktaraf / memasang semula pintu air bersaiz 6'x6' bagi menggantikan kunci air sedia ada yang rosak.
2. Memasang dua buah *flap gate* bagi menggantikan *rubber flex* yang rosak.
3. Memasang sebuah *portable submersible pump* bersaiz 280 l/2 dan
4. Pemasangan *street lighting*.
5. Pemasangan *sump pump* dan pembinaan tapak platform untuk *sump pump* tersebut.

Bagi kerja-kerja penyelenggaraan M&E, lantikan pembekal telah dibuat dan komponen fabrikasi pintu air jenis *flap gate* sedang dijalankan di kilang pembekal. Tempahan pam juga sudah dilakukan. Komponen tersebut akan dipasang di lokasi struktur sedia ada bagi menggantikan komponen lama yang telah tidak berfungsi dengan baik, terima kasih.

Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Pandamaran

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Dalam jawapan Y.B. EXCO menyatakan bahawa surat untuk membaikkkan kemungkinan dalam tempoh 14 hari tetapi kerjanya adalah -25%. Ada bermaksud kontraktor mesti dalam 14 hari membuat kerja -25% yang kurang itu atau pun apa tempoh yang diberikan itu untuk mereka mengikut jadual bekerja mengikut jadual, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sepatutnya kerja akan dimulakan dalam masa 14 hari tetapi akan mengikut tempoh-tempoh masa yang akan ditetapkan sekiranya berlaku pada bila masa tersebut JPS boleh menghantar surat amaran dan sekiranya ia tidak dipatuhi tindakan-tindakanlah termasuk menghentikan menghentikan boleh diambil oleh pihak JPS, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Terima kasih soalan 212.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SHZE HAN  
(KINRARA)**

**TAJUK: PEMBAKARAN SAMPAH SECARA HARAM**

212. Pembakaran terbuka secara haram telah menyebabkan pencemaran udara dan membahayakan kesihatan orang ramai.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah cara penyelesaian yang akan diambil oleh kerajaan?
- b) Berapakah anggota penguat kuasa untuk membanteras pembakaran haram?
- c) Berapakah kes yang telah dibawa ke mahkamah dalam tahun 2013?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tuan Speaker, Kerajaan Negeri Selangor melalui Pihak Berkuasa Tempatan menjalankan pelbagai langkah dan tindakan pencegahan bagi mengatasi masalah pembakaran terbuka secara haram. Selain daripada itu terdapat juga pendidikan orang awam dan penguatkuasaan. Antaranya tindakan pencegahan adalah untuk:-

- 1) Memasangkan papan tanda amaran di kawasan-kawasan pembuangan sampah secara haram.
- 2) Keduanya mengambil tindakan undang-undang terhadap pemilik tanah yang membenarkan atau pun menjadikan tanah milik mereka sebagai tempat pembuangan sampah haram.
- 3) Menjalankan pemantauan harian lokasi-lokasi *hotspots*.
- 4) Membersihkan lokasi yang kerap dijadikan sebagai tempat kebakaran terbuka.
- 5) Memeriksa dan juga memantau tapak-tapak pelupusan sampah haram dan juga tempat perniagaan pandangan dan kawasan-kawasan yang biasanya ada kes-kes kebakaran terbuka.
- 6) Menjalankan operasi bersepadu melibatkan semua agensi teknikal yang berkaitan seperti Pejabat Daerah Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran dan sebagainya.

- 7) Kita juga telah membangunkan beberapa *check points* dan di kawasan-kawasan yang kerap ada pembakaran terbuka dan akhirnya juga ada memasang beberapa tiub di kawasan-kawasan Hutan Simpan yang juga kerap ada pembakaran terbuka.

Di peringkat PBT ada beberapa yang ada anggota penguat kuasa yang khas dikhususkan untuk membanteras pembakaran terbut secara haram. Sebagai contohnya di Majlis Perbandaran Klang, di sana ada 12 anggota dan 2 pegawai, mereka memantau khasnya di kawasan Johan Setia, 3 syif dengan 4 anggota setiap syif dan semasa bencana waktu bencana mereka memantau di kawasan tersebut 24 jam. Di MBSA Majlis Bandaran Shah Alam juga terdapat satu pasukan khas 30 orang anggota terdiri daripada unit pantas dan ditugaskan untuk membuat pemantauan aktiviti-aktiviti pembakaran haram melalui rondaan dan CCTV. Setakat ini untuk tahun 2013 Jabatan Alam Sekitar negeri Selangor telah membuka ke atas siasatan sebanyak 14 di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan kertas-kertas ini dihantar kepada Pejabat Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Terima kasih. Saya nampak Kerajaan Negeri dah banyak ambil untuk membanteras pembakaran sampah haram soalan saya adalah kenapa ia masih kerap berlaku adakah kerana anggota penguat kuasa yang tidak mencukupi ataupun sistem pengurusan sampah yang kurang sempurna. Terima kasih.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Saya rasa ada tiga sebab. Satu ialah masih ada tabiat orang ramai untuk membakar sampah khasnya di waktu petang kerana mereka menganggap masa itu adalah masa terbaik untuk menghalau nyamuk. Kedua, kadangkala terdapat sampah kebun khasnya di mana penduduk-penduduk rasa lebih senang kalau mereka membakar daun-daun kering yang telah jatuh dan sebagainya daripada menunggu PBT untuk mengutip sampah kebun. Ketiganya, ini bukan sampah tapi ini secara am, secara *generally* dengan izin ada sekumpulan orang yang kerja mereka ialah mengutip sampah dan buang di kawasan yang tidak sepatutnya dibuang maksudnya tapak pelupusan sampah yang haram dan untuk melupuskan sampah tersebut mereka membakar. Jadi ada tiga sebab dan bagaimana kita boleh menangani masalah ini, satu kalau di peringkat PBT iaitu sampah kebun atau sampah sarap kecil di kawasan perumahan ini perlu dipantau dan juga dikuatkuasakan di peringkat PBT. Kedua, kalau sampah yang dibuang di tapak pelupusan sampah haram sama juga PBT juga perlu ada operasi yang lebih besar kerana sebahagian besar dari orang-orang yang membuat tindakan tersebut

mereka dikatakan ada *weapons* dengan izin dan sebagainya. Jadi satu operasi besar biasanya akan dirancang dengan semua jabatan-jabatan berkenaan bersama dengan pihak polis supaya masalah tapak pelupusan sampah haram boleh diselesaikan secepat mungkin.

**TUAN SPEAKER:** Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanyakan soalan tambahan kepada Yang Berhormat Bukit Lanjan. Apakah Kerajaan Negeri ada menyediakan ganjaran atau inisiatif kepada pelapor-pelapor yang melaporkan kebakaran terbuka ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Setakat ini kalau di peringkat PBT belum diadakan tapi kita masih dalam perbincangan hasil di kawasan Johan Setia dan kawasan hutan simpan di mana kerap ada pembakaran terbuka. Jadi kita sedang bincang apakah ganjaran yang kita boleh beri kepada sesiapa orang yang melaporkan orang yang membuat pembakaran terbuka yang akhirnya kita boleh menangkap dan mendakwa orang tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker, soalan no. 213.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK:** *MULTI-PURPOSE HALL* KEM PLKN

213. Merujuk penyata Kertas Bil.36/2011, muka surat 15.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar;

- a) Adakah benar harga tawaran projek tersebut bernilai RM1.326 juta?
- b) Berapakah nilai sebenar projek?
- c) Sila kemukakan butiran projek tersebut.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Hulu Kelang. Hulu Kelang mahu bertanya tentang projek kerja-kerja menaik taraf dewan serba guna dan kerja-kerja berkaitan di kem bina semangat Ampang Pecah Kuala Kubu Baru. Untuk makluman Hulu Kelang memang harga tawaran dan nilai kontrak tersebut RM1,326,234.00 dan nilai akhir kontrak adalah dalam proses

penyediaan akaun akhir atau *final account* dengan izin. Bayaran yang dibuat setakat ini ialah RM1,037,880.30 maknanya berbaki RM288,353.70 dan status projek ialah projek ini telah siap dan dalam proses penyediaan akaun akhir. Kontraktornya ialah Rofa Vista (M) Sdn Bhd.

**TUAN SPEAKER:** Lembah Jaya.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan no. 214.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : PENYUSUNAN SEMULA AIR (SYABAS)**

214. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Selangor gagal dalam perkara ini?
- b) Kenapakah Kerajaan Negeri Selangor mengambil masa yang begitu lama untuk mengatasi permasalahan ini?
- c) Bagaimanakah kedudukan perkara ini sekarang?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Speaker, Lembah Jaya membangkitkan isu penyusunan semula air saya rasa ini sudah terlalu banyak dibincangkan dan saya juga mencadangkan untuk kerana kita masih lagi dalam perbincangan dengan Kementerian. Jadi oleh sebab itu perkara yang sama yang saya ingin nyatakan apabila kita mengambil alih konsesi-konsesi air ini kita juga akan mengambil alih SYABAS yang kita akan tempatkan di bawah Kumpulan Darul Ehsan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya no. 215.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: PELAN MENGATASI BANJIR PETALING JAYA**

215. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan PBT dalam mengatasi banjir di Petaling Jaya, khususnya di Seksyen 1, 2, 3 dan 4?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, pihak Majlis Bandar raya Petaling Jaya telah menyediakan Laporan Kajian Pengurusan Air Hujan di Kawasan PJU 1 hingga PJU 10 pada tahun 2014. Hasil kajian tersebut menunjukkan lokasi banjir hanya berlaku di kawasan Kampung Cempaka sahaja. Longkang besar berlaku di kawasan tersebut di reka bentuk sehingga dapat menampung 100 tahun ARI atau 100 tahun keamatan hujan. Faktor utama banjir ialah disebabkan dasar Sungai Kayu Ara telah cetek dan melimpah ketika hujan lebat. Cadangan penyelesaian oleh perunding adalah dengan mengadakan *flood bars* pada setiap *discharge outlet* dan mengadakan *flood bars* serta dua pam pada *discharge outlet*. Bagi menyelesaikan masalah banjir di Seksyen 1, 2, 3 dan 4, pihak majlis telah membina kolam takungan *in line* di Parit hujan lebat jalan 1/5 dan siap pada tahun 2012. Dan majlis telah melantik jururunding untuk melaksanakan projek tambatan banjir seksyen 1 dan seksyen 6 iaitu di kawasan *upstream* dengan izin. Projek dijangkakan bermula pada pertengahan tahun 2014.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima kasih Puan Speaker. Kajian yang dijalankan hanya di PJU tapi di Seksyen 1 hingga 4 adalah di kawasan PJS. Yang keduanya, dalam tahun sebelum 2013 terdapat pembinaan parit yang baru untuk mengatasi masalah banjir di PJ Old Town. Hanya pembinaan parit yang baru itu tidak menyelesaikan masalah kerana parit yang dibina adalah saiz yang sama seperti parit yang lama dan kecerunannya tidak dapat mengalirkan air itu ke dalam takungan yang dibina. Mohon penjelasan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Maklumat Yang Berhormat akan diambil maklum. Akan dipanjangkan ke MPSJ untuk tindakan selanjutnya.

**TUAN SPEAKER:** Kuang. Tidak hadir. Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan no. 217.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK: PENGUSAHA GERAI**

217. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan statistik pengusaha gerai yang mendapat permit perniagaan mengikut PBT?
- b) Apakah kriteria yang melayakkan mereka mendapatkan permit tersebut?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, statistik pengusaha gerai yang mendapat permit perniagaan mengikut PBT adalah seperti berikut:

- a) Majlis Bandar Raya Shah Alam – 705
- b) Majlis Bandar Raya Petaling Jaya – 1345
- c) Majlis Perbandaran Subang Jaya – 486
- d) Majlis Perbandaran Kajang – 195
- e) Majlis Perbandaran Selayang – 79
- f) Majlis Perbandaran Klang – 215
- g) Majlis Perbandaran Ampang Jaya – 573
- h) Majlis Perbandaran Sepang – 1173
- i) Majlis Daerah Kuala Selangor – 370
- j) Majlis Daerah Sabak Bernam – 399
- k) Majlis Daerah Kuala Langat – 285
- l) Majlis Daerah Hulu Selangor – 162

Jumlahnya semua adalah 5987. Kriteria yang melayakkan mereka mendapatkan permit di gerai-gerai kawasan PBT ialah warganegara Malaysia, berumur 18 tahun ke atas, keutamaan kepada penduduk Shah Alam, pengalaman berniaga, tidak mempunyai rekod jenayah, keutamaan kepada golongan asnaf atau ibu tunggal, pemohon yang mempunyai pekerjaan tetap tidak akan diberikan keutamaan, suami/isteri tidak mempunyai permit gerai lain, mendapat kebenaran Pejabat Tanah dan Daerah sekiranya gerai didirikan atas tanah kerajaan, mendapat kelulusan Kebenaran Merancang daripada PBT jika gerai didirikan atas tanah persendirian, mendapat kelulusan bangunan dari Pihak Berkuasa Tempatan bagi struktur gerai yang didirikan, semua pengendali gerai mesti mendapatkan suntikan anti *typhoid*, menghadiri ceramah kesihatan dan menghadiri pemeriksaan kesihatan dan akhirnya mematuhi syarat-syarat pelesenan dan kesihatan.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Apakah tindakan kerajaan kepada peniaga yang mendapat permit ini tetapi menyewakan gerai ini kepada warga asing.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Sekiranya terdapat bukti yang kukuh bahawa lesen diberikan itu disalahgunakan maka ia boleh dibatalkan dan ditarik.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Puan Speaker, saya ingin mengemukakan soalan 218.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : PROGRAM BIODIESEL DARIPADA MINYAK MASAK TERPAKAI**

218. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan telah menjalankan program pengitaran minyak masak terpakai untuk membuat *biodiesel*?
- b) Bagaimana program ini dijalankan secara besar-besaran dan berapa banyak minyak masak terpakai yang telah di kitar semula sehingga sekarang?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Puan Speaker, Kerajaan Negeri Selangor menyokong program pengitaran minyak masak terpakai untuk dijadikan bahan *biodiesel*. Kerajaan Negeri telah lancarkan program kitar semula minyak masak pada program gotong-royong Kajang jom bersih, gempur aedes dan kitar semula minyak masak yang telah diadakan pada 9 Mac 2014. Melalui program tersebut Kerajaan Negeri melalui UPEN mendidik rakyat setempat dan memberi kesedaran untuk menjalankan aktiviti kitar semula minyak masak untuk dijadikan bahan *biodiesel*. Usaha ini antara satu langkah yang menjaga kebersihan alam sekitar di samping pengamalan budaya hidup sihat oleh corak pemakanan yang baik. Dalam masa yang sama kebanyakan PBT dan juga Lembaga Urus Air Selangor di Selangor telah menjalankan program pengitaran semula minyak masak seperti di Majlis Bandar raya Shah Alam, Majlis Bandar raya Petaling Jaya dan Majlis Perbandaran Sepang. Selain daripada itu Kerajaan Negeri Selangor juga sedang dalam proses penyediaan garis panduan kitar semula minyak masak untuk dijadikan bahan *biodiesel* untuk dilaksanakan di negeri Selangor dengan kerjasama dari setiap Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor. Jadi jumlah minyak masak terpakai yang

dikumpulkan sejak 2010 adalah berikut. Pada tahun 2010 (5,649 kg), 2011 (21,300kg), 2012 (15,700kg), 2013 (56,829.4kg) dan setakat ini untuk tahun 2014 (2,767kg) minyak masak terpakai yang telah dikumpulkan.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya bahawa apakah kriteria-kriteria yang ditetapkan kita melantik supaya pengumpul minyak ini adalah berlesen, bertauliah dan pastikan ia digunakan untuk tujuan itu sahaja sebab sebelum ini ada laporan bahawa minyak yang dikumpulkan itu digunakan untuk (mungkin) ada digunakan untuk minyak masak yang akan mengakibatkan kesihatan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Walau pun terdapat banyak dakwaan bahawa minyak masak terpakai di kitar semula menjadi minyak masak atau pun dijual di pasaran dan sebagainya setakat ini Jabatan Kesihatan Negeri Selangor yang memantau kualiti makanan termasuk minyak masak belum dapat bukti yang kukuh bahawa minyak masak yang dijual di pasaran itu asalnya daripada minyak masak terpakai. Oleh sebab itu kita tidak tunggu, kita dalam proses penyediaan garis panduan kitar semula yang kita saya telah maklumkan tadi kepada dewan yang mulia ini. Pada masa yang sama memang ada beberapa pensijilan yang boleh didapati daripada beberapa badan termasuk, saya dengan izin akan tulis kepada Yang Berhormat beberapa syarikat yang memberi tauliah atau pun pensijilan tersebut. Dan di peringkat PBT memang mereka sangat prihatin tentang isu ini. Jadi bila mereka melantik syarikat yang mengutip minyak masak yang terpakai itu, pihak PBT ikut perjalanan minyak masak maksudnya dari kawasan di mana kutipan bermula sampai ke dengan izin *the end process* di mana mereka boleh lihat dengan mata sendiri bahawa minyak tersebut memang dikitar semula menjadi *biodiesel*.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker soalan No. 219.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK: KUMPULAN SEMESTA SENDIRIAN BERHAD (KSSB)**

219. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila kemukakan butiran terperinci kedudukan kewangan KSSB bagi tahun 2013?

- b) Sila nyatakan sepanjang 2013, berapakah keuntungan KSSB dan royalti yang dibayar kepada kerajaan negeri?
- c) Sila senaraikan semua Ahli Lembaga Pengarah yang terkini dan semua elaun, kemudahan serta bonus yang diterima?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** *Bissmillahhir rahmannir rahim*, Puan Speaker Yang Berhormat Sekinchan bertanyakan tentang perkembangan Kumpulan Semesta Sendirian Berhad (KSSB). Kemukakan butiran terperinci kedudukan kewangan KSSB bagi tahun 2013 daripada segi jualan pada tahun lepas RM70 juta dijual untung sebelum cukai RM21 juta, cukai dan zakat 3.39 juta dan untung selepas cukai dan zakat ialah RM17.65 juta. Asetnya di dalam tangan RM6 juta, pelaburan jangka pendek RM22 juta, Aset Bukan Tunai hanyalah 13 juta. Dan pendapatan negeri keuntungan sebelum cukai RM21 juta dan royalti yang dibayar RM14 juta. Jadi sekurang-kurangnya RM35 juta setahun didapati oleh kerajaan negeri.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah KSSB dan elaun-elaun yang diterima oleh mereka pada tahun 2013 adalah seperti berikut Tuan Haji Sabtu bin Mohd. Ali, dia pengerusi dia dapat elaun tahunan RM60,000.00 setahun dan juga dia dapat elaun perjalanan RM15,000.00. Dato' Dr. Azimuddin bin Bahari ialah Ketua Eksekutif yang menerima gaji RM20,000.00 sebulan, elaun RM60,000.00 dan *mileage* atau pun elaun perjalanan RM6,000.00. Dato' Nordin bin Sulaiman, Pengarah dia hanya dapat RM10,000.00 dan Tuan Haji Mat Shuhaimi bin Haji Shafiei, Pengarah RM60,000.00, Tuan Haji Mohd Khairuddin bin Othman RM60,000.00 dan Tuan Ganabatirau RM60,000.00 setahun dan Wong Su Kok RM60,000.00 dan Cheong Seng Gee, Pengarah RM60,000.00.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan tambahan saya berkenaan dengan royalti yang diterima oleh kerajaan negeri sebanyak RM14 juta. Saya ingin mengetahui bahawa royalti ini yang dibayar kepada kerajaan dengan keuntungan RM17 juta oleh Kumpulan itu, berapa yang disumbangkan untuk CSR anggapannya, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Speaker dari setahun ke setahun, Lembaga Pengarah dan bersama-sama dengan syarikat induknya MBI biasanya akan menetapkan tentang jumlah CSR yang dilakukan pada tahun 2012 dan 2013 sejumlah RM10 juta di peruntukan untuk program *Jom Shopping*, tapi buat masa ini kita belum lagi menilai dan menentukan apakah program yang boleh disumbangkan oleh Kumpulan Semesta.

**TUAN SPEAKER:** Soalan 220 telah dijawab bersekali dengan 110. Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HJ. MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker, 221.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN  
(TANJONG SEPAT)**

**TAJUK: TANAH**

221. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk menyediakan dana khas bagi membantu golongan yang ingin membina rumah kediaman di atas tanah milik keluarga.
- b) Berapakah tempoh masa yang diambil oleh kerajaan negeri bagi kelulusan hak milik tanah?
- c) Adakah kerajaan mempunyai rancangan bagi melaksanakan program pembesaran kampung?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Speaker, Tanjong Sepat bertanya adakah kerajaan negeri bercadang untuk menyediakan dana khas bagi membantu golongan yang ingin membina rumah kediaman di atas tanah milik keluarga. Dan berapa tempoh masa yang diambil oleh kerajaan negeri bagi kelulusan hak milik tanah? Adakah kerajaan negeri mempunyai rancangan untuk melaksanakan program pembesaran kampung? Soalan yang pertama adakah kerajaan negeri bercadang untuk menyediakan dana khas membantu golongan yang ingin membina rumah kediaman, ini untuk program dua atau tiga tahun yang akan datang ini kita akan menumpukan program pembinaan rumah mampu milik sebab peruntukan kita, saya jangkakan setiap program rumah mampu milik kita memerlukan wang pusingan lebih daripada RM300 juta. Oleh sebab itu untuk ingatan Yang Berhormat Tanjong Sepat kita telah memperuntukkan RM100 juta dari *reserve* kita untuk digunakan untuk program ini. Jadi dan kita boleh pusingkan duit RM100 juta ini menjadi RM300 juta sebabnya apabila rumah itu mula dibuat, katalah 50% kita jualkan kepada pembeli-pembelinya dan bayaran pembeli-pembeli tersebut kita akan gunakan lagi untuk pembinaan seterusnya, jadi dipanggil wang pusingan. Berapakah tempoh masa yang diambil oleh kerajaan negeri bagi kelulusan hak milik tanah, saya ingat dia tidak kalau semua rekod dengan betul, saya ingat tidak jadi masalah yang besar, iaitu dalam tempoh 14 hari daripada tarikh permohonan tersebut, 14 hari.

Adakah kerajaan mempunyai rancangan bagi melaksanakan program pembesaran kampung? Buat masa ini kita masih lagi dalam perbincangan dengan Ketua-Ketua Kampung untuk merangka semula *Program Aset Based Community Development*

atau ABCD sebab program-program pelaksanaan kampung tidak keseluruhannya yang pernah dilakukan memuaskan. Sebab terdapat lebih pada 70% daripada pembesaran kampung itu ialah projek-projek terbengkalai.

**TUAN SPEAKER:** Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI:** Terima kasih Puan Speaker, soalan No. 222.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI  
(SRI MUDA)**

**TAJUK: PASAR SRI MUDA**

222. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berikan status terkini cadangan pembinaan baru pasar di Taman Sri Muda?
- b) Dikatakan dalam jawapan Dewan yang lepas, tender akan dikeluarkan pada Februari 2014. Apakah status terkini tender tersebut?
- c) Bila pembinaan akan dimulakan dan jangkaan tarikh siap?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, pihak Majlis Bandar Raya Shah Alam telah membentangkan kertas laporan berkaitan Pasar Taman Sri Muda, Seksyen 25 Shah Alam melalui Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MTES) yang telah diadakan pada 13 Februari 2014. Laporan tersebut mengandungi cadangan lokasi pemindahan sementara peniaga-peniaga dari tapak pasar sedia ada ke lokasi yang akan disediakan oleh pihak MBSA. Peniaga-peniaga ini perlu dipindahkan ke lokasi lain berikutan daripada Notis Pengosongan Tapak yang dikeluarkan oleh pemilik tapak iaitu Tetuan AEH Capital Sdn Bhd bagi memberi ruang kepada tapak pembinaan bangunan baru Pasar Taman Seri Muda. Mesyuarat MTES tersebut juga telah bersetuju bahawa kerajaan negeri akan menanggung kos pembinaan Pasar Taman Seri Muda sepenuhnya yang akan menelan belanja sebanyak RM23 juta.

Pihak Majlis seterusnya telah melantik perunding Tetuan Che Wan Architect untuk menyediakan reka bentuk pasar moden yang berkonsepkan Teknologi Hijau. Pembentangan projek oleh perunding yang dilantik telah dibuat pada 28 Februari 2014 di hadapan Datuk Bandar dan Pihak Pengurusan Majlis mengenai reka bentuk cadangan serta program kerja pembangunan bagi menyiapkan pasar berkenaan. Terdapat beberapa teguran yang perlu diambil kira dalam mereka bentuk pasar ini

seperti kemudahan orang kurang upaya, Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAH) dan Pusat Kitar Semula. Keluasan ruang unit-unit untuk peniaga ialah 12' x 12'.

Jabatan Pelesenan juga telah diminta untuk membuat inventori serta menentukan bilangan peniaga yang akan ditempatkan di pasar baru ini supaya Perunding dapat menyediakan ruang secukupnya dalam pelan lantai pasar tersebut. Jabatan Pelesenan telah memberi ketetapan sebanyak 178 unit premis seperti berikut makanan dan minuman 68, barangan kering (runcit, peralatan sembahyang, barangan elektrik, pakaian, komputer) 49, barangan mentah iaitu (buah-buahan, ikan, ayam, daging, sayur, santan) 41, daging khinzir 1, lain-lain seperti ejen insurans, VCD, akuarium, bunga, kedai jahit, kedai gunting rambut 19 jumlahnya 178.

Mengikut perancangan awal proses tender adalah pada bulan Februari 2014. Walau bagaimanapun proses tender tidak dapat dilakukan kerana Perunding masih dalam peringkat menambah baik reka bentuk selepas pembentangan kali pertama yang diadakan kepada pihak pengurusan MBSA pada 21 Februari 2014. Perunding diberi tempoh hingga April 2014 untuk mengemukakan Pelan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan ke Jabatan Pusat Setempat atau OSC untuk pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa OSC pada bulan Mei 2014.

Pihak MBSA menjadualkan *Bill of Quantities* (BQ) akan siap pada penghujung bulan Mei. Projek ini akan di tender pada bulan Jun 2014 dan dibawa ke Lembaga Tender Negeri pada penghujung bulan Julai 2014. Pembinaan pula akan bermula pada pertengahan bulan Ogos 2014 dengan tempoh pembinaan selama 18 bulan. Projek Pasar Taman Sri Muda ini dijangka siap pada bulan Februari 2016. Carta perbatuan seperti di Jadual A. *Bill of Quantities* Mei 2014, iklan bagi tender dibuka kepada umum Jun 2014, Jawatankuasa Penilaian Tender penghujung Jun 2014, Lembaga Tender Negeri penghujung Julai 2014, pembinaan bermula di tapak Ogos 2014, Projek dijangka siap Februari 2016.

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Puan Speaker soalan No. 223.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK: GERAI WARGA ASING**

223. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan PBT terhadap peniaga warga asing yang mengusahakan gerai haram?
- b) Apakah tindakan terhadap mereka yang menyewakan gerai kepada warga asing?
- c) Nyatakan statistik tindakan terhadap mereka yang terbabit mengikut PBT?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker antara tindakan terhadap warga asing yang mengusahakan gerai haram ialah satu PBT mengadakan operasi bersepadu di antara PBT, Pejabat Daerah Tanah dan Polis Diraja Malaysia bagi mengambil tindakan pencerobohan peniaga warga asing yang mengusahakan premis-premis haram contohnya di Jalan Teratai, Meru serta gerai haram di Bandar Sultan Sulaiman, Pelabuhan Klang. Tindakan sitaan ke atas peralatan perniagaan peniaga tersebut. Dan tiga, tindakan pencerobohan dilakukan sekiranya mereka, perobohan dilakukan sekiranya mereka berniaga digerei atau struktur yang didirikan tanpa kebenaran PBT. Antara tindakan PBT kepada pengusaha gerai yang menyewakan gerai mereka kepada warga asing, sekiranya terbukti pengusaha akan dikenakan kompaun oleh PBT dan permit akan dibatalkan serta akan menyita premis dan peralatan perniagaannya.

Statistik tindakan yang telah diambil oleh PBT ialah Shah Alam 2 pada tahun 2013. Shah Alam 2, PJ tiada, Subang Jaya 84, Kajang tiada, Selayang 30, Klang 4, Ampang Jaya 154, Sepang 2, Kuala Selangor tiada, Sabak Bernam tiada, Kuala Langat 20, Hulu Selangor tiada jumlahnya 296.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Soalan No. 224, terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(DENGKIL)**

**TAJUK: GANGGUAN BEKALAN AIR**

224. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan kronologi peristiwa bagaimana perkara ini berlaku?
- b) Nyatakan sistem dan sumber bekalan air bagi kawasan DUN Dengkil?
- c) Apakah tindakan jangka pendek dan panjang bagi memastikan ia tidak berulang?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima Kasih, Puan Speaker. Dengkil bertanyakan berkaitan dengan masalah gangguan air yang berlaku di kawasan Dengkil baru-baru ini. Kejadian yang terjejas ialah loji penapis air LPA Bukit Tampoi dan LPA Batu 11 Cheras adalah punca daripada sumber air mentah daripada Sungai Langat pencemaran tersebut adalah disebabkan oleh kandungan ammonia yang melebihi paras yang dibenarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Terutamanya pencemaran yang berlaku daripada loji kumbahan. Kejadian yang terjejas di loji tersebut berlaku semenjak akhir Januari 2014 dan masih belum pulih sehingga hari ini disebabkan oleh keadaan cuaca kering yang melampau di samping kasar hujan yang sangat minimum. Minta maaf kepada Dengkil kerana saya tidak ada belum mendapat kronologi yang tepat tentang berkaitan dengan perkara ini berlaku dan saya akan berikan kepada Dengkil kronologi tersebut kemudian. Berkaitan dengan sistem dan sumber bekalan air bagi kawasan luar Dengkil, kawasan luar Dengkil mendapat bekalan air daripada loji rawatan air Bukit Tampoi dan loji rawatan air Sungai Langat sistem bekalan air yang menampung permintaan di kawasan Dengkil adalah sama seperti kawasan-kawasan luar lain di mana air daripada sungai dirawat dan diproses oleh loji rawatan air dalam DUN Dengkil oleh loji rawatan air yang dikendalikan Puncak Niaga Sdn. Bhd. dan selepas itu diagihkan kepada pengguna oleh SYABAS. Operator tunggal di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Berkaitan dengan langkah-langkah yang akan diambil tindakan-tindakan yang diambil bagi memastikan ianya tidak berulang sebenarnya banyak faktor-faktor ataupun punca-punca utama kenapa paras ammonia itu tinggi di kawasan sumber air mentah.

Di Malaysia umumnya bagi merawat *affluence* yang dilepaskan oleh loji kumbahan sistem-sistem rawatan utama yang digunakan secara menyeluruh adalah tangki *septic individual*, tangki *in-house* dan sistem-sistem kos rendah seperti kolam-kolam pengoksidan sebagai tambahan kawasan bandar yang besar adalah menggunakan tangki *septic individual* yang terdapat lebih daripada sejuta tangki *septic individual* di Malaysia. Tangki-tangki ini hanya merawat kumbahan secara separa melepaskan *influence* yang masih mempunyai bahan organik yang tinggi. Ini berpotensi untuk mengakibatkan masalah kesihatan awam dan persekitaran terutamanya di kawasan Bandar. Indah Water Konsortium bertanggungjawab untuk merancang dan merealisasikan kemudahan-kemudahan pembentukan awam untuk mengurangkan loji-loji olahan dengan menggunakan konsep berbilang titik atau serantau. Akhirnya paip-paip pembedungan dibina di kawasan bandar yang menggunakan dan menyalurkan kumbahan ke kemudahan rawatan sekunder yang moden. Memastikan sumber Negeri Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan adalah tanggungjawab kerajaan Negeri dalam pelbagai usaha telah diambil bagi tujuan tersebut. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah melalui pelaksanaan pengurusan Lembangan Sungai bersepadu seperti Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Selangor 2007/2012 yang mana antara polisi terutama adalah memastikan air bersih dan memastikan air bersih. Selain itu, bagi memelihara sumber air dan

lembangan sungai yang membekalkan air di negeri. Kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan, berterusan dijalankan oleh Jawatankuasa yang ditubuhkan. Satu Jawatankuasa Lembangan Sungai yang dipengerusikan oleh EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Jawatankuasa Pasukan Petugas Pengawasan Pencemaran Sungai Kelang, Sungai Langat, dan Sungai Selangor yang dipengerusikan oleh Lembaga Urus Air dan yang ketiga Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Air Sumber Air yang dipengerusikan oleh EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam. Selain daripada itu, sekiranya sesuatu pencemaran sungai berlaku Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air yang dipengerusikan oleh Lembaga Urus Air Selangor yang dianggotai oleh Jabatan-jabatan Kerajaan dan Syarikat Konsesi Air yang berkenaan akan membuat siasatan bagi mengenal pasti punca pencemaran tersebut dan seterusnya mengambil langkah-langkah proaktif untuk memastikan masalah pencemaran tersebut termasuklah mengambil tindakan undang-undang. Dalam pada itu bagi memantapkan penguatkuasaan terhadap aktiviti-aktiviti pencemaran sumber air Kerajaan Negeri Selangor melalui LUAS sedang menyediakan peraturan-peraturan LUAS 201/10 bagi mengawal bahan pencemar yang masuk ke sumber air dan sekali gus dapat mengurangkan kesan terhadap kualiti sumber air. Pada masa yang sama juga Kerajaan Negeri sedang berusaha menganjurkan aktiviti kesedaran awam dan melibatkan komuniti setempat dan pihak berkepentingan bagi memberikan pendedahan akan kepentingan pemeliharaan sumber air dan alam sekitar di samping menjaga sumber air serta mengekalkan kualiti hidup masyarakat sejahtera.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh LUAS adalah:-

- (i) Program Pembersihan Pantai dan Kempen Tanam Pokok Bakau di Pantai Tanjung Harapan;
- (ii) Program Kualiti-kualiti yang melibatkan komuniti dan pelajar sekolah dalam pemantauan kualiti air sungai yang telah dilancarkan pada 29 Jun 2008
- (iii) Program Kitar Semula Sisa Minyak Masak;
- (iv) Mengadakan ceramah-ceramah dan pameran-pameran dari masa ke semasa

Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.00pagi dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya sambungan usul No.13 Tahun 2014. Usul dibawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Damansara Utama.

**TUAN SPEAKER:** Saya mempersilakan Yang Berhormat Hulu Kelang untuk menyambung perbahasan semalam.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Puan Speaker, semalam saya memohon untuk memberi sokongan kepada penyata, usul yang telah dibawa oleh Damansara Utama di mana saya menegaskan perihal pentingnya SSIC mempunyai *Blueprint* dengan izin ataupun pelan tindakan. Pelan tindakan SSIC diperlu dikembalikan perlu melihat dengan izin *Co-Business* SSIC, iaitu di dalam untuk menarik pelaburan. Merujuk kepada muka surat 9 dan 8, Penyata ulasan daripada jawatankuasa adalah prestasi untuk menarik kemasukan pelabur perlu dipertingkatkan. Dari tahun 2009 hingga 2013 jumlah pelabur yang masuk ke Selangor adalah sebanyak 1052 orang ataupun 1052 pelabur yang mencatatkan pada 2012 bilangan pelabur yang terendah iaitu 186 iaitu 17.7 peratus sahaja daripada purata yang sepatutnya 24 atau 25 peratus setiap tahun. Dan dengan itu juga prestasi pelaburan Negeri Selangor merudum daripada 4.2 bilion, kepada 2.21 yang menunjukkan kadar hanya 14.2peratus dari tahun 2013.

Ini bermakna satu kajian perlu diteliti bagaimanakah kadar bilangan pelabur dan jumlah pelaburan Negeri Selangor daripada luar Negara dapat dipertingkatkan. Merujuk kepada perakuan SSIC di antara masalah yang dihadapi ialah kerana prestasi pelaburan, di Negeri Selangor menurun pada 2011 dan 2012 disebabkan oleh perubahan bilangan pelabur yang keluar masuk ke Negeri Selangor. Jadi ini bererti kawalan dan tarikan perlu dipertingkatkan agar pelabur keluar masuk itu konsisten dan tidak merudum ke tahap yang keterlaluan. SSIC juga berusaha untuk menarik minat pelabur-pelabur luar dengan menyediakan pelbagai bahan promosi seperti video montaj, *brochure*, majalah, buku, dan sebagainya dan antara perakuan yang agak menarik yang telah dinyatakan oleh penyata ini adalah kebanyakan pelabur China di Selangor lebih berminat kepada sektor hartanah dan satu anjakan sedang dilakukan oleh SSIC yang sedang berusaha menarik minat mereka dengan lebih menumpu dalam bidang industri, teknologi, terutamanya teknologi maklumat, teknologi penyelenggaraan, dan pembinaan kapal terbang. Jadi ini kita perlu lihat dari segi unjuran yang positif kerana dengan insiden dan tragedi MH370 yang banyak melibatkan warganegara China, satu persepsi negatif mungkin akan ditimbulkan dalam konteks pelaburan di Negeri Selangor.

Tetapi oleh kerana kita melihat secara *outside the box* dengan izin iaitu SSIC sendiri telah merangkakan satu galakan dalam bidang perindustrian dan penyelenggaraan dan pembinaan kapal terbang. Ini merupakan satu pendekatan yang boleh difokuskan dan kemungkinan dia akan menarik pelabuhan asing khususnya daripada Negeri China. Satu lagi bidang yang menimbulkan masalah dengan *Co-Business*

dengan izin SSIC adalah semakan audit menyatakan maklumat pelaburan tidak diselenggara dengan sempurna semakan Audit Negara juga menjelaskan bahawa SSIC hanya mempunyai maklumat lokasi perindustrian secara umum dalam laman sesawang tidak mempunyai satu maklumat yang *comprehensive* dengan izin yang lengkap yang teratur dengan teliti dan itu menyebabkan SSIC sendiri membuat perakuan dia mendapati agak susah untuk mendapat menyelesaikan sebahagian besar daripada masalah yang dihadapi oleh pelabur-pelabur kerana masalah pelabur tersebut terletak di luar bidang kuasa SSIC yang melibatkan utiliti dan infrastruktur. Jadi semalam Bukit Tunku telah menimbulkan aduan-aduan yang telah ditimbulkan oleh pelabur-pelabur yang kurang berminat dengan lokasi-lokasi yang rasmi yang telah disyorkan oleh SSIC antara lain *complain* aduannya seperti penyelenggaraan jalan, keadaan kebersihan, kekemasan dan peraturan, infrastruktur tidak sempurna dan seolah-olah aduan yang diterima daripada lokasi perindustrian yang dicadangkan oleh SSIC sama seperti aduan-aduan yang ditimbulkan oleh kawasan perumahan. Jadi satu usaha yang lebih terancang yang lebih fokus dengan kerjasama dan bersepadu antara pihak-pihak PBT yang terbabit dengan SSIC hendaklah dipertingkatkan agar usaha sama ini dapat membolehkan minat pelabur-pelabur asing datang masuk ke Malaysia, Selangor.

Jadi antara penemuan jawatankuasa adalah SSIC tidak mampu menyelesaikan masalah besar, masalah yang dihadapi oleh pelabur-pelabur kerana menerima kekangan daripada pihak ketiga seperti Pihak Berkuasa Tempatan. Kami melihat bahawa ianya adalah kedua-dua pihak, pihak yang terlibat SSIC hendaklah melakukan langkah-langkah proaktif untuk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak PBT yang berkenaan dan dalam masa yang sama pihak PBT juga hendaklah memudahkan dalam rangka memberi bimbingan dan panduan, teguran dan mempercepatkan proses yang boleh meluluskan dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak PBT. Jadi itu antara perkara yang ingin saya tegaskan dalam masa yang sama kerjasama di antara SSIC untuk memanfaatkan promosi MIDA kerana MIDA adalah rangkaian yang lebih meluas dan dengan itu saya mohon menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah saya buka untuk perbahasan, Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Terima kasih Puan Speaker, Kinrara ingin turut serta dalam perbahasan untuk menyokong usul yang dibawa oleh Damansara Utama.

Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat berdasarkan penyata yang lepas bagi Dewan Negeri Selangor mengenai SSIC didapati prestasi pelaburan di Negeri Selangor menurun pada 2011 dan 2012 yang disebabkan oleh perubahan bilangan pelabur yang keluar dan masuk di negeri ini. Disamping berusaha bagi mempertingkatkan prestasi pelaburan sebagai sebuah negeri termaju di Malaysia transformasi ekonomi Selangor juga tidak kurang penting. Transformasi ekonomi yang dimaksudkan di sini bermakna sudah tibalah masa sektor ekonomi Negeri

Selangor beralih daripada sektor *premier* dan sektor sekunder iaitu pembuatan kepada sektor iaitu industri perkhidmatan. Industri perkhidmatan merupakan sebuah industri penting yang dianggap sebagai penjana pertumbuhan ekonomi Negara pada masa yang akan datang terutama dalam mengeratkan dari segi ke arah status berpendapatan tinggi.

Jika melihat daripada ekonomi Negara maju sektor perkhidmatan lazimnya menjadi penyumbang terbesar kepada keluaran ekonomi. Ekonomi sedunia telah membayangkan pertumbuhan sektor ini akan berlaku secara menyeluruh terutama dalam industri perniagaan dan perkhidmatan profesional, pendidikan dan latihan, teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT, penjagaan kesihatan dan pelancongan serta industri kewangan. Oleh itu sebagai peneraju ekonomi Negara Selangor juga harus mencapai mentransformasikan ekonomi negeri sejajar dengan pertumbuhan yang pesat.

Selain itu Kinrara melihat pengaliran sektor ekonomi *premier* dan sekunder kepada sektor teater, dapat melahirkan warga Selangor yang lebih berkemahiran serta berpendapatan tinggi. Kerajaan negeri juga perlu melihatkan tenaga buruh berkemahiran dan bukan lagi bergantung kepada penawaran tenaga buruh yang murah untuk menarik pelaburan di negeri ini supaya taraf kehidupan warga Selangor dapat ditingkatkan lagi.

Justeru itu, berdasarkan hujah-hujah ini, Kinrara melihat penurunan peratusan pelaburan bagi sektor perindustrian ataupun sektor pembuatan tidak harus dikhuatiri. Sekiranya ia merupakan sebahagian daripada transformasi yang sihat, di mana sektor perkhidmatan akan diberi tumpuan pada masa yang hadapan dalam mempertingkatkan prestasi pelaburan Selangor. Hal ini sekali gus dapat mengurangkan masalah-masalah sampingan seperti masalah penghasilan sisa-sisa perindustrian oleh sektor perindustrian yang akan mencemarkan alam sekitar di negeri ini. Ini merupakan permulaan yang baik untuk negeri Selangor bagi menjadi sebuah negeri hijau yang bukan saja mementingkan kepentingan ekonomi tetapi juga amat prihatin terhadap kepentingan sosial berbanding Barisan Nasional yang menyambut baik kemasukan *firmer-firmer* seperti LYNAS di Pahang dan RAPID di Johor yang akan memberi kesan buruk kepada kesihatan rakyat dan alam sekitar. Kinrara amat kesal apabila BN sanggup menggadaikan nyawa rakyat demi kepentingan ekonominya. Adakah ini sebagai balasan kepada rakyat yang memberi mandat kepada Pahang dan Johor.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh penjelasan. Kinrara, berapa ramai Dah berapa ramai yang meninggal di kilang LYNAS Kuantan Pahang.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Saya bukan kata meninggal. Saya katakan mengabaikan kesihatan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** YB kata akan memberikan kesan, apa kesan dia. Tolonglah jelaskan berapa orang dah yang terjejas penduduk di kawasan berkenaan. Jangan buat tuduhan saja, kalau tak ada bukti pun.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Sudah banyak laporan, laporan dari antarabangsa bahawa LYNAS adalah akan membahayakan kesihatan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ialah saya tanya berapa orang yang sudah meninggal, berapa orang yang sudah , berapa yang sudah . tak ada bukti.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekarang bukan sesi nak berbalas-balas, kalau nak bagi ruang mencelah boleh tapi... Kinrara bagi ya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Nak mencelah sikit. Saya ingin bertanya pada YB Kinrara, adakah Y.B. Kinrara tahu bahawa sebenarnya tidak lama dahulu, kilang LYNAS ini, saya kata macam ni. Kilang LYNAS ni telah mengakibatkan kemalangan jalan raya di satu, Lebuhraya Karak ya, di mana sisa-sisa pepejal, yang mempunyai, yang Lebuhraya berbahaya telah tertumpah dan menyebabkan pihak-pihak kerajaan, Kesihatan, Jabatan Alam Sekitar terpaksa menutup seluruh kawasan itu untuk membersihkan kawasan itu. Betapa berbisanya bahan-bahan sisa daripada LYNAS ini. Dan ini terpaksa diimport, eksport melalui Pelabuhan Klang bukan Pelabuhan Kuantan. Saya ingin bertanya kepada Y.B. Kinrara, adakah Y.B. Kinrara tahu tentang perkara ini dan adakah ini juga merupakan satu bukti bahawa kilang LYNAS ialah kilang yang menghasilkan bahan-bahan yang berbisa.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku, kalau tanya Kinrara kena tengok kat Kinrara lah. Ini tengok ke lain.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Ya, untuk menjawab Kampung Tunku , satu saya beri satu bukti kepada Permatang, adalah Bukit Merah di Perak. Bukit Merah di Perak, kenapa ditutup. Adakah Bukit Merah dah memberi kesan sampingan kepada penduduk di sekitarnya. Jadi jelasnya kalau LYNAS tu selamat, kenapa tidak dibina di Australia.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh beri penjelasan Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya nak tanyalah, LYNAS sebenarnya bukan isu pun. Hanyalah persepsi berjalan dari Kuantan ke Kuala Lumpur. Itu semua propaganda DAP. Hari ni LYNAS berjalan dengan elok. Orang boleh bekerja, pengurusan berjalan dengan baik. Ada produk yang baik. Beri kesan ekonomi yang baik kepada rakyat tempatan, tak ada isu, tak ada yang terbunuh, meninggal, mati ataupun penduduk sekitar menerima kesan-kesan persekitaran, tak ada pun.

Hanyalah persepsi yang dibina, dibentuk hanya untuk memburuk-buruk kan saja, itu lah agenda jahat yang dibuat oleh pihak DAP, itu saja.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Saya setuju, saya setuju kita perlu menarik lebih banyak perindustrian hijau tetapi hijau bukan perindustrian seperti LYNAS, yang akan membawa kesan yang buruk kepada negeri kita. Tu akan, tetapi adakah Permatang boleh janji Barisan Nasional boleh janji, LYNAS ni boleh selamat selama-lamanya untuk seluruh Malaysia.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Y.B. setakat ini

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kinrara nak bagi peluang pada sapa Kinrara. Ada Kampung Tunku, ada Permatang.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya ingin bertanya pada Y.B. Kinrara, bukankah agak pelik sekiranya LYNAS yang begitu selamat, LYNAS itu begitu *profitable*. Mengapa kilang LYNAS ini tidak dibuat di Kuala Lumpur ataupun di Putrajaya. Kan lebih baik dekat Putrajaya. Dia ada KLIA boleh terus mengangkut dari Australia dan eksport dari Australia melalui KLIA , kan lagi cepat. Lagi menjimatkan kos..

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Jangan di Putrajaya atau di Kuala Lumpur, dekat sangat dengan Selangor. Kita nak tolak LYNAS.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya ingin mempersilakan pihak kerajaan jika ingin membuat apa-apa penjelasan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Timbalan Speaker, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Damansara Utama, Kinrara, Kampung Tunku, Hulu Kelang yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan tentang usul penyata JP ABBAS berkenaan dengan SSIC Berhad. Saya amat menyambut baik tentang saranan ya yang dikemukakan oleh jawatankuasa supaya pengurusan di SSIC Berhad dapat dipertingkatkan lagi walaupun ia sudah memuaskan. Saya percaya bahawa perkhidmatan dan mutu kerja kita boleh diperbaiki lagi dengan penambah baik secara berterusan. Tuan Timbalan Speaker, SSIC merupakan sebuah agensi yang memberi perkhidmatan kepada pelabur di Selangor. Ia juga dipertanggungjawab juga dipertanggungjawab menarik pelaburan ke negeri ini. Tapi SSIC tidak mempunyai kuasa untuk memberi arahan kepada agensi kerajaan yang lain. Justeru itu SSIC Berhad akan terus bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dan pejabat tanah untuk menyelesaikan masalah isu tanah dan isu infrastruktur ataupun tentang bangunan kilang dan sebagainya. Kerajaan Negeri secara dasarnya telah memberi kebenaran kepada PBT untuk menggunakan sebahagian peruntukan MARRIS bagi menyelesaikan masalah jalan dan longkang di

kawasan industri. PBT juga boleh mengemukakan permohonan dan cadangan kepada pihak MAIDA setiap tahun untuk mendapatkan peruntukan khas bagi menaiktaraf infrastruktur di kawasan industri. Untuk makluman dewan yang mulia ini, baru-baru ini SSIC Berhad dengan kerjasama *Federation of Malaysian Manufacture* (FMM) Selangor dan juga MONASH Universiti Malaysia telah melancarkan satu kajian mengenai keperluan dan permintaan warga industri di negeri Selangor. Dengan kerajaan ini kita berharap dapat memahami isu dan kekangan yang dihadapi oleh mereka secara mendalam. Saya amat setuju dengan cadangan untuk mengadakan pelan tindakan ataupun *Blueprint* yang dibangkitkan oleh Damansara Utama dan Hulu Kelang bagi menentukan arah pembangunan industri di Selangor. Ini adalah masa yang sesuai supaya SSIC boleh menggunakan sumber yang terhad dengan lebih berkesan dan fokus dalam usaha mempromosikan Selangor sebagai destinasi pelaburan. Saya juga amat setuju dengan Kinrara bahawa ekonomi Selangor adalah dalam proses peralihan daripada sektor pembuatan ke sektor perkhidmatan dan ini juga disokong dapat statistik. Statistik mengenai komposisi ekonomi negeri Selangor bahawa sektor perkhidmatan di negeri Selangor adalah lebih kurang 56% dan manakala untuk pembuatan kita ada 34 hingga 36% dan bagi kilang ataupun industri yang berpotensi untuk memberi pencemaran ataupun impak kepada alam sekitar ataupun tidak mesra alam sekitar adalah tidak sesuai untuk negeri Selangor. Sekian, Tuan Speaker.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Timbalan Speaker . Nak mohon sedikit penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Seri Kembangan dah duduk. Dia dah duduk tadi. Ahli-ahli YB sekalian, ada pun masalah di hadapan dewan satu usul yang berbunyi..bahawasanya menurut peraturan 76(5) peraturan-peraturan tetap dewan negeri Selangor , dewan yang mulia ini menerima penyata jawatankuasa pilihan agensi, badan berkanun dan anak syarikat Kerajaan negeri Selangor, JP ABBAS bagi dewan negeri Selangor berkenaan Selangor State Investment Centre Berhad (SSIC) yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat bilangan 6 tahun 2014. Ahli-ahli YB yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli YB yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA BAHAGIAN:** Usul seterusnya usul no. 14 tahun 2014 , usul di bawah peraturan tetap 76(5) oleh YB Lembah Jaya.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Tuan Speaker, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian, bahawasanya mengikut peraturan 75(5).

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Speaker, peraturan tetap.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Speaker, peraturan tetap.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Duduk Lembah Jaya. Peraturan tetap 36(2).

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya memang sudah meneliti laporan yang akan dibentang oleh Y.A.B. sahabat saya, jiran saya dari Lembah Jaya tapi peraturan 36(2), mana-mana perkara yang masih dalam pertimbangan mahkamah ni kalau boleh tak dibawa dalam perbincangan. Jadi dalam laporan ini saya dapati bahawa Yayasan Selangor sedang dalam proses mahkamah kepada pihak yang syarikat *Bernam River Airfield* ni dan didapati syarikat ni sedang dalam pertimbangan mahkamah belum ada keputusan mahkamah. Jadi apakah Y.B. Speaker, akan memberi laluan peraturan ini dibentangkan atau kita tunggu sehingga sidang yang kemudian nanti, yang akan datang sehingga mahkamah selesai, baru kita bentangkan laporan kepada mahkamah . Itu saya mohon penjelasan Speaker.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Tuan Timbalan Speaker, jawapan kepada peraturan tetap

**Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, sebenarnya Pandamaran boleh bagi pandangan Pandamaran tentang peraturan tetap, tetapi keputusan nya di tangan Speaker.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Ya, benar-benar. Saya ingin menyatakan bahawa peraturan 36 berkenaan dengan pembahasan. Selama ni tak ada peruntukan, peraturan yang menghalang satu usul dimasukkan atas alasan seperti yang dinyatakan peraturan tetap 36 jadi sekiranya dalam perbahasan oleh pencadang, penyokong ataupun sesiapa pun.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya minta penjelasan. Peraturan mana dia rujuk.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Peraturan 36. saya sekarang katakan 36(2). 36(2) ini berkenaan dengan isu ucapan tapi dia tidak berkenaan dengan usul atau kandungan usul. Jadi adalah salah bahawa sebelum pencadang menyatakan dalam pembahasan, beliau telah membawa bantahan ini terhadap apa yang belum dibincang ataupun dibahas. Jadi sekiranya Permatang...

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Keputusan pada Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, saya faham. Saya faham. Tapi saya bagi peluang pada permatang bacakan peraturan, saya bagi Pandamaran sebelum saya buat keputusan.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Ya sekiranya Permatang tidak bersetuju dengan usul yang dibawa itu dia boleh bantah atau tidak bersetuju but akhirnya semasa keputusan dibuat , tetapi dia tidak boleh menghalang ataupun membawa ini sebagai satu bantahan sebelum bahasan dibuat kerana 36(2) tidak sesuai untuk menghalang usul dibawa. Itu pandangan saya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya duduk semua Y.B.-Y.B. sekalian, pada pertimbangan saya ya, sebagaimana jelas disebutkan di sini , saya tidak merasakan dengan kita membentangkan penyata ini, dia menjejaskan kepentingan pihak terbabit di dalam mahkamah. Bagi saya keputusan saya membenarkan kenyataan ini dibentangkan. Ya, terus kan Lembah Jaya.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh minta penjelasan sikit Speaker. Saya sebenarnya tiada halangan untuk jawatankuasa ini membentangkan dan saya pun ikut peraturan, saya suka kalau laporan ini dibentangkan cuma kita, pada pendapatan saya biarlah kita konsisten. Apa-apa yang dalam perintah mahkamah, pertimbangan mahkamah, rayuan mahkamah, kalau kita konsisten dengan satu perkara kita kena konsisten. Mana-,mana pun jangan disebut. Boleh tangguhkan sebenarnya laporan ni sekiranya ia penting. Saya faham ia penting kepada dewan boleh tangguhkan. Saya minta pendapat Speaker. Itu saja.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Y.B. Duduk. Duduk Pandamaran. Saya pun belajar undang-undang. Bagi saya kita tengok *content* dalam Speaker, ataupun saya Timbalan Speaker kita membuat pertimbangan untuk dibahaskan suatu perkara. Kita melihat *content* perkara tersebut. Jadi di dalam perkara ini ya, penyata ini belum dibentangkan lagi jadi saya ingin membenarkan Lembah Jaya membentangkan penyata tersebut dan kalau pun dibentangkan nanti, kita baca klausa tu secara keseluruhan sekiranya tidak dirasa merosakkan kepentingan pihak yang berbicara, maka tidak apa halangan untuk perkara tersebut boleh dibahaskan nanti. Teruskan Lembah Jaya.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Terima kasih Tuan Speaker. 'Mengata dulang paku serpih, mengata orang dia yang lebih. Kalau kita tengok yang lepas dalam kes Dato' Seri Anwar Ibrahim juga dalam proses rayuan, dalam kes *Bernam River Airfield* juga masih rayuan. Saya kira perkara itu diam, tidak sedar. Diam cakap. Ok, saya teruskan kepada usul saya. Bahawa menurut Peraturan 76 (5), Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai agensi, badan berkanun dan anak syarikat kerajaan negeri JP-ABAS bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan *Bernam River Airfield* yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat Bil. 6 tahun 2014. Tuan Timbalan Speaker, pada 5 Oktober tahun 2011 pihak Jawatankuasa Pilihan telah membuat satu lawatan hasil daripada maklumat yang kita dapat bahawa wujudnya sebuah lapangan terbang haram di negeri Selangor yang dinamakan *Bernam River Airfield*. Dan pada bulan November

2014 kita telah membuat lawatan sekali lagi kerana kami difahamkan kawasan tersebut masih beroperasi. Jadi sebagai pengenalannya *Bernam River Airfield* mula beroperasi pada tahun 2007 usahasama di antara Yayasan Selangor dengan Tetuan *Aviation Development Corporation Sdn. Bhd.* iaitu AVC, *Bernam River Airfield* digunakan sebagai lapangan terbang ringan persendirian. Tanah yang digunakan masih berstatus pertanian dan tiada permohonan tukar syarat oleh pihak Yayasan Selangor dan peruntukan sebanyak RM7 juta telah dibelanjakan bagi membangunkan kawasan termasuk bayaran sugu hati kepada penduduk setempat dan juga peluang pekerjaan. Notis Borang 7A telah dikeluarkan kepada pihak Yayasan Selangor pada 24 Mei 2011 dan pihak Yayasan Selangor diminta memulihkan tanah tersebut kepada keadaan kategorinya yang asal iaitu pertanian dengan syaratnya ialah tanaman dusun tapi apa yang ada di sana pada hari ini ialah sebuah lapangan terbang haram.

Jadi, dalam perkembangan terbaru yang kami pergi buat lawatan, kami dapati pihak agensi iaitu pihak syarikat yang membuat kerjasama dengan Yayasan Selangor telah memasang pagar baru di sekeliling dan berserta pintu masuk dan menurap jalan masuk dari jambatan hingga ke pintu masuk. Sebelum ini memang tak ada yang itu, sekarang ini, walaupun pihak sepatutnya memberhentikan operasi tapi dia masih beroperasi dengan membuat penambahan-penambahan dan pihak agensi juga telah mengemukakan pelan *layout* bagi kelulusan semua jabatan berkaitan *Airport Service Department* dalam tempoh 12 bulan daripada perjanjian tetapi agensi tidak mendapat kelulusan jabatan-jabatan yang berkaitan. Yang ketiga, pihak agensi gagal membayar baki harga nilai sebanyak RM1,290,947 kepada pihak peguam, pihak AVC sebagai *stakeholder* dalam tempoh 14 hari daripada tarikh tamat tempoh *development grace period* iaitu 12 bulan daripada tarikh perjanjian. Perkara yang keempat, pihak AVC, pihak..Perkara yang keempat mulai tahun 2007, AVC telah memasuki tapak walaupun perjanjian masih belum ditandatangani. Kelulusan dari segi tapak adalah berdasarkan MOU dan bagi mengelak kegiatan mencuri pasir. Bermakna pada ketika itu, ada kegiatan-kegiatan mencuri pasir walaupun belum mendapat kebenaran, pihak AVC telah menceroboh kawasan tersebut. Yang kelima sejak tahun 2007, AVC telah melaksanakan pembangunan awal di atas tanah tersebut walaupun belum mengemukakan pelan cadangan pembangunan sebenar dan kelulusan pembangunan masih belum diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Perkara yang keenam, Yayasan Selangor juga telah membuat laporan bahawa terdapat aktiviti tak bermoral dan menyalahi undang-undang di lokasi projek tersebut. Maklumat yang kita perolehi daripada Yayasan Selangor, di mana Yayasan Selangor telah menyaman pihak AVC. Yayasan Selangor telah memenangi kes itu dan AVC telah mengemukakan rayuan oleh sebab masih menunggu keputusan mahkamah maka pihak Yayasan Selangor tidak dibenarkan untuk memasuki kawasan tersebut oleh pihak AVC iaitu *Bernam River Airfield*.

Makna dalam Hulu Selangor juga tidak mengambil sebarang tindakan terhadap AVC, menurut mereka, mereka akan menunggu sehingga keputusan mahkamah yang

masih belum selesai. Dalam jawatankuasa juga mempunyai beberapa perkara yang perlu kita semua tahu iaitu keadaan jalan masuk dan laman sekitar kawasan masuk masih diselenggara dengan kemas dan teratur. Yang kedua, kemudahan chalet kelihatan bersih dan teratur dan menunjukkan aktiviti kehadiran pelanggan masih aktif. Yang ketiga, keadaan landasan kapal terbang yang kelihatan kurang berjaga di mana terdapat tompokan-tompokan najis haiwan di mana di sana terdapat apa, seperti lembu dan kerbau dalam kawasan tersebut. Ini dalam kawasan lapangan terbang ya. Ada lembu dan kerbau. Pihak, perkara yang keempat, pihak AVC dikatakan mempunyai perancangan untuk membangunkan kawasan tersebut untuk dijadikan akademi penerbangan ringan siap dengan bilik-bilik kuliah dan asrama serta rumah-rumah banglo dengan kemudahan tempat letak kapal terbang ringan di hadapan setiap banglo. Itu perancangan pihak AVC lah. Yang kelima, Yayasan Selangor cuba membuat rundingan dengan pihak AVC di luar mahkamah bagi mencari jalan penyelesaian tetapi setakat ini gagal. Jawatankuasa menyarankan agar kerajaan mengambil tindakan, yang pertama, kerajaan negeri perlu mewujudkan satu pasukan untuk menyemak dan meneliti perjanjian usaha sama yang ditandatangani pada 15 Ogos 2007 di antara Yayasan Selangor dengan pihak AVC agar sebarang amalan yang menyalahi peraturan dan etika dapat dibetulkan dan individu-individu yang terlibat bagi pihak anak syarikat kerajaan negeri dapat dipertanggungjawabkan. Yang kedua, kerajaan negeri mewujudkan sebuah *task force* bagi mengkaji secara mendalam kesesuaian penggunaan tanah seluas 217 ekar berdasarkan nilai penggunaan tanah semasa serta unjuran penggunaan tanah masa hadapan berbanding syarat kelulusan asal bagi menjana hasil dan pulangan yang optimum kepada Kerajaan Negeri dan manfaat sebaiknya kepada rakyat Selangor.

Saranan yang ketiga ialah Kerajaan Negeri perlu memberi tumpuan khusus agar Pejabat Tanah Daerah Hulu Selangor dapat menyempurnakan proses dan langkah-langkah pemulihan tanah seluas 217 ekar tersebut kepada syarat asal ataupun memulakan proses pertukaran syarat melalui permohonan Yayasan Selangor bergantung pada tindakan. Yang keempat, kerajaan negeri memberi tumpuan khusus agar Majlis Daerah Hulu Selangor mengambil langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang diperuntukkan di bawah undang-undang bagi menghentikan operasi komersial tanpa kebenaran yang sah di lokasi tersebut sekiranya tidak terikat dan tertakluk kepada proses mahkamah yang masih dalam proses rayuan. Untuk makluman sidang dewan sekalian, dalam lawatan di sana kami dapati ada sebuah kapal terbang buruk yang lebih besar daripada kapal terbang biasa ada di sana, yang pastinya ia bukan MH 370. Mohon mencadang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong maka saya buka usul ini untuk dibahaskan. Saya mempersilakan

pihak kerajaan jika ingin membuat apa-apa penjelasan. Yang Berhormat Selat Kelang.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, dan terima kasih kepada Lembah Jaya yang mencadangkan usul tersebut. Saya bagi pihak kerajaan negeri Selangor mengambil maklum segala saranan, penubuhan jawatankuasa dan saranan jawatankuasa mengenai usul tentang *Bernam River Airfield* ini dan saya memberi jaminan kepada ahli jawatankuasa, ahli-ahli Yang Berhormat, di mana kerajaan negeri Selangor sudah tentu akan mengambil tindakan yang holistik, melihat secara menyeluruh dan mana kita akan memanfaatkan aset-aset sedia ada dan saranan untuk mewujudkan pasukan untuk menyemak dan meneliti perjanjian usaha sama, sudah tentu, Insya-Allah akan di.. memang sedang pun dan telah pun diambil oleh Yayasan Selangor dan begitu juga tentang *taskforce*, mengkaji secara mendalam kesesuaian penggunaan tanah seluas 217 ekar itu dan segala

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. PUAN DR. HAJA HALIMAH BINTI ALI:** Ok.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, terima kasih EXCO, terima kasih di atas keprihatinan untuk mengambil tindakan terhadap saranan-saranan. Untuk pengetahuan EXCO, penyata ini memang sengaja dibawa untuk kali kedua oleh jawatankuasa. Memandangkan penyata yang pertama yang telah dibentangkan pada bulan November tahun 2011 tidak mempunyai, tidak mendapat sebarang reaksi ataupun respons daripada pihak kerajaan. Jadi, saya ingin bertanya, apakah mekanisme yang boleh kita wujudkan agar penyata-penyata daripada jawatankuasa dapat makluman dari segi tindakan, pendirian, walaupun kerajaan tidak faham dan tahu bahawa kerajaan tidak tertakluk dengan usul-usul, cadangan-cadangan dan saranan daripada jawatankuasa tetapi kita hendak wujudkan hubungan yang lebih mesra agar usaha baik yang dilakukan oleh jawatankuasa tidak terabai begitu sahaja?

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih kepada Hulu Kelang. Saya melihatkan mungkin kita ada sedikit masalah *miscommunication* ataupun penemuan atau segala usaha itu tadi tidak terlepas pandang, mungkin oleh kerajaan Selangor dan juga saya tidak tahu sama ada Yayasan Selangor itu sendiri dan mana-mana juga, mana-mana juga badan berkanun ataupun anak syarikat kerajaan negeri Selangor apabila jawatankuasa pilihan dengan JP-ABAS ini telah membuatkan pelbagai siasatan dan juga penemuan-penemuan dan saranan, mereka juga dibekalkan dengan penyata ini. Jadi mungkin sebab itu agak terlepas pandang. Jadi, Insya-Allah kita boleh ambil maklum, kita pastikan segala penyata-penyata yang dibuat oleh JP-ABAS ini akan diambil maklum dan saya harap semua badan berkanun, jabatan dan badan berkanun serta anak syarikat kerajaan negeri Selangor

ambil perhatian segala yang dibangkitkan, segala penyata, segala usul yang dibawa di dalam sidang dewan negeri ini supaya proaktif mengambil perhatian supaya sekiranya ada kelewatan ataupun tidak ada respons daripada kerajaan negeri sendiri, anak syarikat itu sendiri boleh lah memberikan satu peringatan ataupun mengingatkan kerajaan negeri supaya perkara ini diambil tindakan. Begitu juga mungkin dengan JP-ABAS sebab saya lihat kalau disebutkan oleh Hulu Kelang tadi 2011 sekarang dah 2014, agak lama. Mungkin boleh memberikan surat ataupun notis kepada kita kenapa tidak ada tindakan lagi atau respons daripada kerajaan. Jadi Insya-Allah perkara ini boleh kita tambah baik, Insya-Allah untuk penambahbaikan *governance* kita, Insya-Allah. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Adapun masalah di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawasanya menurut Peraturan 76 (5), Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri JP ABAS Bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan *Bernam River Airfield* yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat Bilangan 6 Tahun 2014. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata YA. (Ahli dewan menyebut ya). Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui. Saya sebelum meneruskan perbahasan, saya ingin meminta wakil Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut, bahawasanya dewan yang bersidang pada hari ini, mengikut Peraturan 11 dan 26 (4) dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, hendaklah dimulakan semula pada jam 3.00 petang.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong, saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. (Ahli dewan menyebut ya). Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya, Usul No. 15 Tahun 2014 Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Batu Caves.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Memandangkan Yang Berhormat Batu Caves tidak hadir pada pagi ini, maka saya mempersilakan Ahli Yang Berhormat lain untuk membawakan usul tersebut.

**Y.B. TUAN NG SZEE HAN:** Terima kasih Tuan Speaker, Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin membawa satu usul mewakili Yang Berhormat Batu Caves untuk membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut. Bahawasanya, menurut Peraturan 76 (5), Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai agensi, badan berkanun dan anak syarikat kerajaan negeri JP-ABAS bagi dewan negeri Selangor berkenaan Kem Bina Semangat dan Kem PLKN di Ampang Pecah. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, sebagai tindakan susulan kepada Jawatankuasa Pilihan agensi, badan berkanun dan anak syarikat negeri Selangor yang kali pertama pada Oktober 5, 2011 ke Kem Bina Semangat dan Kem PLKN di Ampang Pecah. Jawatankuasa ini telah mengadakan lawatan kedua pada 11 Februari 2014 untuk mengenal pasti tindakan yang diambil oleh kerajaan negeri dan pihak Yayasan Selangor.

Apa yang mengejutkan JP ABAS adalah pihak pengurusan Yayasan Selangor tidak tahu mengenai kewujudan Penyata yang melibatkan Kem Bina Semangat dan Kem PLKN di Ampang Pecah di bawah pentadbiran Yayasan Selangor yang telah dibentangkan dalam Sidang Dewan Negeri pada tahun 2011. Pihak pengurusan Yayasan juga tidak pernah diminta oleh Kerajaan Negeri untuk memberi maklumat ataupun ulasan terhadap aduan dan gangguan yang terdapat dalam penyata yang telah dibentangkan dalam Sidang Dewan Negeri pada tahun 2011. Jawatankuasa berpendapat Kerajaan Negeri gagal memberi perhatian yang serius terhadap penyata Jawatankuasa Pilihan Dewan yang disertakan oleh Usul daripada seorang Ahli Dewan Negeri Selangor dengan menggalakkan Yayasan Selangor memberi perhatian yang bersungguh-sungguh terhadap isi kandungan dalam Penyata berkenaan. Kerajaan Negeri tidak memandang serius Penyata yang menjadi Kertas Mesyuarat dalam Sidang Dewan yang mulia ini yang mengemukakan di dalam dakwaan dan tuduhan yang mungkin menjurus benar-benar berlaku penyelewengan dalam Yayasan Selangor. Wujudnya budaya tidak bertanggungjawab sesuatu pengurusan di atas kelemahan ataupun dakwaan salah laku terhadap pihak pengurusan yang lalu walaupun kedua-dua mewakili organisasi yang sama, dalam konteks ini Yayasan Selangor. Jawatankuasa menyarankan mengukuhkan dan mengulangi Kertas Bilangan 36/2011, Dewan Negeri Selangor 2011. Jawatankuasa memberi saranan agar ;

- i) Kerajaan Negeri hendaklah mengarahkan Yayasan Selangor memberi ulasan terhadap Penyata Jawatankuasa yang telah menjadi Kertas Bilangan 36/2011 Dewan Negeri Selangor Tahun 2011 dan juga Penyata ini.
- ii) Kerajaan Negeri hendaklah menyediakan laporan dalam tempoh 6 bulan berkenaan tindakan yang akan diambil setelah penyata ini diluluskan dan dengan Usul oleh Dewan Negeri Selangor yang bersidang hari ini.

- iii) Menyasat dakwaan pembabitan Encik Sharifudin Sulaiman, bekas Timbalan Pengurus Besar Yayasan Selangor dalam projek-projek yang tersenarai dalam Penyata ini.
- iv) Kerajaan Negeri menghantar pasukan audit bagi menyemak dan menyiasat semula harga, tawaran harga, nilai projek, terma bayaran dan spesifikasi bagi setiap projek seperti dalam aduan dan dakwaan di dalam Penyata ini. Hasil daripada siasatan audit, sekiranya terdapat salah laku dan penyelewengan Kerajaan Negeri hendaklah mengambil tindakan tegas terhadap pihak-pihak yang berkenaan bagi mengelakkan berulang lagi salah laku tersebut.
- v) Kerajaan Negeri hendaklah mengeluarkan satu kertas putih membersihkan nama baik Kerajaan Negeri dan Yayasan Selangor sekiranya siasatan audit tidak mendapati sebarang amalan salah laku dan penyelewengan seperti yang di dakwakan.
- vi) Kerajaan Negeri hendaklah memupuk penghayatan budaya *accountability* dan integriti dalam satu organisasi seperti Yayasan Selangor.

Dengan itu, sekian terima kasih.

**Y.B. PUAN PEI GEI NEI:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong, maka saya membuka Usul ini untuk dibahaskan. Saya mempersilakan, ya Hulu Klang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Timbalan Speaker, demi sesungguhnya Penyata ini adalah kali kedua dibentangkan dengan penambahbaikan maklumat dan kemas kini maklumat daripada Penyata Pertama yang telah dikemukakan pada tahun 2011. Jawatankuasa menganggap perkara ini adalah suatu perkara yang serius kerana dalam Penyata yang Pertama dan yang Kedua telah dinyatakan beberapa aduan, dakwaan, tuduhan yang serius dan dengan itu Hulu Klang juga telah mengambil inisiatif mengemukakan beberapa soalan yang telah dijawab tiga daripadanya dalam sidang kali ini. Merujuk kepada muka surat 4, kerja-kerja naik taraf surau bagi tambahan kemudahan di Kem PLKN Ampang Pecah, harga tawaran RM329,690. Aduan yang dinyatakan ini adalah surau sudah ada, hanya ganti tiang, ganti siling, ganti pendawaian dan tile baru, pasang lampu dan kipas. Jadi ada kecurigaan bagi pihak yang melapor, yang mengadu sejauh mana tepat dan benarnya tetapi telah dijawab oleh pihak EXCO dalam sidang baru-baru ini tentang surau nilai kontrak RM329,690 adalah benar dan bayaran telah

dibuat RM205,520 baki RM124,169.30. Persoalan saya, dinyatakan di sini nilai akhir kontrak masih lagi pihak kontraktor belum mengemukakan tuntutan akhir. Penyata pertama, dilaporkan pada tahun 2011, dibuat, kerja-kerja sudah siap. Lawatan kedua dilakukan pada bulan November 2013, Januari 2014 dan kita lihat juga telah siap tetapi mengapa nilai kontrak akhir belum dimuktamadkan dan ini konsisten dengan jawapan yang telah diberi tentang pembinaan muka surat lima, pembinaan *multi purpose hall* dengan izin. Harga tawaran RM1,326,254.00, jawapan EXCO adalah nilai yang sebenar dan nilai kontrak akhir dalam proses penyediaan akaun akhir. Jadi 3 tahun telah berlalu dan aduan yang serius yang dilontarkan adalah hanya baik pulih dewan Sistem PA yang baru harga RM100,000, teknikal RM240,000 dan kami Jawatankuasa seluruhnya telah pergi menyiasat tempat tersebut dan kami rasa hairan bagaimanakah wang sebanyak RM100,000 untuk PA Sistem dan Teknikal RM240,000 dibelanjakan tanpa melihat kesan yang nyata. Kami menganggap Ahli Jawatankuasa sebagai dengan izin, kami tidak mempunyai kemahiran dan kepakaran untuk menilai tetapi kami berharap pihak Kerajaan menggerakkan jawatankuasa individu-individu yang berkemahiran dan profesional yang berpakaran untuk menyiasat perkara tersebut kerana melihat dakwaan ini adalah sangat serius, dakwaan yang cukup menghairankan sebagaimana yang telah dijawab oleh EXCO tentang kerja menaik muka surat empat, kerja-kerja menaik taraf padang permainan *volleyball*, sepak takraw dengan harga RM234,191.00 dan dikatakan benar oleh EXCO sedangkan kami berasa hairan tempat itu sebagaimana yang telah saya respons dalam jawapan kepada EXCO adalah tersangat ringkas dan tidak ada justifikasi pada pandangan kami sebagai *layman* dengan izin dengan harga yang begitu tinggi. Jadi saya ingin menyokong agar satu siasatan menyeluruh dilakukan oleh pihak Kerajaan agar nama baik Yayasan Selangor dan Kerajaan Negeri Selangor tidak terjejas. Sekiranya berlaku betul-betul penyelewengan dan telah dikenal pasti siapa yang melakukan penyelewengan tersebut. Untuk maklumat Dewan dalam lawatan kami secara tidak rasmi individu-individu kakitangan Yayasan Selangor membisik-bisik dan menyatakan bahawa ini adalah perbuatan daripada bekas Timbalan Pengurus Besar Yayasan Selangor. Jadi kita tidak mahu perkara ini berlaku demikian sahaja, kita nak satu penyiasatan agar keadilan ditegakkan, orang yang tertuduh dibela dan kalau dia bersalah didakwa. Sekian saya mohon menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya mempersilakan pihak Kerajaan untuk memberikan penjelasan.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker dan terima kasih kepada Kinrara yang membawa Usul ini dan saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri kerana membantu Kerajaan Negeri dan ini memang mengikut prinsip kerja Kerajaan Negeri kita mahu apa-apa sahaja yang ada tanda-tanda penyelewengan atau juga apa-apa yang menimbulkan perkara yang tidak baik dan tidak positif mengenai anak-anak syarikat

ini di bawa ke tengah. Seperti yang saya katakan tadi kenapa tidak ada tindakan daripada Kerajaan Negeri dulu 2011 sekarang 2014, dia punya jawapan adalah sama seperti apa yang disebutkan dalam *Bernam River* ini tadi kerana ada satu komunikasi dan wakil daripada Yayasan Selangor kalau ikut Penyata ini , wakil daripada Yayasan Selangor mengiringi serta memberi taklimat kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Encik Hazandi bin Harun ini gagal dihubungi oleh Yayasan Selangor untuk kita mendapatkan sebenarnya apa yang berlaku semasa lawatan itu dan kenapa pihak pengurusan Yayasan Selangor sendiri tidak dapat tahu mengenai apa hasil daripada lawatan dan segala syor dan sebagainya.

**Y.B. PUAN PEI GEI NEI:** Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya.

**Y.B. PUAN PEI GEI NEI:** Saya ingin mohon penjelasan Yang Berhormat Selat Klang tentang boleh tak jelaskan sikit lagi tentang istilah masalah komunikasi itu sebab dia kurang jelas apa masalahnya sebenarnya sebab itu amat *general* bagi saya.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih, biasanya kalau masa lawatan apabila ada wakil daripada Yayasan Selangor ini bersama-sama dengan Ahli Jawatankuasa JP ABAS ini sepatutnya dia memaklumkan kepada atau menyedarkan pihak pengurusan tinggi itu bahawa ada satu lawatan dan ini yang telah dikomen dan ini yang disyorkan dan untuk menyedarkan memang ada sesuatu yang berlaku kalau tidak sebab saya pun tidak tahu yang lawatan ini berlaku dan kita tidak maklum betapa besarnya jurang di antaranya yang disebutkan tadi sehingga perkara ini dikatakan dikatakan agak serius. Saya bagi pihak Kerajaan Negeri minta maaf kepada Jawatankuasa ini dan saya dimaklumkan oleh Yayasan Selangor

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Selat Klang, Hulu Klang nak ni.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Kejap saya nak sebutkan tadi yang disebutkan oleh Hulu Klang tadi, di mana sepatutnya , dah lupa dah.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Penyata Dewan adalah satu yang serius terutamanya apabila diiringi dengan Usul. Pegawai-pegawai EXCO yang bertanggungjawab, pegawai-pegawai daripada Agensi dan Yayasan Selangor daripada konteks ini sepatutnya hadir. Dan bagi pihak Jawatankuasa peranan kami adalah untuk membawa Usul dalam Penyata di dalam Sidang Dewan. Apabila Usul dan Penyata dikemukakan pada Sidang Dewan dan dibahaskan dan diluluskan maka adalah merupakan tanggungjawab Kerajaan ataupun EXCO yang berkenaan untuk membuat tindakan yang tertentu. Mengangkat kertas ke EXCO, ataupun

meminta dan mengarahkan Jawatankuasa, mengarahkan Yayasan Selangor untuk memberikan ulasan. Apa yang menghairankan kami dan kami agak terkejut apabila lawatan kedua dengan notis lawatan itu dikeluarkan oleh Urus setia Dewan, masih lagi tidak tahu menahu tentang Penyata yang telah dibentangkan walaupun dakwaannya sangat serius, dakwaan yang membawa implikasi adanya rasuah, adanya penyelewengan yang besar, adanya salah guna kuasa dalam Yayasan Selangor jadi kami harap satu mekanisme yang lebih mantap daripada pihak Kerajaan terhadap segala Usul dan Penyata Usul daripada Jawatankuasa hendaklah diambil tahu.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih kepada Hulu Klang atas teguran itu dan Insya-Allah kita akan perbaiki. Memang saya baru Yayasan Selangor tadi di mana kerana mereka baru dapat GM yang baru mereka buat siasatan dia tidak berada di sini. Jadi saya mengharapkan Insya-Allah masa-masa yang datang mereka sentiasa berada bersama-sama di sini supaya tindakan cepat terus diambil tindakan oleh mereka. Untuk saranan daripada Jawatankuasa ini di mana mengarahkan supaya Kerajaan Negeri Selangor mengarahkan Yayasan Selangor memberi ulasan terhadap Penyata. Insya-Allah ini kita ambil tapi saya nak sebut kepada Hulu Klang bukanlah mana tidak ada langsung tindakan yang telah diambil kerana masalah Yayasan Selangor ini bukan sekarang bahkan Timbalan Pengurus Besar dia yang berkenaan yang telah dikaitkan dengan projek-projek mengenai PLKN dan juga Kem Bina Semangat ini telah pun diambil tindakan oleh Ahli Lembaga Yayasan Selangor dan juga segala projek kalau sebelum ini Lembaga Pengarah juga tidak dapat maklum tentang ada di antara yang disebut di dalam Penyata ini tidak diambil maklum tetapi sekarang ini kita telah mengehendkan kuasa oleh Timbalan Pengurus Besar dan juga hingga Pengurus Besar kerana sekarang semuanya diminta menggunakan *open tender* yang diketuai Jawatankuasa Tender oleh Pegawai Kewangan sendiri dan kita telah memperincikan apakah yang perlu diambil kira oleh Yayasan Selangor itu sendiri.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat, minta duduk dulu ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan 12.00 tengah hari maka dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga jam 3.00 petang. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari )**

## Dewan disambung semula

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat )

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Selat Kelang.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih kepada Timbalan Speaker. Selepas isu-isu yang dibangkitkan di dalam JP ABAS dan SELCAT pada tahun 2010, tindakan penambahbaikan segera telah diambil seperti berikut untuk memastikan tindakan penambahbaikan dengan izin, *internal control*, diambil secara berterusan Pertama, tindakan penamatan kontrak perkhidmatan Timbalan Pengurus Besar Yayasan Selangor iaitu, Mohd Saifulruddin Sulaiman Daud dibuat dengan notis 24 jam telah dibuat pada 18 Februari 2011. Kedua, tindakan perundangan diambil terhadap bekas Timbalan Pengurus Besar untuk ganti rugi kerugian yang telah berlaku pada pengurusan beliau melalui panel peguam Yayasan Selangor iaitu panel *solicitor* Zairul Zain dan Said pada 2 Mac 2012. Ketiga, laporan kepada SPRM dibuat ke atas bekas Timbalan Pengurus Besar tersebut pada tahun 2011. Keempat, satu jawatankuasa dibentuk sebagai langkah-langkah kawalan dalaman untuk memastikan keputusan dapat dibuat secara kolektif dengan membentuk jawatankuasa-jawatankuasa seperti berikut :-

1. Jawatankuasa Sumbangan Derma dan Kebajikan
2. Jawatankuasa Pemantau Projek dan Teknikal
3. Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan
4. Jawatankuasa Aset dan Pembangunan
5. Jawatankuasa Sumber Manusia dan Latihan
6. Jawatankuasa Penilaian dan Pemilihan Tender

Pemurnian, dengan izin, *revise*, tatacara kewangan dan perakaunan Yayasan Selangor dan Skim Perkhidmatan, Disiplin dan Pengajian Yayasan Selangor di perketatkan lagi untuk memastikan kawalan dalaman diambil secara berkesan. Penubuhan unit integriti dan kerjasama dengan pihak SPRM untuk membasmi isu-isu penyelewengan dan salah guna kuasa dan korupsi pada tahun 2012. Dua pegawai Yayasan Selangor dihantar untuk menjalani Kursus Pemantapan dan Pengukuhan Integriti di Malaysia, *Anti Corruption Academy* dan dilantik sebagai Pegawai Integriti bertauliah, dengan izin, *Certified Integrity Officer*. Warga kerja Yayasan Selangor diberikan kursus, taklimat dan lawatan ke Institut Integriti Malaysia berkenaan, kepentingan integriti yang tinggi di dalam organisasi. Yayasan Selangor

dalam proses membangunkan *Crisis Management* dan *Corporate Integrity Pledge* dan usaha sama bersama pihak SPRM untuk membasmi rasuah, penyelewengan dan salah laku pegawai di Yayasan Selangor. Timbalan Speaker, saya nak kaitkan, saya dapat makluman terkini usul pertama pagi tadi, ini tentang ADC. Yayasan Selangor telah menandatangani perjanjian usaha sama bersama AVC untuk membangunkan tanah Yayasan Selangor seluas 217 ekar di Hulu Bernam. Perjanjian usaha sama ini memberi pulangan kepada Yayasan Selangor sebanyak RM16 juta untuk tempoh 6 tahun dari tahun 2006. Namun begitu, *JV partner* ini, dengan izin, gagal menyiapkan keseluruhan projek ini dan hanya membangunkan landasan kapal terbang sahaja. Jadi, *partner* juga gagal membuat tukar syarat tanah dan terus beroperasi sebagai *airfield* secara haram. Tindakan yang telah diambil oleh Yayasan Selangor. Pada Julai 2012, Yayasan Selangor telah memfailkan saman untuk membatalkan perjanjian usaha sama ini kerana kegagalan pihak ADC menyiapkan projek ini dan gagal membayar pulangan kepada Yayasan Selangor.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Minta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO. Adakah pada masa itu Yayasan Selangor sudah mengetahui rancangan ADC untuk membina landasan kapal terbang?

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Memang itulah tujuannya. Ini cerita-cerita lama Hulu Kelang. Sebab itu, kita telah membuatkan satu apa. Untuk makluman Hulu Kelang juga, sebenarnya, audit dalaman Yayasan Selangor, Insya-Allah dalam masa 2 bulan lagi akan menyiapkan segala audit di semua peringkat di dalam Yayasan Selangor ini untuk memberikan gambaran yang sebenarnya apa yang berlaku. Kalau sebelum ini, sebelum yang saya katakan tadi, jawatankuasa-jawatankuasa yang saya sebutkan tadi baru dibuat dan bila saya tanya isu yang disebutkan oleh JP ABAS itu tadi, kebanyakan pimpinan tertinggi, pengurusan tertinggi Yayasan Selangor sekarang ini tak tau apa. Dia hanya seorang dua sahaja yang tahu. Tetapi sekarang kita dah bongkar, dengan terima kasih kepada JP ABAS bila apa tu, baru orang lain tahu, di dalam Yayasan Selangor ini baru tahu. Kalau tak dulu *it's the magic pen* sahaja. Tapi ini, ini cerita ADC ini, itu cerita lama. Lagi lama so, saya apa kan, pada 21 November 2013, baru lagi, mahkamah tinggi telah membuat penghakiman perjanjian usaha sama dibatalkan dan milikan kosong tanah ini diserahkan semula kepada Yayasan Selangor. Namun begitu pihak ADC telah memfailkan rayuan pada Mac 2014 di mahkamah rayuan. Mahkamah rayuan pada 31 Mac 2014 telah membuat penghakiman mengekalkan keputusan mahkamah tinggi. Perjanjian usaha sama ini dibatalkan dan milikan kosong kepada Yayasan Selangor masih kekal. Pada 11 April 2014, ADC memfailkan rayuan sekali lagi ke mahkamah persekutuan dan pendengaran perbicaraan belum ditetapkan. Kesimpulannya, Yayasan Selangor telah mengambil tindakan pembetulan dengan

mengambil tindakan undang-undang terhadap *JV partner* bagi mendapat semula hartanah itu. Tindakan pencegahan Yayasan Selangor tidak lagi membuat pembangunan dengan konsep perjanjian usaha sama atau *joint venture agreement*, dengan izin, dengan pihak ketiga sebagaimana yang diarahkan oleh kerajaan Negeri Selangor dan Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor. Dah tak ada lagi dah.

Yayasan Selangor juga mengambil langkah yang lebih cermat, setiap pembangunan hartanah milik Yayasan Selangor hendaklah mendapat kelulusan Jawatankuasa kerja Yayasan Selangor yang dipengerusikan oleh Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri dan disahkan oleh Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor. Seterusnya, dibuat tender terbuka di mana keputusan dibuat oleh Lembaga Tender yang dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Adapun masalah di hadapan dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai agensi, badan berkanun dan anak syarikat kerajaan negeri JP-ABAS bagi dewan negeri Selangor berkenaan Kem Bina Semangat dan Kem PLKN di Ampang Pecah yang telah dibentangkan di dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 6 Tahun 2014. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. (Ahli dewan menjawab ya). Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Usul dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya, Usul No. 16 Tahun 2014, Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Kg. Tunku.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Tuan Timbalan Speaker, saya mewakili Kampung Tunku untuk membawa...

**TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sri Serdang, tunggu dulu saya kena mempersilakan dulu sebab Seri Serdang bukan Kampung Tunku. Ya, saya membenarkan Seri Serdang untuk membentangkan usul ini.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Minta maaf Tuan Speaker. Ok yang mulia Tuan Speaker bahawasanya mengikut Penggal 5 dan Peraturan Tetap 76 bagi Dewan Negeri Selangor dewan bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya penyata Penguat kuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah Dan Tanah JP PADAT yang dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bil.11/2014 diterima. Yang pertama Jawatankuasa pilihan mengenai Pejabat Daerah dan Tanah JP PADAT telah mengadakan 6 kali mesyuarat dan lawatan sekali ke Pejabat Tanah dan Galian Selangor pada tarikh-tarikh berikut. Yang pertama pada 31 Disember 2013, 6 Januari 2014, 3 Januari 2014, 20 Januari 2014, 27 Januari 2014. Lawatan ke PTGS dan 7 Februari 2014. JP PADAT telah bersetuju untuk menjemput individu jabatan

berkaitan memberikan input, pandangan dan penjelasan berhubung pengurusan tanah, hartanah dan Pejabat Tanah Daerah serta Pejabat Tanah Galian Negeri selaras dengan skop kerja serta bidang kuasa JP-PADAT. Individu Jawatankuasa tersebut ialah Yang Berbahagia Profesor Dato' Nik Mohamad Zin bin Nik Yusof, mantan Pengerusi bersama *Task Force* Tanah tahun 2008. Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Sri Abdul Khalid bin Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor dan Tuan Haji Abdul Murad bin Che Chik wakil daripada Jawatankuasa Pemindahan *Convincing Committee* dengan izin Badan Peguam Malaysia. Penemuan Jawatankuasa melalui pendengaran dengan Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Nik Mohamad Zin bin Nik Yusof, mantan Pengerusi bersama *Task Force* Tanah 2008, JP-PADAT dimaklumkan bahawa antara masalah-masalah pengurusan tanah dan hartanah di Negeri Selangor adalah yang pertama kelambatan pemprosesan pendaftaran dan permohonan hak milik tanah. Kedua tunggakan cukai tanah yang tidak dibayar kerana kurangnya penguatkuasaan oleh pihak Kerajaan Negeri dan yang ketiga pemusatan fungsi kepada Pejabat Tanah dan Pejabat Daerah yang menyebabkan longgokan kerja sekali gus melambatkan proses-proses pendaftaran dan permohonan hak milik.

Yang seterusnya satu lagi cadangan ialah dengan mengasingkan Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah di mana Pejabat Daerah akan lebih tertumpu kepada kerja-kerja pengurusan daerah manakala Pejabat Tanah akan lebih fokus mengendalikan hal ehwal tanah. Dengan cara ini sebahagian daripada kerja yang dilakukan oleh Pejabat Tanah dan Galian negeri yang tidak memerlukan kelulusan MMKN boleh diberi kepada Pejabat Daerah. Yang kelima JP PADAT juga dimaklumkan bahawa kebanyakan pegawai atasan yang berkhidmat di Pejabat Daerah, di Pejabat Tanah atau pun di Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah dan Galian Negeri terdiri daripada Pegawai-pegawai Khidmat Awam Persekutuan yang boleh ditukar-tukar daripada jabatan ke jabatan atau kementerian-kementerian yang berbeza. Ini mengakibatkan kesukaran untuk mendapat perkhidmatan pegawai yang arif tentang pengurusan tanah. Saranan Jawatankuasa, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian JP PADAT berpendapat bahawa satu langkah drastik perlu diambil bagi membendung masalah longgokan kerja kepada pejabat-pejabat tanah dan daerah dan pejabat tanah galian negeri memandangkan urus niaga hartanah di negeri ini makin meningkat.

Seterusnya kerajaan negeri perlu lebih proaktif dalam memantau isu pengambilan batu-batan atau pasir dan menggunakan tanah secara haram yang kian berleluasa. Tindakan undang-undang perlu diambil bagi membendung masalah ini supaya hasil kekayaan negeri tidak terbazir dan disalah guna oleh sewenang-wenangnya. JP-PADAT juga menyeru supaya kerajaan negeri mengambil langkah proaktif di dalam pengutipan cukai-cukai yang tertunggak dengan mengiklankan nama-nama mereka yang terhutang dengan kerajaan. Rampasan tanah harus dijadikan sebagai cara terakhir. Namun demikian sebelum tindakan seperti merampas tanah dilakukan, kerajaan negeri perlu mengambil kira dan meneliti sebab mengapa cukai tersebut tertunggak.

Pengasingan kuasa Pejabat Tanah dan Daerah perlu dikaji untuk jangka masa panjang untuk memastikan pentadbiran Pejabat Tanah di negeri Selangor lebih efisien, pantas dan efektif. Namun demikian sekiranya ia tidak dapat dilakukan dalam jangka masa yang terdekat ini maka JP-PADAT merasakan bahawa latihan serta kursus-kursus yang berterusan perlu diberi kepada para pegawai pentadbir dan staf-staf Pejabat Tanah supaya kecekapan dan profesionalisme mereka dapat dibentuk agar mereka dapat berkhidmat dengan apa jua keadaan sekalipun.

Seterusnya penemuan jawatankuasa melalui pendengaran tertutup dengan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor, JP-PADAT telah mendapati bahawa Mesyuarat Majlis Tanah Negara telah menetapkan beberapa dasar seragam yang digunakan di semua negeri di Malaysia berkaitan hal ehwal tanah yang perlu diperhalusi dan dikaji sama ada ianya dilaksanakan atau tidak di negeri Selangor.

JP-PADAT juga telah mendapati bahawa penyalahgunaan tanah di kalangan individu atau syarikat di negeri ini masih berlaku dan Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk membangunkan sistem teknologi maklumat yang lengkap untuk mempertingkatkan pengurusan maklumat tanah di Selangor. JP-PADAT juga mengambil maklum pendirian Kerajaan Negeri untuk tidak mengasingkan Pejabat Tanah dan Daerah atas alasan penjimatan kos operasi dan pentadbiran Pejabat Tanah dan Daerah.

Yang Berhormat sekalian, saranan jawatankuasa seterusnya. JP-PADAT menyarankan Kerajaan Negeri supaya meneliti semula idea mengenai pengasingan kuasa dan skop kerja Pejabat Tanah dan Daerah supaya satu solusi yang efektif dapat dilakukan bagi membendung masalah pengurusan di Pejabat Tanah dan Daerah sekali gus berusaha untuk memberi perkhidmatan yang efisien yang bertaraf antarabangsa kepada penduduk negeri Selangor selaras dengan status Negeri Maju.

Seterusnya JP-PADAT juga menyarankan supaya pembangunan teknologi maklumat, pengurusan maklumat tanah perlu disegerakan supaya pemeriksaan dan pemantauan kegunaan tanah boleh dijalankan dengan berkesan.

Tuan Speaker, penemuan jawatankuasa melalui pendengaran tertutup dengan Tuan Haji Abdul Murad bin Chik Cek, wakil daripada Jawatankuasa Pemidah Hak Badan Peguam Malaysia. JP-PADAT telah mendapati bahawa masa pemprosesan satu-satu transaksi adalah sangat lama dan ia tidak mencerminkan sistem pengurusan sebuah Negeri Maju. JP-PADAT juga mendapati bahawa kes penipuan adalah sangat ketara di mana JP-PADAT dimaklumkan bahawa ianya disebabkan kaedah pembayaran yang diterima di kaunter hanya bayaran tunai sahaja.

Saranan Jawatankuasa. JP-PADAT menyeru Kerajaan Negeri supaya membuat satu kajian teliti mengenai sistem pendaftaran dan permohonan hak milik supaya

ianya lebih pantas dan efisien. Sebagai contoh, projek digitalisasi di dokumen-dokumen perlu dipercepatkan supaya permohonan-permohonan mudah dapat dilakukan dengan kadar segera. Kerajaan Negeri juga perlu merombak semua sistem kaunter yang sedia ada supaya satu kaunter yang sehenti atau *one stop centre* dengan izin dapat diadakan di mana pengguna tidak perlu untuk berurusan di lebih daripada 2 kaunter ataupun satu transaksi.

Kerajaan Negeri juga diseru supaya mengkaji semula *standard of procedure* dengan izin bidang kuasa serta dasar-dasar berkaitan pengurusan tanah supaya ianya lebih pantas. Sebagai contoh bagi permohonan *consent* untuk pertukaran hak milik sekiranya semua dokumen berada dalam keadaan teratur maka *consent* boleh dibuat tanpa perlu merujuk kepada Pengarah Jabatan, Pejabat Tanah dan Galian atau MMKN sendiri.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat, 5 minit lagi.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** JP-PADAT juga menyarankan supaya kaedah-kaedah pembayaran di kaunter diperbanyakkan. Penggunaan kaedah baru bayaran secara *online electronic* dan *bank draft* boleh juga digunakan mengurangkan masalah penipuan.

Lawatan JP-PADAT ke Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor. JP PADAT pada 27 Januari 2014 telah mengadakan satu lawatan ke Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor di mana lawatan ini diadakan untuk mendapatkan maklum balas daripada pihak PTG mengenai permasalahan serta isu-isu yang telah dibangkitkan oleh wakil-wakil daripada *Task force* Tanah 2008. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri juga wakil daripada Jawatankuasa Pemindah Hak Kepada Peguam Malaysia. Pihak pengurusan tertinggi yang diketuai oleh Pengarah PTG Dato' Kamarulzaman bin Jamil hadir untuk memberikan taklimat berkenaan struktur organisasi, fungsi serta kerja PTGS. JP-PADAT juga telah berpeluang untuk melawat beberapa unit dan bahagian untuk PTG untuk melihat sendiri bagaimana unit-unit dan jabatan-jabatan tersebut diuruskan dan apakah kekangan dan permasalahan yang dihadapi. Taklimat daripada pengurusan tertinggi dan pegawai-pegawai PTG antara isu yang menarik perhatian JP-PADAT adalah berkenaan dengan sistem ICT yang dikelolakan oleh PTGS. JP-PADAT difahamkan oleh bahagian teknologi maklumat bahawa sistem ICT PTGS dibahagikan kepada sistem implikasi tanah, sistem implikasi sokongan pengurusan dan sistem implikasi guna sama kerajaan. Bahagian ICT telah membangunkan beberapa sistem pemudah cara bagi urus tanah seperti Sistem Pendaftaran Tanah Bersepadu, E-Perserahan Sistem Pungutan Dokumen dan sebagainya.

JP-PADAT juga difahamkan bahawa bagi urusan tanah satu *Land Bank Library System* dengan izin atau LBLIS telah dibangunkan di mana ia telah berfungsi sebagai sistem mengurus dokumen urus niaga dan bukan urus niaga secara digital.

Sejumlah RM1.9 juta dokumen *land* serta *strata* telah diimbas buat masa ini. JP-PADAT juga dimaklumkan sistem ini turut dilengkapkan dengan sistem SELIS atau *Selangor Land Information System* dengan izin seperti mana yang diarahkan oleh Yang Amat Dato' Menteri.

Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Sumber Alam. Projek ini dibangunkan oleh kontraktor yang dilantik oleh pihak Menteri Besar di mana pihak PTG turut meletakkan seorang staf PTG bagi memantau projek tersebut. Namun demikian, projek ini dibiayai, diurus dan dikawal selia sepenuhnya oleh MBI. JP-PADAT turut diberitahu buat masa ini dokumen-dokumen *hard copy* disimpan di dalam bilik kebal PTG dan juga di sebuah ruang yang disewa dengan RM9,000.00 sebulan oleh PTG di Stadium Shah Alam. JP-PADAT berpeluang untuk melihat sendiri bilik kebal yang terdapat di PTGS.

Satu lagi isu yang menjadi tumpuan Ahli-ahli JP-PADAT ialah berkenaan dengan hak milik *strata*. Bahagian hak milik *strata* telah dimaklumkan JP-PADAT bahawa jumlah hak milik *strata* di seluruh negeri Selangor melebihi 430,000 merangkumi hak milik Pejabat Pendaftaran, PTGS dan Pentadbir Tanah PTD. Proses permohonan tanah dan lain-lain urusan berkenaan *strata* seperti pendaftaran urus niaga pemindahan dan gadaian, ini bukan urus niaga bagi tanah pajakan negeri serta urusan cairan hak milik bagi Tanah Pajakan Negeri PN dan Pajakan Tanah Mukim PM mungkin dibuat di kaunter proses setempat atau *one stop centre* yang telah di PTGS Pejabat Tanah atau Pejabat Daerah hanya akan menerima hak milik *strata* untuk urusan pendaftaran urus niaga pindah milik, gadaian dan bukan urus niaga sahaja.

JP-PADAT memberi peluang untuk melawat sendiri hak milik *strata* di mana pegawai-pegawai terlibat telah memberikan penerangan kepada Ahli-ahli JP-PADAT tentang bagaimana hak milik *strata* didaftarkan dan diuruskan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat, minit terakhir Yang Berhormat.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Banyak lagi Tuan Speaker. Okey saya terus pergi kepada saranan ye. Untuk bercerita panjang di mana

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Nak sambung minggu depan boleh Yang Berhormat.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Tak nak, tak nak, cukup. Sikit sahaja, bagi saya 2 minit. Saranan Jawatankuasa. JP-PADAT menyeru supaya Kerajaan Negeri melalui PTGS dapat mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Mempercepatkan usaha mendigitalisasikan ke semua dokumen-dokumen berkaitan tanah supaya sistem dan talian yang lebih cekap dan moden dapat dibangunkan. Ini dapat memastikan proses

pendaftaran dan urus niaga dapat dilaksanakan dengan pantas dan efektif.

- (ii) Mengkaji semula beberapa prosedur yang mungkin dapat mempercepatkan lagi satu-satu urusan terutama sekali permohonan-permohonan yang lengkap.
- (iii) Menjalankan penerangan dari masa ke semasa terhadap pelanggan-pelanggan terutamanya PTGS Selangor agar pembaharuan-pembaharuan dan kemudahan-kemudahan baru diketahui umum.

Dengan itu saya mohon Speaker untuk diterima. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Sekinchan bangun untuk menyokong Usul Nombor 16 yang dibawa oleh Yang Berhormat Seri Serdang berkenaan dengan Jawatankuasa Pemilihan PADAT di mana saya nampak dalam Usul Penyata yang dibentangkan itu memang terdapat banyak perkara yang ditemui tentang penambah baik, tentang syor-syor dan ada 6 kali mesyuarat dan satu lawatan dilakukan. Walau bagaimanapun, saya nampak, saya ucapkan tahniah kepada Jawatankuasa PADAT kerana telah bekerja kuat untuk membantu kerajaan dalam konteks memperkasakan sistem ye, Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor, dalam masa yang sama saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang *task force* Tanah. Saya mempunyai peluang juga, saya sebelum ini menjadi Pengerusi PADAT jadi saya memantau daripada masa ke semasa tentang *task force* Tanah yang ditubuhkan di bawah Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor iaitu PTG. Peranan mereka cukup baik. Saya memberi pujian kepada pasukan *task force* kerana telah banyak kali membantu kerajaan dalam menyelesaikan banyak masalah. Masalah tanah bertindih, masalah tanah yang *complicated*, yang berlanjutan projek terbengkalai dan sebagainya mengenai yang berkaitan dengan tanah telah diselesaikan secara berperingkat-peringkat dan dapat di manfaatkan dengan baik. Jadi peranan *task force* ini saya nampak perlu diperbesarkan pasukan ini saya memberi syor kepada kerajaan agar *task force* ini perlu diperkemaskan, anggotanya perlu ditambah dan kebajikannya juga perlu ditambah kerana *task force* memang pasukan mereka sering turun ke padang menyasat apa-apa yang berlaku sebelum kerajaan dapat mengetahui apa masalah kisah benar yang berlaku kerana selaku kerajaan EXCO dan sebagainya Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mereka tidak mempunyai masa yang mencukupi. Tetapi dengan adanya *Taskforce* dapat memperkasakan peranan mengenal pasti apa masalah tanah yang berlaku di peringkat bawah. Ha, inilah yang saya nampak dalam konteks tanah ini.

Pada masa yang sama juga saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia tentang tunggakan hasil dan cukai tanah. Selama ini kita nampak tunggakan hasil dan tanah ini, cukai tanah ini banyak ye dan khususnya tidak dibayar oleh anak syarikat kerajaan MBI dan sebagainya. Tetapi setelah adanya Jawatankuasa PADAT dan sebagainya dan pemantauan yang baik daripada kerajaan pengurusan yang baik daripada kerajaan saya nampak 6 tahun ini memang banyak ada peningkatan dan hasilnya kita hasil kerajaan yang banyak disumbangkan daripada hasil tanah cukai tanah ini sudah meningkat dari setahun ke setahun, begitu efektifnya saya nampak dalam konteks kutipan cukai. Saya nampak itu, saya mengesyorkan kepada kerajaan juga agar kutipan cukai ini dapat di pertingkatkan dan kaedah-kaedah dapat dikemaskini supaya dapat membantu kerajaan menambah lebih banyak hasil kepada kerajaan. Dalam masa yang sama juga saya ingin menarik perhatian kerajaan dan memuji langkah kerajaan telah menyelesaikan banyak masalah termasuk permohonan hak milik secara pemberimilikan berkelompok sejak 6 tahun yang lepas. Kalau dulu masalah tanah di setiap daerah berleluasa, seluruhnya di sana sini, ya rakyat datang sini, perkara ini tidak selesai, tanah ini tak selesai

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Satu minit ya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ha lah masa pula, kekangan masa ya. Jadi saya pendekkan ye tak selesai tetapi atas konsep penyelesaian kelulusan tanah secara berkelompok ini dalam 6 tahun ini di kawasan saya, saya bagi contoh masalah ini sudah selesai. Dan sekarang tak banyak fail yang datang ke PTG. Ha, ini satu anjakan yang tidak benar dilakukan oleh kerajaan yang lepas. Jadi kerajaan kita lebih telus dan lebih bertanggungjawab dan proaktif, efisien. Jadi pujian harus diberikan dalam konteks menyelesaikan tanah dan pada masa yang sama, oleh kerana masa mencemburui saya, saya hanya ingin menarik perhatian Dewan tentang berkaitan dengan tanah juga isu yang dibangkitkan oleh Sungai Panjang 2 hari yang lalu berkaitan dengan pencerobohan tanah hutan rizab di Sungai Panjang iaitu Hutan Simpan Sungai Karang. Ada 2 isu di situ di mana ada 2 pencerobohan. Satu, Kampung Baru. Itu diceroboh hutan simpan itu 5 tahun yang lepas. Perkara ini kita tidak akan *compromise* saya syorkan kerajaan kita ambil tindakan sebab di ceroboh 5 tahun yang lepas. Hutan rizab terang-terang diceroboh. Isu yang kedua Parit 14, Sungai Panjang. Ha, ini ada sedikit berbeda dengan isu yang pertama di mana Parit 14 Sungai Panjang ini, rakyat di situ, orang kampung di situ sudah menerokai kawasan itu sejak 50 tahun tetapi Jabatan Perhutanan hanyaewartakan kawasan itu sebagai hutan tahun 1990 akhir 1990 dan mereka waktu nak menggazet tanah itu sebagai tanah hutan simpan, Renjer pergi ke situ, Renjer daripada Jabatan Hutan pergi ke situ mereka mungkin terlepas pandang ataupun tak pandang. Jadi kampung kecil yang diterokai oleh rakyat dia masuk sekali dalam dijadikan hutan.

Yang SO di Pejabat Tanah mungkin tak turun padang atau pun tersalah turun tempat. Akhirnya kampung kecil dijadikan hutan. Sekarang dibawa jadi isu. Sungai Panjang nak jadi hero kononnya Kerajaan Pakatan Rakyat curi, rampas tanah rakyat

untuk kepada MBI. Maka saya ingin mengesyorkan dalam Dewan yang mulia ini kepada kerajaan kita pertimbangkan sekali lagi dan kita siasat betul-betul. *Task force* kita turun ke Parit 14, kita siasat apa sebenarnya kerana dia ada alasan. Ia digazetkan sebelum, rakyat telah masuk sebelum digazetkan. Jadi kalau betul-betul mereka menerokai di situ dan bekerja kuat di situ kita boleh *interview* mereka, *interview* mereka yang berhak, mungkin kita boleh bagi saya cadanglah 2 ekar seorang supaya isu di situ boleh diselesaikan dan sebahagian itu kita kembalikan kepada tanah kampung dan kita selesaikan orang kampung, masalah orang kampung di situ dan tidak dijadikan isu politik untuk UMNO untuk menipu rakyat di situ kononnya Pakatan Rakyat zalim rampas tanah mereka. Ha ini antara sedikit cadangan saya supaya isu ini kita prihatin. Semua masalah tanah ini

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Simpulkan Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Akhir, yang terakhir. Semua masalah tanah di negeri Selangor Pakatan Rakyat kita ambil pendekatan profesional, kalau berhak memang boleh, memang layak kita akan bagi tak kira dia UMNO, dia PAS, dia MCA tak kira warna kita akan bagi. Tapi kalau benda itu menerokai, mencerobohi dengan terang-terang tanpa alasan kita akan kenakan tindakan tegas. Ini dasar Pakatan Rakyat. Jadi saya menyokong Usul Nombor 16 yang dibawa oleh Seri Serdang. Sekian sahaja, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, Bangi.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH:** Terima kasih Tuan Speaker memberi izin untuk saya berbahas mengenai usaha JP-PADAT yang dikemukakan oleh Kampung Tunku disampaikan oleh Seri Serdang sebentar tadi. Tuan Speaker, penemuan yang dinyatakan, ada 4 perkara penting untuk saya ulangi sekali lagi.

- (i) Yang pertama jawatankuasa ini menemui masalah kelambatan proses pendaftaran hak milik.
- (ii) Yang kedua, tunggakan tanah yang masih belum berbayar kepada kerajaan.
- (iii) Yang ketiga, pemusatan fungsi di antara Pejabat Tanah dan Pejabat Daerah.
- (iv) Yang keempat, pencerobohan tanah masih berlaku.

Saya memohon supaya pihak kerajaan meneliti masalah ini supaya diselesaikan seberapa boleh yang mungkin dengan efisien. Sekali gus saya ingin merakamkan tahniah kepada Pejabat Tanah yang berjaya membangunkan sistem IT yang dipanggil sebagai SELIS dan juga LBLS. SELIS ialah *Selangor Land Information*

*System*, LBLIS ialah *Land Bank Library System* yang berfungsi untuk membuat *storage* kepada tanah-tanah yang didaftarkan di negeri Selangor tetapi keberkesannya pada hemat saya perlu dipertingkatkan menjadi satu inventori tanah yang paling muktamad untuk dirujuk oleh negeri Selangor sama ada peringkat kerajaan ataupun rakyat negeri Selangor supaya kebergantungan kita kepada manusiawi boleh dikurangkan. Hari ini kalau tidak ada seorang manusia yang pakar di situ sukar untuk kita temui di mana tanah itu berada. Sebagai contoh, seorang yang dipanggil SO. Dia memang orang yang tahu serba-serbi dan lokasi tanah itu. Kita bimbang kalau SO ini tidak ada atau sakit atau MC atau keluar negara atau meninggal dunia maka sukar untuk kita mendapatkan maklumat yang tepat mengenai kedudukan tanah. Justeru itu inventori tanah harus diperkasakan untuk menambah baik dan juga memberi nilai tambah kepada sistem yang sedia ada iaitu SELLIS dan juga LBLIS.

Yang kedua, yang terakhir Tuan Speaker mengenai pencerobohan tanah. Jawatankuasa telah dilaporkan tentang ada 2 lokasi yang besar di Sabak Bernam yang mempunyai keluasan yang besar. Yang pertama, seluar 3,500 ekar tanah di Sabak Bernam yang diceroboh di tengah hutan dan tanam kelapa sawit. Ini pencerobohan yang sangat besar yang hasilnya telah dikaut, tak tahu siapa yang punya dan tak dibayar cukainya kepada Kerajaan Negeri. Saya percaya Kerajaan Negeri sudah sedar dan saya memohon supaya serius tentang penentuan siapa yang memilikinya dan bagaimana hasil masuk tak diberikan kepada kerajaan negeri Selangor dan bagaimana patut tindakan yang diberikan terhadap mereka.

Yang kedua ialah 2,000 hektar tanah sebelah FELDA di Sabak Bernam juga telah diteroka dan ditanam kelapa sawit yang diteroka oleh FELDA, satu institusi kerajaan yang berdaftar tetapi meneroka kawasan tanah yang bukan milik dia sendiri ditanamnya dengan kelapa sawit, dituai hasilnya dan tak diberikan apa-apa pembayaran kepada Kerajaan Negeri Selangor, bukan kata hasil masuk tetapi cukai pun tidak dibayar kepada Kerajaan Negeri Selangor. Dua contoh besar ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri perlu serius untuk menambah baik. Kita tidak akan berhasrat untuk menyalahkan begitu sahaja kepada mereka yang terdahulu tetapi kita ungkit benda ini adalah untuk menjadikan kita punyai integriti. Selangor harus ke hadapan untuk memastikan hak milik negeri itu dipertahankan, jangan sampai diulangi balik kerugian RM30 bilion hasil tanah dan juga yang berkaitan hasil masuk tanah ini dibiarkan terlepas dan ini adalah hak rakyat yang mesti dipertahankan oleh Kerajaan Negeri Selangor ini. Tuan Speaker dengan itu saya menyokong Usul ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN LEE KEE HONG:** Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HONG:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Kuala Kubu Baharu nak ucap tahniah kepada JP PADAT kerana berjaya membentangkan satu penyata yang begitu rapi, padat dan mengagumkan. Mereka berjaya mengatasi cabaran cukup kuorum bermesyuarat sebanyak 6 kali selepas peletakan jawatan saya. Dengan pelantikan Yang Berhormat Kinrara untuk menggantikan saya dua (2) hari yang lepas maka kuorum bermesyuarat bukan lagi satu masalah yang besar dan ianya tidak akan menjadi masalah langsung sekiranya Yang Berhormat Kuang dari pembangkang juga selalu menghadiri mesyuarat tersebut.

Tuan Timbalan Speaker, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat sekalian kepada penemuan JP-PADAT mengenai pentadbiran Pejabat Tanah dan Daerah dicadang agar diasingkan. Adalah benar bahawa Pegawai Daerah memikul tanggungjawab dan tugas yang berat tambahan lagi Pejabat Daerah dikehendaki menghadiri mesyuarat dan program rasmi yang begitu ramai, begitu banyak seperti mana JP-PADAT dimaklumkan bahawa satu kajian mendapati Pejabat Pegawai Daerah secara purata perlu menghadiri antara 500 hingga 600 mesyuarat dan program setiap tahun. Tanggungjawab Pejabat Daerah dan Tanah di Selangor boleh dibahagikan kepada 2 aspek. Pertama ialah berkaitan dengan urusan tanah seperti pembangunan tanah, pemberian hak milik tanah, penguat kuasa undang-undang, pungutan hasil dan cukai berkaitan tanah. Kedua kepada urusan-urusan daerah seperti pentadbiran JKKK, projek pembangunan desa yang termasuk naik taraf infrastruktur dan kemudahan sukan. Begitu juga dengan program Merakyatkan Ekonomi Selangor mengambil tindakan terhadap bencana alam dan sebagainya. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa JP-PADAT pernah meminta setiap Pejabat Daerah mengemukakan inventori mereka dan mendapati ada 3 Pejabat Daerah dan Tanah menyelenggarakan lebih daripada 100 kemudahan-kemudahan awam seperti balai raya, dewan serba guna dan gelanggang sukan. Kerajaan selalu melaksanakan pembinaan kemudahan awam yang baru seperti 98 gelanggang futsal telah dibina dari tahun 2008 hingga 2013. Kemudahan awam yang dibina tentu ada sebahagiannya akan diselenggarakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah. Dengan itu kita boleh jangka kemudahan-kemudahan awam yang perlu diselenggarakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah pasti akan bertambah daripada masa ke semasa.

Tuan Timbalan Speaker. Tugas yang dipikul oleh Pegawai Daerah sebagai ketua di Pejabat Daerah dan Tanah merangkumi banyak fungsi. Ia termasuk mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah yang baru-baru ini Kerajaan Negeri menetapkan akan bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setiap bulan dan ramai penduduk ingin berjumpa dengan Pegawai Daerah untuk mendapatkan keputusan mengenai sesuatu hal yang memerlukan kelulusan Pegawai Daerah. Kesibukan kerja telah menyebabkan perhatiannya berkurangan kepada kemantapan struktur organisasi dan pengurusan sumber manusia yang cekap bagi Pejabat Daerah dan Tanah untuk memenuhi kehendak dan *expectation* yang tinggi dari pelbagai pihak termasuk Kerajaan Negeri. Dalam keadaan yang

sedemikian, saya berpendapat saranan JP-PADAT iaitu Kerajaan Negeri harus meneliti semula idea mengenai pengasingan kuasa dan skop kerja Pejabat Daerah dan Tanah adalah wajar. Sekian, sahaja dengan ini Kuala Kubu Baharu menyokong Usul ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin mengambil bahagian menyokong Usul yang telah dikemukakan oleh Kampung Tunku yang dibawa oleh Seri Serdang khususnya tentang inventori tanah. Ada 4 perkara secara ringkas yang akan saya timbulkan:

- (i) Yang pertama adalah tentang tanah-tanah yang seakan dan sewaktu dengan tanah TALAM. Saya ingin menyingkap apa yang saya alami ketika Kerajaan Negeri Selangor menganjurkan satu seminar memanggil wakil dan pakar-pakar di UNISEL untuk menjelaskan tentang hutang TALAM berkaitan dengan tanah. Salah seorang ahli panel itu seorang profesor yang membentangkan. Dia mengatakan kepada saya:

“Y.B. kalau macam ini lebih kurang 20 syarikat yang macam TALAM berhutang dengan Kerajaan Negeri Selangor”.

Jadi saya meminta pihak kerajaan dan mungkin pihak JP PADAT untuk membantu pihak kerajaan menyiasat dan saya akan memberi nama siapa profesor tersebut.

- (ii) Kedua, tentang tanah-tanah di kawasan sempadan di Wilayah Persekutuan, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan di mana saya telah mengemukakan soalan kepada Kerajaan Negeri Selangor, Dato' Menteri Besar telah menjawab bahawa kerja-kerja usaha untuk mengumpulkan tanah-tanah di sempadan yang terbiar telah diusahakan tetapi prioritinya tidak utama tetapi terus merupakan proses yang berterusan. Saya mencadangkan agar pihak JP PADAT membantu pihak kerajaan untuk mengadakan pendengaran tertutup, mendapat maklumat untuk mengumpulkan inventori tanah yang berkaitan dengan tanah-tanah di sempadan.
- (iii) Ketiganya adalah tanah-tanah kerajaan yang diceroboh sama ada oleh peneroka bandar ataupun pertanian di kawasan-kawasan kampung. Jadi saya juga menimbulkan isu ini dalam soalan saya dalam sidang Dewan yang lepas yang dijawab oleh Dato' Menteri Besar menyatakan bahawa *in going process* dengan izin proses berterusan dan saya menyarankan kepada pihak JP PADAT untuk membantu pihak

kerajaan mengumpulkan inventori yang berkaitan dengan projek tersebut.

- (iv) Yang keempatnya Tuan Timbalan Speaker adalah tanah-tanah rizab Melayu. Baru-baru ini Dato' Menteri Besar menegaskan Kerajaan Selangor di atas titah Tuanku Sultan akan bekerja bersungguh-sungguh memastikan mempertahankan tanah rizab Melayu. Usul yang saya bawa tentang lot-lot kosong tanah FELCRA itu juga melibatkan tanah rizab Melayu. Jadi saya mencadangkan agar JP PADAT memperuntukkan masa untuk mengkaji, meneliti, membantu pihak kerajaan mewujudkan inventori yang lengkap tentang tanah-tanah rizab Melayu agar kita dapat mempertahankan tanah warisan ini. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Ucapan saya untuk penyata ini ringkas dan padat. Saya ingin terus kepada muka surat 8 di mana saya perhatikan kepada 4.1.5. Saya perhatikan bahawa penggunaan ramai tenaga kerja tidak dipilih sebagai opsyen untuk mengatasi *log, back log* kerja dan muatan kerja tetapi dipilih untuk meningkatkan kualiti pegawai-pegawai untuk dioptimumkan penggunaan pegawai-pegawai. Saya ingin tanya di sini daripada pihak kerajaan apakah usaha-usaha yang telah dilakukan dan lebih penting apakah usaha-usaha yang akan dilakukan untuk 3 tahun akan datang untuk meningkatkan prestasi di Pejabat Tanah. Di DUN Bukit Gasing isu-isu dengan Pejabat Tanah ini sering, sering keluar, sering menjadi perbincangan disebabkan kebanyakan tanah adalah tanah pajakan dan ramai penduduk Petaling Jaya berurusan dengan Pejabat Tanah waktu tempoh pajakan untuk diperbaharui sering menjadi persoalan dan berbicara antara penduduk-penduduk Petaling Jaya. Jadi saya harap kita boleh meningkatkan prestasi Pejabat Tanah Petaling dan memang saya pun setuju untuk kita meminumkan penambahan pegawai *limit in operation* dengan izin. Saya pun *believe in that* tetapi kita perlu menunjukkan satu penambahbaikan yang ketara yang boleh dilihat dan boleh dirasai oleh semua rakyat jelata.

Dan yang kedua, sistem digital untuk hak milik tanah yang masih lagi belum beroperasi, boleh tak kami tahu agaknya bila, dalam tahun berapa sebab untuk beberapa tahun yang lepas kita sering mendengar Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bercakap mengenai sistem digital untuk hak milik tanah dan memandangkan ia belum beroperasi bilakah kita boleh melihatnya. Ha, itu sahaja saya ucapkan tahniah kepada jawatankuasa ini yang sangat rajin bermesyuarat hampir setiap minggu untuk membuat satu penyata yang cukup komprehensif ini. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Sudah tentulah ucapan saya yang pertama pada petang ini. Syabas kepada JP PADAT yang mana saya lihat penyata yang nombor dua tebalnya selepas PAC ada 16 muka, PAC 19 muka. Jadi, setelah diteliti satu persatu dilihat bahawa JP PADAT begitu mengambil serius tentang masalah ataupun perjalanan pentadbiran tanah ini terutamanya di negeri Selangor. Dan saya juga melihat bahawa ada beberapa perkara yang kita lihat perlu diambil perhatian yang serius juga oleh pihak kerajaan yang mana tanah-tanah ini terutamanya di tempat saya iaitu di Dusun Tua, banyak yang terbiar begitu saja. Jumlahnya beratus-ratus ekar. Tidak dapat diusahakan malahan dah berpuluh-puluh tahun saya banyak kali menyarankan perkara ini supaya diambil perhatian. Apa salahnya kalau tanah-tanah tersebut daripada dibiarkan menjadi hutan rimba begitu, diberikan kepada penduduk ataupun pihak-pihak tertentu, biar mereka usahakan.

Baru-baru ini apabila berlakunya kebakaran kemarau, saya lihat hutan-hutan tersebut cantik tanahnya. Kalau diberikan kepada pihak tertentu ataupun masyarakat setempat untuk diusahakan sebagai projek pertanian. Dan yang lebih seriusnya ialah aduan daripada satu tempat (nama dia Kampung Sungai Serai). Di situ ada satu bukit di panggil situ Bukit Enggang. Bukit Enggang ini sekarang ini diceroboh dikeluarkan kayu-kayu dalam bukit tersebut untuk diproses jadi papan yang mana kita tak tahu siapa yang punya hak milik bukit tersebut. Jadi apabila pihak penduduk beritahu dengan saya dan saya telah mengadakan penyiasatan tertutup bukannya penyelenggaraan tertutup. Penyiasatan tertutup. Dan saya dapat maklumat daripada pihak yang tertentu mengatakan jumlah tanah di bukit itu 300 ekar lebih. Yang mana tanah ini telah diagih-agihkan oleh pihak-pihak tertentu kepada orang-orang tertentu (satu orang 2 ekar, 3 ekar). Dah berpuluh tahun dah hampir dekat 40 tahun tidak didirikan sebarang rumah ataupun dibuat sebarang projek pertanian tersebut.

Jadi inilah masalahnya. Rakyat merasakan ini satu perkara yang tak sepatutnya berlaku. Ini berlaku zaman dulu, bukan berlaku pada zaman 2008 (kita mentadbir). Jadi melihat bahawa inilah satu perkara yang dianggap tidak telusnya pentadbir tanah ini kerana semudah-mudahnya memberi tanah kepada orang-orang yang sepatutnya tanah itu tujuannya didirikan rumah, tetapi mereka tidak mendirikan rumah. Dimaklumkan juga pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang mendapat tanah tersebut, mereka pun tak tahu yang dia ada tanah di situ.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat, satu minit lagi.

**Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN:** Ya? Baik. Ini saya peluang sekali je ni. Ini hari terakhir ya Speaker. Hari terakhir dan juga tanah ini penting. Jadi saya melihat perkara ini kalau tidak diambil perhatian yang serius oleh pihak kerajaan, dan

sekarang ini alhamdulillah. Tanah ini (segala failnya) dipegang oleh Y.A.B. Menteri Besar. Jadi, dalam suasana ini saya meyakini bahawa kalau sekiranya Pakatan Rakyat dapat memperkasakan ataupun dapat telus dalam urusan tanah ini, saya yakin bahawa kita dalam pilihan raya 2014 penduduk kampung akan tetap bersama dengan kita. Saya yakin kerana di tempat saya ini, isu yang timbul masalah tanah inilah. Kerana beratus-ratus ekar tidak diusahakan.

Jadi, saya mengharapkan supaya perkara ini penting dan pihak kerajaan ambillah perhatian yang sepatutnya dan saya menyokong penuh JP PADAT ini. Insya-Allah untuk dibentangkan usul kepada tindakan seterusnya. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya mempersilakan pihak kerajaan untuk memberikan penjelasan tentang perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat sekalian yang telah pun mengambil bahagian dalam membahaskan penyata yang dibentangkan oleh Jawatankuasa PADAT.

Tuan Timbalan Speaker,

Sebagai pembukaan, sukacita saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya lebih fokus dalam membahaskan penyata-penyata dan usul-usul yang dibentangkan di Dewan ini kerana saya perhatikan dalam perbahasan ke atas penyata Jawatankuasa PADAT ini pada isu yang tidak dilaporkan dalam penyata itu dibawa. Jadi, sekiranya kita berbahas dengan cara ini maka hilang fokus kita (pertama), kedua kita lari daripada tajuk dan ketiganya kita membuang masa sebab banyak perkara yang saya tak dapat jawab kerana dia tidak timbul dalam penyata ini. Persiapan harus diberikan kepada pegawai kita untuk menyiapkan komen-komen mereka terhadap penyata ini. Jadi saya memohon supaya ini dapat diberi perhatian. Komen kedua Tuan Timbalan Speaker adalah bahawa

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sungai Pinang, Sri Muda minta mencelah.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Y.B. Timbalan Speaker. Saya ingin menyentuh sedikit dan bertanya kepada kerajaan negeri soal yang disebutkan tadi itu saya fikir mungkin memerlukan jawapan ataupun masa yang mencukupi. Tetapi seperti mana dalam laporan yang dikemukakan, soal kelewatan dalam menguruskan ini mungkin kita boleh memperoleh jawapan segera daripada Dewan. Jadi saya mohon diperjelaskan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Sabar la Yang Berhormat. Saya pun baru mukadimah.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Oh.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Yang keduanya ya. Saya juga perhatikan dalam semua penyata yang dibentangkan di dalam Dewan ini tidak mematuhi Peraturan Aturan 73(2) di mana butir-butir keterangan tidak ada. Saya masih ingat lagi dahulunya kita apabila kita sedia penyata, kita sediakan Cd-Rom supaya apa butir-butir keterangan yang diberikan oleh pegawai yang dipanggil haruslah disertakan bersama kerana itu adalah asas untuk jawatankuasa menyiapkan penyata ini. Sekiranya tak ada, mungkin penyata atau laporan itu tidak berasaskan kepada keterangan yang diberikan oleh pegawai kita. Dan oleh itu tidak dapat (pegawai itu) menyiapkan komen mereka. Jadi saya rasa ini sebenarnya kalau secara kalau kita nak ikut mematuhi peraturan ini mungkin ini tidak dapat diterima kerana tidak mematuhi Peraturan Tetap Aturan 73(2) ini. Baik.

Tuan Timbalan Speaker,

Laporan jawatankuasa ini adalah Jawatankuasa Pilihan mengenai Pejabat Daerah dan Tanah. Seharusnya kita tumpukan kepada pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah. Jadi, penggunaan tanah itu sebenarnya itu adalah soal lain (subjek yang lain) kerana pejabat tanah (pegawai kita di pejabat tanah) tanggungjawab mereka adalah untuk menjalankan tugas mereka dengan berpandukan kepada Kanun Tanah Negara. Jadi, ada proses-proses yang tidak dapat kita ringkaskan. Proses-proses yang diperuntukkan dalam Kanun Tanah Negara. Oleh itu saya berharap juga jawatankuasa ini dapat memberi perhatian kepada peruntukan-peruntukan tertentu yang diperuntukkan yang tertera dalam Kanun Tanah Negara di mana kita tidak dapat (kita kalau nak permudahkan juga, kita juga terikat dengan peruntukan-peruntukan undang-undang itu). Sekiranya tidak, dia boleh dicabar di mahkamah kerana dia melibatkan hartanah dan hartanah itu adalah satu hak yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Saya ucapkan terima kasih kepada beberapa perkara yang dibangkit. Yang pertamanya saranan supaya pejabat daerah dan tanah ini diasingkan. Perkara ini bukan semudah sebagaimana yang dicadangkan. Memang ada dikaji perkara ini tetapi ia memerlukan persetujuan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam kerana dia melibatkan pencen kerana kalau kita nak asingkan, maka pegawai yang sama taraf kita kehendaki nanti (sekarang ini Pegawai Daerah) dia menjawat dulu jawatan ini. Dua tanggungjawab sekiranya kita mengasingkannya. Ada seorang Pegawai Daerah, seorang Pentadbir Tanah (2 orang berlainan bererti satu jawatan baru yang setaraf kena wujudkan). Maka soalnya waran kerja kemudian sudah tentu ia melibatkan bayaran pencen. Dan seterusnya pegawai dan pejabat diasingkan sudah

tentu dia melibatkan kos pengurusan kerana bayaran gaji pertambahan pekerja. Ini juga harus dipertimbangkan.

Walau bagaimanapun, setelah mengetahui masalah yang dihadapi (kekangan yang dihadapi) di Pejabat Daerah dan Tanah, kerajaan negeri telah pun mengambil langkah-langkah untuk menambah lagi kakitangan di bawah Pegawai Daerah di mana pegawai-pegawai urusan tanah dulunya pada Gred 48 (sekarang telah pun dinaikkan ke Gred 52) telah pun dinaikkan. Sementara itu Pegawai Daerah grednya dinaikkan kepada Gred 54. Bererti usaha telah pun dijalankan dalam keadaan kekangan yang sedia ada ini.

Dan *task force* sebenarnya ada dua. *Task force* yang disebutkan dalam penyata ini adalah *task force* yang ditubuhkan pada tahun 2008 yang telah pun tamat tugas mereka. Sementara itu, kita ada *task force* dalaman yang untuk mengatasi masalah-masalah pentadbiran yang dialami dan juga mengambil langkah-langkah bagi menyelesaikan masalah tersebut. Sebab itu program-program mesyuarat telah pun diturunkan kepada pegawai kita. Program terdapat mengikut data, program itu ada data lama dan sekarang sudah ada tiga pegawai kanan di Gred 52 dan Gred 48 sudah pun dilantik untuk diberikan kuasa ataupun didelegasikan kuasa untuk menghadiri program dan juga mesyuarat yang perlu dihadiri oleh Pegawai Daerah di peringkat daerah.

Dan seterusnya juga ingin saya nak menarik perhatian juga kepada penyata ini khususnya muka surat 12 ini di mana dalam satu lawatan jawatankuasa ini saya perhatikan hanya ada dua orang sahaja ahli yang telah pun membuat lawatan ini. Lawatan ini adalah sebahagian daripada mesyuarat. Jadi hanya Pengerusi dan seorang ahli dan ini juga tidak menepati Aturan 73(3) di mana kuorum untuk jawatankuasa ada 3 orang. Jadi saya berharap perkara ini tidak berulang kerana dia akan menjejaskan kredibiliti jawatankuasa itu kerana Jawatankuasa Dewan sendiri tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Dewan itu sendiri. Jadi ini juga saya minta supaya diberi perhatian kerana Jawatankuasa Dewan ini sepatutnya menunjukkan teladan yang baik dalam menjalankan tugas mereka.

Dan juga ingin saya memberi komen supaya saranan (segala saranan) yang diberikan itu sepatutnya adalah saranan yang spesifik ya. Saya lihat bahasa yang digunakan itu kadang-kadang saranannya terlalu umum. Terlalu umum untuk kita nak tahu apa masalahnya, bagaimana, apakah cadangan untuk kita memperbaiki bersama. Umpamanya proses terlalu panjang, jadi apakah saranannya. Kalau katakan pendaftaran itu sekarang ini 6 bulan, apakah saranan jawatankuasa? 3 bulan? Atau 2 bulan? Atau sebulan? Bagi cadangan supaya kita dapat memperbaiki dengan baik. Kalau tidak dia mendatangkan masalah. Bagaimana kita nak mengambil (apa itu) mempertimbangkan saranan itu? Umpamanya juga seperti jawatankuasa minta supaya kerajaan menetapkan beberapa petunjuk prestasi

utama. Beberapa? Apakah KPI yang dicadangkan? Tidak ada. Jadi terlalu umum ya. Saya rasa ini jawatankuasa. Ya. Sila.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Sungai Pinang. Saya ingin menarik perhatian Dewan tentang beberapa perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat EXCO tadi. Kebiasaannya dalam menetapkan *key performance indicator* atau KPI sebagai petunjuk prestasi bagi mana-mana jabatan kebiasaannya ia adalah dibuat sendiri oleh jabatan yang terlibat untuk menentukan kemampuan mereka dan sasaran yang mereka ingin ditetapkan. Maka itu dalam mesyuarat kita mengemukakan secara umum kerana agensi ini adalah agensi kerajaan negeri yang sememangnya mahir dengan bidang mereka dan kita mengharapkan mereka menetapkan sendiri dan tugas kita adalah membantu, memastikan KPI itu dicapai, itu yang pertama. Dan kedua dalam laporan ini juga ada dikemukakan kalau Yang terhormat sebut tadi kita tidak memberikan beberapa cadangan atau pun ulasan yang tidak lengkap, saya rasa itu tidak tepat. Kerana dalam ini juga kita ada menyertakan kita sebut beberapa agensi contohnya PKNS di mana mereka tertanggung cukai yang sepatutnya dibayar kepada kerajaan negeri tetapi terlalu lama dibiarkan dengan alasan ia belukar dan sebagainya. Ini antara beberapa perkara yang kita sebutkan secara spesifik dan kita juga mengharapkan yang kerajaan boleh melihat dan memperbaiki sesuatu. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya, Tuan Timbalan Speaker, saya setuju yang baik, yang spesifik kita terima. Ada teguran kita terima tetapi juga saya beri teguran terhadap beberapa perkara yang menunjukkan kelemahan jawatankuasa ini dalam menyediakan penyata ini. Umpamanya saranannya mengkaji semula beberapa prosedur yang mungkin dapat mempercepatkan lagi satu-satu urusan terutama sekali permohonan yang lengkap. Jadi terlalu umum. Beberapa prosedur yang mana yang dirasakan jawatankuasa ini tidak baik, cadangkan supaya kita dapat lihat sama ada prosedur yang dicadangkan oleh jawatankuasa, dapat kita kaji dan memperkemaskannya. Jadi inilah yang saya berharap sebab tu pihak kerajaan memang mengalu-alukan teguran tetapi kalau kita nak buat kerja dengan baik, kita nak tahu di mana kelemahannya. Jadi kalau dengan bahasa yang umum ini, maka adalah sukar untuk kita mengenal pasti nak masalah-masalah dan apakah tindakan yang seharusnya diambil. Jadi ini permintaan daripada kerajaan, kita mengalu-alukan kalau boleh bagi yang spesifik supaya kita dapat lihat di mana, kita tidak payah teka-teka dan cari-cari sementara itu. Kita masih lagi yang ada pihak mungkin apa yang dilakukan oleh kerajaan itu sebenarnya bukan yang dikehendaki oleh pihak jawatankuasa.

Dan berkenaan dengan *Digitallaization* ini proses masih berjalan bukan senang. Bukan senang kita nak dengan bilangan surat hak milik yang ada pada kita bukan senang kita nak *digitalization* kan semua ini dalam jangka masa yang pendek kerana ada dalam proses sekarang ini kalau kita keluarkan surat hak milik berbentuk komputer pun ada ramai lagi yang surat hak milik yang lama pun tidak

dikemukakan untuk kerajaan melakukan yang demikian. Jadi bagaimana kita nak buat ya, dengan sekarang kalau sekarang suratan hak milik saya pasti Yang Berhormat ada yang pernah tengok apakah bentuk suratan hak milik yang lama dengan yang baru, lain. Yang baru semuanya saiz standard, standard saiz tetapi yang lama tu lain-lain saiz ada. Itu pun ada masalah kalau kita nak *digitalise* itu. Jadi itu perlu juga lihat oleh jawatankuasa dan seterusnya adalah berkenaan dengan tanah terbiar seperti yang saya sebutkan tadi itu adalah lebih pada pembangunan. Dia tidak melibatkan sangat dengan Pejabat Daerah dan Tanah.

Dan untuk tunggakan memang ada jawatankuasa yang melihatnya dan saya ucapkan terima kasih kepada pegawai kita yang sekarang ini dapat memaklumkan kepada MMKN pada setiap minggu berapakah hasil pungutan daripada cukai tanah yang diperolehi setiap minggu dilaporkan kepada Mesyuarat MMKN. Itu untuk makluman Dewan ini. Dan sementara itu *SELLIS* ini sebenarnya saya kira satu sistem yang telah digunakan di Selangor sistem-sistem yang paling baik sekarang ini di seluruh negara ini kita ada sistem ini supaya kita tahu di manakah tanah kita. Tanah terbiar, tanah yang sudah lupa, yang tidak ada dalam rekod, sekarang dipungut. Kita dah ambil balik tanah. yang dicerobohi orang pun kita ambil balik. Kita pagarkan, kita letak *sign board* dah kita buat dan walau pun saya tidak ada angka yang terkini, tapi saya boleh mengatakan bahawa dah beribu ekar tanah kerajaan telah pun kita ambil balik.

Dulunya kita tak tahu itu sebenarnya tanah kita. Tetapi dengan adanya *task force* ini telah kita tahu ambil balik tanah-tanah kepunyaan kerajaan dan ini akan dibangunkan mengikut keperluan daripada masa ke semasa. Termasuk yang sesuai untuk dibangunkan untuk Rumah Selangorku akan kita laksanakan dan itu adalah proses yang sedang giat dilakukan oleh *Task Force* yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri ini. Jadi itu sahaja Tuan Timbalan Speaker. Saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada jawatankuasa ini dan juga kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun membahaskan penyata ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi:

“Bahawasanya menurut Peraturan 76(v) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pejabat Daerah dan Tanah, JP PADAT yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 11 Tahun 2014”.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya usul no. 17 Tahun 2014, Usul Di bawah Peraturan Tetap 76(v) oleh Yang Berhormat Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker, Tuan Timbalan Speaker, dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

“ Bahawasanya menurut Peraturan 76(v) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan ataupun SELCAT bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Perbelanjaan Bajet 2013 bagi Pengurusan Tebatan Banjir oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang Mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 12 Tahun 2014”.

Tuan Timbalan Speaker, SELCAT telah mengadakan pendengaran awam pada 20 Februari 2014, hari Khamis bagi menyiasat kejadian banjir di kawasan Dewan Seri Muda. Siasatan ini dibuat berikutan aduan bertulis Yang Berhormat Suhaimi bin Haji Shafie mengenai banjir teruk yang telah berlaku di Kampung Johan Setia, Kampung Bukit Naga, Bukit Kemuning dan Taman Seri Muda, Kampung Baru HICOM, kawasan Dewan Negeri Seri Muda, yang berulang kali berlaku selama 15 tahun dan ketiadaan tindakan yang efektif oleh JPS untuk menyelesaikan masalah tersebut. Saksi-saksi yang dipanggil untuk memberi keterangan adalah Y.B Tuan Dr. Ahmad Yunus Hairi, Ahli EXCO Kerajaan Negeri Selangor, Yang Berhormat Puan Dr. Siti Mariah Mahmud, Ahli Parlimen Kota Raja, ketiga Yang Berhormat Tuan Suhaimi bin Shafie, Ahli Dewan Seri Muda, keempat Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Selangor, kelima Jurutera Jabatan (JPS) Daerah Klang, keenam Jurutera Daerah Gombak dan ketujuh Jurutera JPS Daerah Hulu Langat.

Latar belakang kepada pendengaran awam ini adalah menurut satu surat aduan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Seri Muda tentang kelewatan JPS Selangor dalam melaksanakan projek-projek di bawah peruntukan tahun 2013 adalah menurut beliau menjadi punca kepada masalah banjir yang masih berlaku di kawasan tertentu seperti di kawasan Seri Muda. Yang Berhormat Seri Muda juga telah menimbulkan isu di Dewan ini berulang kali dan juga telah membuat cubaan untuk bertemu agensi-agensi dan jabatan-jabatan kerajaan berkaitan tetapi menurut beliau tiada perjumpaan mahu pun mesyuarat penyelesaian dapat diadakan. Hanya satu mesyuarat diadakan oleh Majlis Perbandaran Klang sejak 6 tahun yang lalu menurut dakwaan daripada Seri Muda. Di atas itu pendengaran telah mendapat aduan rasmi secara sah daripada ADUN Seri Muda yang menegaskan bahawa banjir yang berlaku sejak 15 tahun dahulu tetapi semakin teruk kebelakangan ini. Keseluruhan kawasan Dewan Negeri Seri Muda adalah kawasan rendah. Jadi pam air telah dibina supaya air dimasukkan ke dalam kolam tadahan. Di mana ada 4 pam

yang mengepam air keluar pada Sungai Klang. Keadaan semakin teruk akibat pembangunan di sekeliling Bandar Puteri dan Bandar Bukit Tinggi.

Keduanya Seri Muda juga menegaskan bahawa Kampung Johan Setia di Klang, selalu banjir kerana tiada peruntukan untuk penyelenggaraan longkang monsun di kawasan tersebut. Yang Berhormat Seri Muda terpaksa menggunakan peruntukan ADUN sendiri sebanyak RM45,000.00 untuk membersihkan longkang dan melaksanakan program gotong royong.

Ketiga, isu ini telah ditimbulkan di Dewan Negeri Selangor dan di Parlimen oleh Ahli Parlimen tetapi hanya diberitahu bahawa aduan beliau diambil kira dan akan dikaji semula tetapi sehingga kini tiada tindakan telah diambil.

Tuan Timbalan Speaker, selain daripada itu Ahli Parlimen Kota Raja juga telah menegaskan isu ini telah ditimbulkan di Parlimen tetapi tiada tindakan dilakukan dan beliau hanya mengingatkan satu mesyuarat MPK yang telah diadakan dalam tempoh sepanjang tempoh banjir. Daripada pihak JPS Selangor, keterangan telah diambil dan dimuatkan dalam penyata muka surat 4 yang berkaitan dengan masalah kelewatan permulaan kerja-kerja hingga muka surat 6, mungkin muka surat 5 dan 6. Muka surat 6 masalah peruntukan. Muka surat 7 masalah kakitangan dan masalah bidang kuasa.

Pihak EXCO, Yang Berhormat EXCO juga telah memberi keterangan bahawa pertamanya Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor sebelum ini tidak pernah membangkitkan atau membincangkan penyata SELCAT mengenai kejadian banjir Hulu Langat dan Klang Selatan yang diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor.

Kedua, beliau telah mencadangkan supaya Mesyuarat *Standco* diadakan selepas setiap Sidang Dewan untuk menyelesaikan masalah banjir yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dewan Negeri semasa Persidangan Dewan Negeri Selangor.

Tuan Timbalan Speaker, penemuan jawatankuasa, muka surat 8. Pertama, Mesyuarat *Standco* untuk infrastruktur jarang diadakan. Mesyuarat hanya diadakan sekali setahun. Kedua, peruntukan untuk mengurus atau menyelenggarakan ada yang berunsurkan token yang bermaksud tiada sebarang atau pun anggaran kos yang diketahui pada masa rekod perbelanjaan ini disediakan dan sepatutnya di kemaskinikan setelah menerima sebarang atau tender dan kerja berjalan. Tidak terdapat perancangan yang teratur untuk pencegahan banjir walau pun token sebanyak RM10.00 telah diberikan. Akibatnya ia akan menyebabkan isu banjir dibawa ke masa hadapan. Rancangan sepatutnya dilakukan pada tahun-tahun sebelumnya.

Ketiga, sepatutnya penyelenggaraan dilakukan 4 kali setahun. Tetapi peruntukan hanya mencukupi untuk kerja-kerja penyelenggaraan dilakukan sekali setahun.

Keempat, penyata muka surat 9. Ketidakseimbangan pekerja atau pun staf di JPS di mana terdapat 820 pekerja atau staf tetapi hanya 10 Jurutera. Dan kesemua kerja-kerja dilakukan pada setiap tahap di *out source* dengan izin kepada kontraktor luar.

Kelima, tiada satu badan yang mengambil inisiatif untuk memanggil mesyuarat. Kerja-kerja JPS dan agensi-agensi badan kerajaan berkaitan sepatutnya diselaraskan oleh Pegawai Daerah dan dipimpin oleh seorang ahli EXCO.

Keenam Ahli Dewan Negeri, Yang Berhormat Tuan Suhaimi menghadapi kesukaran untuk bertemu dengan EXCO Infrastruktur dan Menteri Besar, Portfolio Infrastruktur yang telah bertukar dari Dato' Dr. Hasan Ali kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan akhirnya kepada Yang Berhormat Tuan Dr. Ahmad Yunus Hairi dan masalah ini masih belum selesai. Ini menyebabkan Y.B. Ahli Dewan Negeri Seri Muda meluangkan masa untuk menyelesaikan tugas dan tanggungjawab eksekutif dalam menangani masalah banjir dan kurang penumpuan dalam kerja-kerja legislatif.

**TUAN TMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Hulu Kelang minta duduk sebentar ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana urusan Dewan ini masih panjang, maka Dewan pada hari ini perlu disambung bagi meneruskan urusan Dewan. Saya mempersilakan wakil Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul ini.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

“ Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini, mengikut Peraturan 11 dan 26(iv) dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah menyambung Persidangan sehingga selesai semua urusan Dewan”.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-Ahli yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak. Usul ini dipersetujui.

Saya tengok ramai muka muram ni, Yang Berhormat ya, Jadi saya minta Hulu Kelang simpulkan supaya kita semua dapat percepatkan urusan. Teruskan Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Ini perkara besar Tuan Timbalan Speaker. Kita semua tahu dan Seri Muda pun sedia untuk mengambil bahagian. Yang ketujuh....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Y.B. Hulu Kelang, Dengkil minta penjelasan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Silakan

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Sikit saja....nak cepat juga ni Hulu Kelang. Saya nak minta kita rujuk balik muka surat lima , 5.3.4. Saya mohon penjelasan daripada sahabat saya Y.B. Hulu Kelang proses pelantikan kontraktor adalah seperti berikut; Projek bernilai bawah RM500,000.00 akan dilakukan secara lantikan terus. Kemudian 5.3.5 untuk kerja-kerja JPS yang lain JPS harus melakukan sebut harga misalnya jika kos projek adalah sekitar dua ratus ribu kelima ratus ribu. So yang mana satu yang diguna pakai. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Kita telah, jawatankuasa telah buat semakan dan mendapat dokumen bahawa dalam peraturan-peraturan tertentu memang JPS boleh membuat sebutharga di atas projek lima ratus ribu. Dan ada dua peruntukan. Kedua-duanya boleh diguna pakai dalam kes-kes tertentu. Ada dokumennya. Terima kasih Dengkil. Saya teruskan Tuan Timbalan Speaker. Yang ketujuh, kurang perhatian keutamaan diberikan kepada masalah banjir oleh Majlis, oleh Exco. Kerajaan Negeri Selangor tidak menunjukkan kesungguhan dalam menyelesaikan banjir melalui peruntukan yang disalurkan kepada JPS setiap tahun. Peruntukan yang diberikan kepada JPS tiap-tiap tahun jelas tidak mencukupi untuk mencegah dan menyelesaikan masalah banjir. RM 1 billion diperlukan untuk program menaiktaraf pengurusan dan penyelenggaraan untuk mencegah banjir di daerah Klang sahaja.

Yang kelapan terdapat perbelanjaan mendadak di akhir tahun bermula Oktober Disember untuk menghabiskan peruntukan yang diberi pada setiap tahun. Sebagai saranan jawatankuasa dalam muka surat sembilan dan sepuluh mengemukakan lapan saranan:

1. Jawatankuasa disarankan agar mewujudkan portfolio banjir yang dijaga khas oleh seorang ahli MMKN ataupun ahli EXCO. Satu portfolio khas tentang banjir.
2. Mesyuarat *standing co..standing community* diadakan dengan lebih kerap. Kesemua badan-badan kerajaan terlibat dalam pengurusan banjir dan *Standco* hendaklah berjumpa sekurang-kurangnya empat kali setahun untuk menguruskan dan merancang kebarangkalian dan pengurusan krisis banjir.
3. Selepas setiap sidang Dewan EXCO Infrastruktur dan Kerajaan Negeri harus mengadakan mesyuarat penyelarasan untuk menyelesaikan kes-kes

banjir yang telah dibangkitkan semasa persidangan oleh ahli-ahli YB daripada sidang yang mulia ini yang berkaitan dengan banjir.

4. Kerajaan Negeri harus menyemak semula mekanisme pelaksanaan dan keberkesanan projek-projek penyelesaian masalah banjir supaya tiada perbelanjaan mendadak diakhir tahun.
5. Menyusun semula tugas kakitangan JPS seramai lapan ratus dua puluh staf dengan melantik lebih banyak jurutera dan memastikan bahawa tugas utama dapat dilakukan secara *in-house* dengan izin dan juga mengenal pasti sebab-sebab keengganan JPA untuk melantik lebih ramai pegawai profesional dalam JPS.
6. Penindasan *overlapping* dengan izin, bajet dan peruntukkan harus dikawal. Amalan pemindahan peruntukan melalui *wiremen* dari satu projek ke projek yang lain juga harus dibawa ke MMKN untuk kelulusan.
7. Aktiviti penguatkuasaan harus dipertingkatkan oleh semua agensi kerajaan termasuk PBT, JPS, LUAS, JKR, Pejabat Daerah dan lain-lain untuk memastikan pembuangan sampah dihentikan atau aktiviti haram yang boleh menyebabkan banjir, pencemaran dan hakisan sungai tidak berlaku. Akhir sekali Tuan Timbalan Speaker,
8. Membuat senarai Inventori sungai-sungai dalam bentuk papan tanda untuk bidang kuasa setiap jabatan dan badan-badan kerajaan sebagai rujukan tatkala berlakunya banjir. *On site* di setiap kawasan *hot spot* banjir supaya orang awam mengetahui siapa yang sepatutnya dihubungi.

Sekian Tuan Timbalan Speaker. Saya mohon usul ini disokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Y.B. Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Sekinchan bangun menyokong usul yang dibawa oleh 17 yang dibawa oleh Y.B. Hulu Kelang berkaitan dengan Laporan Penyata yang dibentangkan oleh Jawatankuasa SELCAT dan seperti apa yang kita sedia maklum dalam pendengaran awam yang diadakan oleh SELCAT tempo hari berkenaan dengan isu banjir ya yang berlaku, yang gagal diselesaikan dan peruntukkan yang ada tetapi tidak digunakan dengan sewajarnya telah kita dapat jawapannya apa sebab yang berlaku dalam pendengaran awam tersebut jadi saya tidak mahu panjang lebar tetapi yang pentingnya saya nampak sudah sampai masa Kerajaan Negeri khususnya memantau lebih serius terhadap JPS kerana dia tiada kita di jawatankuasa diberitahu tiada satu *Standco* jawatankuasa khas pengurusan pencegahan banjir..tiada...mereka hanya ada jawatankuasa pembangunan dan seperti yang ditegaskan oleh Hulu Kelang di mana

setahun kemungkinan hanya sekali mesyuarat bersama JPS dengan EXCOnya setahun sekali mesyuarat menangani masalah banjir di negeri Selangor. Jadi saya nampak ini amat sukar sekiranya bilangan mesyuarat tersebut hanya sekali mungkin pemahaman masalah tidak dapat disampaikan secara menyeluruh dan pemantauan itu tidak dapat dilakukan oleh pihak kerajaan dan EXCO. Maka dalam pandangan awam tersebut kita syorkan bahawa mesyuarat itu kalau boleh akan datang lebih kerap ya lebih kerap kalau boleh setiap dua bulan atau pun setiap bulan setiap dua bulan tiga bulan sekali supaya kita dapat *up-to-date* masalah banjir. Dan tentang penggunaan peruntukan ini saya juga ingin mengesyorkan bahawa penggunaan peruntukan itu dapat digunakan dengan sebaik mungkin. Pada kes-kes dimana kawasan JPS sepatutnya dapat mengenal pasti mana kawasan yang lebih kerap mengalami banjir. *Hot spot* banjir itu dah tahu, jadi penelitian itu kajian yang menyeluruh terhadap kawasan tersebut perlu diberi keutamaan. Jangan hanya kita bagi keutamaan kepada pihak EXCO sahaja tetapi masalah ADUN-ADUN seperti yang diluahkan suara hati daripada Seri Muda sejak bertahun-tahun ini juga kita nampak dalam perkara itu tidak begitu diteliti. Maka dengan itu jawatankuasa SELCAT memandang serius perkara ini. Kita harap Kerajaan Negeri sudah nampak apa yang berlaku dan dapat mengambil pendekatan yang lebih efektif untuk menangani isu-isu banjir yang sering kali timbul di dalam Dewan yang mulia ini. Maka dengan itu saya menyokong penuh usul yang dibawa oleh Hulu Kelang ini. Sekian sahaja, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Y.B. Rawang

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Ya, Tuan Timbalan Speaker, Rawang ingin turut serta dalam perbahasan untuk usul ini. Cuma saya ingin menarik perhatian Dewan ini terhadap dua isu yang utama. Yang pertama adalah berkenaan dengan apa yang dinyatakan dalam laporan ini berkenaan dengan masalah kakitangan. Dari segi pengurusan sumber tenaga manusia ini yang dikatakan bahawa ada daerah tertentu JPS di daerah tertentu yang kekurangan jurutera untuk memantau dan membuat perancangan dari segi sistem pengaliran dan saliran ini. Jadi saya ingin bertanya ataupun mencadangkan samada pihak kerajaan Negeri Selangor ada satu jadual ataupun statistik yang menunjukkan pembahagian sumber tenaga manusia ini. Kalau ianya perlu tunggu keputusan JPA ini, dan masih lagi tiada maklum balas daripada pihak JPA apa yang boleh diambil samada kita boleh menggunakan ataupun pinjam dengan izin jurutera-jurutera daripada jabatan yang lain yang mana di bawah bidang kuasa pihak kerajaan negeri juga supaya kita boleh melaksanakan projek ataupun tebatan banjir ini dengan segera sebab ini adalah berkenaan dengan kesejahteraan hidup rakyat yang kita tidak mahu bila banjir berlaku dengan teruk berkali-kali, bertahun-tahun baru kita ambil satu tindakan yang drastik untuk kita menyelesaikan.

Yang kedua berkenaan dengan dari segi perancangan untuk projek tebatan banjir secara menyeluruh di Negeri Selangor ini. Saya difahamkan sebenarnya sebelum

ini dibawah sekretariat kalau tidak salah saya jawatankuasa tetap infra juga sebenarnya adalah yang bertanggungjawab untuk JPS dan sebagainya. Dan memang ada satu pelan tindakan banjir untuk negeri Selangor yang mana sekretariatnya dipengerusikan, diselaraskan oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Selangor yang melibatkan semua agensi-agensi yang berkenaan. Jadi saya difahamkan dalam laporan tersebut pelan tindakan tersebut juga telah disenaraikan kawasan-kawasan lokasi yang sepatutnya diberi perhatian ataupun memang merupakan kawasan banjir. Jadi sejauh manakah pelan tindakan ini digunakan sebagai satu piawaian dalam perancangan untuk projek tebatan banjir ataupun pengurusan sistem pengaliran dan saliran di negeri Selangor ini. Dan sejauh manakah sebenarnya saya difahamkan kalau untuk sistem jalan kita ada MARRIS yang peruntukannya memang digunakan untuk kita *maintain* dengan izin jalan tetapi untuk sistem pengaliran dan saliran ataupun parit ataupun sungai ini sebenarnya kita juga ada caruman....caruman parit ini yang saya nampak memang boleh digunakan sebaiknya untuk mengatasi isu tentang banjir pengurusan sistem pengaliran dan saliran ini. Akhir sekali lagi saya ingin bertanya tentang dari segi pengurusan sungai ini sebab saya bacakan kalau sebelum ini memang ada peruntukan yang mana satu tempat tu akan dibersihkan di *maintain* dengan izin sekurang-kurangnya empat kali setahun tetapi telah dikurangkan menjadi sekali setahun sahaja. Kalau ikut apa yang dicatatkan dalam laporan ini. Jadi saya nampak ini memang antara satu sebab yang menyebabkan bila air hujan itu terutama dengan perubahan cuaca iklim sekarang bila air yang turun begitu lebat hujan dengan sungai yang banyak timbunan pasir dan sebagainya memang sistem saliran itu terhalang. Jadi saya cadangkan kita memang perlu mengkaji kekerapan ini dan ditambahkan peruntukkan untuk kita bersihkan sungai.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Minit terakhir Y.B....

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Ya saya....sama ada pihak Kerajaan Negeri Selangor masih ada satu polisi yang mana sungai itu diangkat oleh JKKK untuk membuat pembersihan berkala sebab saya difahamkan memang sebelum ini diizinkan bahawa JKKK untuk mengeluarkan pasir daripada sungai yang ditepi ataupun berdekatan dengan kampung mereka tetapi pengeluaran pasir itu adalah dengan tujuan yang khas untuk sosial sahaja maksudnya jual mungkin ada sedikit hasil dan hasil itu digunakan untuk kampung itu balik. Sebab sebelum ini ada permohonan oleh JKKK di tempat saya tetapi tiada maklum balas sebab sebelum ini dikatakan KSSB merupakan pihak yang bertanggungjawab untuk membuat kelulusan tetapi disebabkan nampaknya pasir di sungai ini tidak mendatangkan keuntungan yang begitu besar dan dibiarkan begitu sahaja. Tetapi timbunan tu semakin tinggi dan kita kluatir akan berlaku keadaan banjir kalau tidak dibersihkan. Jadi itu sahaja yang saya ingin bangkitkan dan mendapat sedikit tentang usul ini. Sekian terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Y.B. Seri Muda.....

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFEI:** Terima kasih Y.B. Tuan Timbalan Speaker. Saya bangun untuk menyokong usul yang dikemukakan oleh Y.B. Hulu Kelang sepenuhnya dan seluruhnya tentang perkara-perkara yang telah dibangkitkan untuk memastikan perkara yang menjadi suatu derita kepada rakyat ini boleh diatasi segera oleh Kerajaan Negeri. Saya ingin menambah sedikit kepada perkara yang telah disebutkan memang banyak kali telah saya bangkitkan dalam sidang Dewan ini berkenaan dengan keadaan banjir yang berlaku di kawasan Kampung Johan Setia dan juga di sekitar kawasan yang terlibat. Ada satu jawapan yang telah saya kemukakan pada kerajaan negeri yang dijawab beberapa hari lepas di mana dalam jawapan yang diberikan itu disebutkan bahawa tidak ada cadangan yang dibuat untuk pembinaan kolam tadahan di kawasan Kampong Johan Setia. Sedangkan dalam suatu mesyuarat yang kita adakan pada tahun 2013 cadangan itu telah dibincangkan secara terperinci dengan semua agensi kerajaan ada yang hadir waktu itu adalah Jabatan Pengairan dan Saliran sendiri yang dipengerusikan oleh Pemangku Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang pada waktu itu. Jadi saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri dan mendapatkan penjelasan dalam satu cadangan yang dikemukakan pada Kerajaan Negeri dikhabarkan sebanyak keperluan adalah sebanyak RM1 bilion tetapi dalam cadangan itu telah tidak dimasukkan pembinaan kolam untuk kawasan Johan Setia dan saya mendesak Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan kalau sekiranya cadangan itu telah tertinggal mohon dimasukkan semula bagi memastikan kesukaran dan penderitaan rakyat di sekitar kawasan ini boleh diatasi dan dalam tempoh yang sesingkat mungkin.

Saya ingin mencadangkan kalau kita dapati banyak kawasan-kawasan perumahan baru, mereka telah mewujudkan satu kolam-kolam tadahan kecil dalam kawasan taman yang terlibat khususnya bagi kawasan pembangunan yang besar seperti di kawasan pembangunan Setia Alam, di Kota Kemuning juga ada cadangan untuk menempatkan satu kolam tadahan, tapi sampai hari ini tidak dibina, yang ini perlukan pemantauan daripada pihak berkuasa negeri ke atas pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi yang terlibat supaya cadangan yang telah mereka masukkan dalam kebenaran merancang itu mesti dilaksanakan.

Jadi saya cadangkan supaya kerajaan negeri membina satu (1) kolam tadahan yang dinamakan manual saliran yang memastikan membina suatu kolam yang dipanggil *Miasma* kalau tak salah ingatan saya, satu kolam kecil di setiap kawasan dan walaupun kawasan ini kawasan kampung kawasan yang mungkin tidak terlibat di dalam perancangan kerajaan negeri ataupun mewajibkan ataupun mensyaratkan kepada pemaju-pemaju perumahan saya menggesa kerajaan negeri untuk melihat perkara ini secara serius kerana telah belasan tahun penduduk di kawasan itu mengalami trauma yang teruk, ya kita kena berada di kawasan itu dan kalau kita melihat seorang ibu tua yang berusia dalam umur 80 an sebatang kara bila rumah mereka dilanda banjir seperti ini, kalau tidak ada orang yang menolong, maka rumah mereka itu akan terus dalam keadaan yang amat teruk.

Ini yang menjadi kesukaran kita kerana kawasan ini hujan tak perlu sampai dua (2) jam, memadai kalau hujan itu dalam tempoh antara tiga puluh (30) minit keempat puluh lima (45) minit dengan kadar yang sederhana pun air sudah memasuki rumah dan sama ada ia banjir kilat atau banjir terkejut rumah itu tetap telah dikotori oleh air lumpur.

Perkara kedua (2) apa yang ingin saya cadangkan ialah supaya yang juga kalau saya sebutkan dalam pertanyaan-pertanyaan sebelum ini untuk pihak kerajaan negeri segera memuktamadkan di sekitar kawasan Johan Setia itu, di mana kawasan yang perlu diwujudkan kawasan industri ataupun kawasan kediaman supaya mereka yang mempunyai tanah di kawasan terlibat boleh menimbus dengan cara yang betul dipantau oleh agensi kerajaan negeri.

Kita perhatikan sekarang mereka melakukan kerja-kerja penambakan tanah ini tanpa langsung memohon daripada pihak berkuasa tempatan, dan ini telah menyumbang kepada keadaan banjir yang teruk di kawasan itu disebabkan dengan menimbus kawasan-kawasan itu tanpa mengambil kira soal saliran apabila hujan lebat turun masuk ke dalam sungai ataupun anak sungai dan ini adalah antara perkara-perkara yang saya fikir amat berleluasa pada waktu ini, jadi perlu kepada kerajaan negeri untuk segera memuktamadkan dan cadangan yang telah dikemukakan melalui jawatankuasa dewan ini. Saya fikir adalah satu cadangan yang perlu diberi perhatian segera dalam tempoh yang segera supaya tak perlulah saya bawa seperti mana saya bawa isu berkenaan dengan pasar Seri Muda berkali-kali dan hari ini saya mengambil kesempatan untuk direkodkan dan mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri yang telah memperuntukkan sebanyak 23 juta.

Jadi saya, besar hatilah sedikit tak adalah lagi walaupun sebelum ini saya sebut Batu 3 dapat mungkin kerana EXCO, tetapi...

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Saya nak mencelahlah Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Ha, silakan..

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Adakah Seri Muda akan mengajarkan-rakan yang lain-lain bagaimana nak dapat RM23 juta tu,

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** saya fikir perkara itu,

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Jangan lari jauh sangat daripada topik ya..

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Untuk direkodkan sahaja Tuan Speaker, saya fikir semua Ahli Dewan kita bijak-bijak belaka, bagaimana cara nak dapat terpulang kepada kebijaksanaan masing-masing, saya rasa saya minta, saya jumpa

dan yang terpenting sekali saya bawa EXCO terlibat turun di kawasan itu merasai dan itulah hasilnya, Alhamdulillah kepada EXCO daripada Sungai Pinang yang turun tak lama kurang daripada enam (6) bulan, Alhamdulillah hari ini saya dapat berita yang gembira berkenaan dengan pembinaan Pasar Sri Muda. Dan akhir sekali saya ingin tutup kepada cadangan ataupun usul yang dikemukakan oleh Jawatankuasa ini ialah dengan satu (1) perkara yang saya fikirkan juga amat serius saya dapati kerajaan negeri tidak mempunyai satu bentuk bantuan khusus kepada mangsa banjir kilat, kalau mungkin banjir yang biasa, rumah tenggelam empat (4) lima (5) hari ada, walaupun ia tidak mencukupi tetapi saya fikir kerajaan harus melihat bagi kawasan-kawasan yang dilanda banjir yang amat teruk, walau pun hanya sekali hujan, walaupun hanya banjir kilat, fikirkanlah satu kaedah yang baik, untuk meringankan bebanan perasaan kepada mangsa-mangsa banjir ini.

Tuan Timbalan Speaker, saya menyokong. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Tahniah kepada Sri Muda kerana mendapat jawapan yang diingini, dan tahniah kepada Sungai Pinang yang dapat membantu Sri Muda. Tapi apa yang sangat mengejutkan kepada saya, apabila saya membaca penyata ini, apabila kita merujuk pada muka surat 8, di mana mesyuarat EXCO tidak pernah membangkitkan atau membincangkan penyata SELCAT mengenai kejadian banjir di Hulu Langat dan Klang Selatan yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, saya rasa semua jawatankuasa-jawatankuasa mengambil masa yang sangat banyak untuk membuat lawatan tapak, untuk membuat kajian untuk berjumpa ramai pegawai untuk membentuk penyata-penyata ini, di Dewan yang mulia ini kita ada 13 penyata yang dibentangkan.

Saya harap semua kajian ini dapat diberi perhatian serius oleh EXCO yang penyata-penyata ini akan diambil serius akan dikaji akan dibacalah, paling kurangnya dibaca supaya saranan-saranan itu boleh ditimbang. Saya tahu bukan semua saranan boleh diguna pakai, ada yang perlu ditolak ada yang boleh diterima ataupun diterima dengan sedikit pindaan, tetapi saya haraplah setiap saranan dalam tiga belas (13) penyata yang kami bentangkan di atas usaha-usaha kami berjumpa setiap minggu, dua (2) minggu untuk membentuk akan diberi penelitian.

Dan yang keduanya (2) saya juga berharap STANCO Infrastruktur sebagai satu (1) satu *area* yang sangat penting di negeri Selangor daripada kerja-kerja JKR dan JPS yang sering dibangkitkan di dalam ucapan-ucapan di dalam Dewan ini di setiap sidang Dewan kita akan dengar banyak-banyak isu yang dibangkitkan. Jadi saya rasa sekali setahun yang dilaporkan ini nampaknya amat sedikit kalau kita betul-betul atau dua (2) jabatan ini, dan saya harap dia boleh ditingkatkan supaya kualiti *delivery services* dengan izin kerajaan negeri Selangor ini bolehlah ditingkatkan, prestasinya boleh ditingkatkan. Itulah ucapan ringkas. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya mempersilakan pihak kerajaan. Si Jangkang.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Tuan Speaker, Timbalan Speaker, Terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang membawa usul tujuh belas (17) ini, Yang Berhormat Hulu Kelang, Yang Berhormat Sekinchan, Yang Berhormat Sri Muda, Yang Berhormat Bukit Gasing, dan Rawang yang mana, saya kira sudah tiba masanya kita melihat ke hadapan bagaimana kita dapat menyelesaikan masalah-masalah yang disebutkan di dalam penyata ini terutamanya berkaitan dengan isu banjir.

Kita sangat beruntung di negara kita Negeri Selangor yang kita cintai ini kadang-kadang kita dalam keadaan yang sangat selesa cukup air, kadang-kadang kita terlebih air sehingga banjir, kadang-kadang kita tak cukup air sehingga musim kemarau, dan catuan seperti pada hari ini, pun begitu saya kira saya sudah melihat dan saya sendiri terlibat di dalam mesyuarat ataupun pendengaran awam SELCAT tempoh hari dan kita telah melihat beberapa perkara yang sebenarnya perlu diperbaiki daripada semasa ke semasa.

Jadi saya melihat daripada penemuan-penemuan Jawatankuasa yang telah dibincangkan ekoran daripada pendengaran yang dibawa oleh Johan Setia, *sorry*, oleh Sri Muda tempoh hari ia mendatangkan banyak perkara-perkara yang perlu kita perbaiki dan dapatan-dapatan ini akhirnya memberikan kepada saranan-saranan kepada jawatankuasa supaya pihak kerajaan negeri mengambil beberapa tindakan yang perlu diambil dengan agak segera dan agak menyeluruh.

Saya melihat bahawa isu banjir ini, isu air bukan satu perkara yang mudah. Negeri Selangor terletak di kawasan lembangan sungai yang boleh berlaku banjir pada bila-bila masa sama ada banjir kilat atau banjir ketika musim monsun itu sendiri dan ini melibatkan banyak jabatan-jabatan atau agensi-agensi yang sebenarnya terlibat secara langsung bukan sahaja Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor, khususnya terlibat dalam penyelenggaraan ataupun menangani masalah banjir ini, tetapi kesemua jabatan-jabatan termasuklah Jabatan Kerja Raya, Pihak berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah sendiri yang saya kira memainkan peranan utama di peringkat daerah itu adalah antara agensi-agensi yang perlu mengambil inisiatif yang penting.

Daripada saranan-saranan itu terutamanya dalam bentuk jawatankuasa pencegahan banjir ini adalah satu saranan yang sangat baik yang Insya-Allah yang kita akan bawa ke dalam mesyuarat EXCO untuk kita bincangkan, cadangan-cadangan yang lain juga, saya kira boleh bincangkan di peringkat EXCO dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor. Cuma apa yang saya katakan yang sebelum ini yang mesyuarat STANCO yang diadakan pada tahun lepas, hanya sekali sahaja tetapi saya melihat bukan, bukan sebanyak mana

mesyuarat STANCO itu diadakan tetapi yang saya lihat adalah bagaimana mesyuarat yang khusus berkaitan dengan masalah menangani isu-isu banjir ini diadakan terutamanya dengan agensi-agensi yang tertentu, kerana mesyuarat STANCO itu melibatkan banyak jabatan-jabatan yang sebahagian tidak terlibat secara langsung, pun begitu di atas saranan itu kita akan melihat dengan adanya perbincangan ataupun penyata ini kita dapat melihat penambahbaikan tersebut.

Buat masa ini sebenarnya Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor sedang membuat penyusunan semula untuk memperkukuhkan bahagian pengurusan banjir dan kita juga tidak menafikan bahawa tenaga atau sumber kerja ataupun tenaga kerja itu adalah satu perkara yang sangat penting pada hari ini. Kerana saya lihat banyak projek-projek yang perlu dilakukan di dalam menangani pembangunan di Negeri Selangor pada hari ini terutamanya Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran sendiri tetapi saya melihat tenaga kerja yang ada pada hari ini tidak setaraf dengan beban kerja yang ada.

Sebagai contoh saya nak ambil di Jabatan Pengairan dan Saliran kita tidak mempunyai perjawatan *quantity surveyor* yang mana pada hari ini kita terpaksa bergantung pada JKR untuk membuat BQ dalam projek-projek tertentu, tetapi kita telah mengambil pendekatan. Alhamdulillah sehingga pada hari ini kita sudah mempunyai dua (2) penjawat kontrak *quantity surveyor* yang dapat membantu di dalam menyiapkan BQ-BQ di dalam projek tertentu dan akhirnya sudah tentulah kita dapat mempercepatkan projek-projek yang dirancang.

Kerana saya melihat kalau kita terlalu bergantung kepada Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya juga mempunyai projek yang begitu banyak yang mereka ada prioriti-prioriti sendiri. Begitu juga saya melihat bukan sekadar Jabatan Kerja Raya atau JPS tetapi agensi-agensi lain termasuklah Jabatan Agama Islam sendiri yang mana banyak projek-projek infrastrukturnya mereka tidak mempunyai kekuatan dan terpaksa bergantung kepada Jabatan Kerja Raya.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Dalam menangani masalah banjir dia sudah pasti melibatkan agensi pusat kerana kemudahan-kemudahan besar seperti pelabuhan dan *airport* dan sebagainya juga berlaku di Selangor. Jadi apakah? rancangan dan rangka kerja pihak kerajaan negeri Selangor melalui EXCO untuk mewujudkan kerjasama yang lebih selaras dan mesra dengan agensi pusat yang terbabit dalam penempatan banjir.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Hulu Klang, sebenarnya di Negeri Selangor kita mempunyai *master plan* untuk menangani masalah banjir itu sendiri dan kita ada hot port-hot port yang tertentu yang mana daripada hot port itu kita boleh melihat kawasan-kawasan mana yang ada prioritinya. Sudah tentulah ini melibatkan juga agensi-agensi daripada persekutuan yang memang sudah dibincangkan, saya mengambil contoh walaupun di dalam pelan yang begitu yang

*master plan* yang besar itu sendiri sebagai contoh tumpuan yang ini adalah berkaitan dengan masalah banjir Sungai Rasa, yang sebagai contoh tumpuan kita lebih kepada kawasan-kawasan tersebut.

Saya tidak nafikan Klang juga mempunyai *master plan* tebatan banjir yang tersendiri termasuklah di kawasan yang melibatkan kawasan Sri Muda, Johan Setia dan sebagainya yang mana daripada *master plan* inilah yang menjadi rujukan kita untuk kita merancang untuk Jabatan Pengairan dan Saliran melibatkan JKR dan juga Jabatan PBT untuk merancang apakah yang perlu dilakukan berdasarkan *master plan* tersebut. Sebab itulah ada prioritinya dan saya kira daripada segi peruntukan di Negeri Selangor tidak mempunyai masalah tetapi daripada segi jangkaan kita di dalam projek-projek ataupun perkara-perkara yang boleh ditangani oleh Kerajaan Negeri untuk dilaksanakan pada tahun semasa yang saya kira akhirnya peruntukan itu kita boleh anggarkan untuk tahun semasa dan tidak melebihi dan tidak menjadi bebanan seolah-olah apabila ada peruntukan tidak dapat diselesaikan pada tahun semasa.

Saya sedia maklum pada, pada sidang yang lepas juga dibangkitkan berkaitan dengan penggunaan peruntukan peratusan yang tidak di, tidak seperti yang di, diharapkan oleh jabatan-jabatan ataupun daripada ADUN-ADUN sekalian. Tetapi untuk makluman, sehingga pada hari ini kita lihat bahawa selepas semua projek-projek tahun lepas dapat kita lakukan, prestasinya saya lihat agak baik. Kerana daripada prestasi keseluruhan perbelanjaan JPS itu sendiri sehingga selesai projek-projek yang dapat dilakukan pada tahun lepas, lebih kurang 94% dapat diselesaikan iaitu RM44, RM47 juta, RM44 daripada RM40 juta yang diperuntukkan. Kita dapat, kita dapat selesaikan. Dan untuk peruntukan pengurusan banjir sendiri, sebanyak RM25 juta, RM594 ribu dapat kita belanjakan daripada peruntukan RM27 juta yang diluluskan. Cuma saya melihat sekiranya ada kekuatan-kekuatan daripada segi peningkatan kerja dan juga tenaga kerja yang boleh kita perbaiki dengan perancangan-perancangan yang lebih baik saya kira dengan anggaran peruntukan mungkin tahun ini ataupun tahun hadapan kita boleh lebih perbaiki

**Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Sri Muda minta penjelasan.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** mencapai kelulusan banjir itu sendiri. Silakan.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Ringkas sahaja. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri dalam keadaan kita mempunyai lebihan peruntukan dan kita tidak menggunakannya dengan cara yang betul, apakah mungkin Kerajaan Negeri berhasrat untuk menggunakan bagaimana cara nak mengeluarkan, itu terpulang kepada Kerajaan Negeri. Tetapi mengeluarkan sedikit peruntukan yang ada bagi mengatasi masalah-masalah banjir bukan saja di Sri Muda ataupun Johan Setia tetapi di kawasan lain di Rawang dan sebagainya.

Gunakan bagi penyelenggaraan yang mana disebutkan sepatutnya 4 kali tetapi hanya dibuat sekali. Macam di kawasan Johan Setia, saya dapati dia dibuat sekurang-kurangnya setahun 2 kali. Tetapi masa yang dibuat itu ialah ketika masa banjir ataupun 3, 4 bulan sebelum banjir. Kebiasaannya di Selangor kita akan hadapi 2 kali musim banjir semasa perubahan monsun ya. Iaitu sekitar bulan 12, bulan 11 ya, antara bulan 9 ke bulan 12. Dan satu lagi kebiasaannya antara bulan 3 ke bulan 5. Jadi, apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menggunakan sedikit peruntukan itu, kaji di kawasan mana sesuai, gunakan sedikit peruntukan, bersihkan kawasan itu sekurang-kurangnya 4 kali setahun untuk mengelakkan rumput menjadi terlalu panjang dan menyekat laluan air. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Sri Muda. Ini antara beberapa saranan yang disuarakan oleh jawatankuasa yang mana sudah juga dibincangkan dengan setahun sekali penyelenggaraan, memang sudah tentunya tidak mencukupi. Dan saya melihat bahawa perkara ini adalah juga menjadi penyumbang kepada mungkin penyelesaian masalah, sedikit masalah di kawasan-kawasan banjir tersebut. Dan insya-Allah, di dalam bajet ataupun bajet yang akan datang, belanjawan yang akan datang, kita cuba masukkan di mana keperluannya yang, yang mana ini adalah juga antara perkara yang, yang perlu difikirkan. Dan saya juga bukan sahaja bajet tetapi pelaksanaan, kita, kita mahukan supaya saya mahukan supaya perancangan itu dapat dirancang dengan baik bukan bermakna penyelenggaraan itu berlaku apabila semasa banjir tetapi kita tahu bila masa musim banjir dan itu boleh diaturkan dan akhirnya ia akan memberikan satu faedah yang lebih baik.

Seperti mana yang saya katakan, seperti mana yang disentuh oleh Sri Muda, buat masa, di dalam *master plan* tebatan banjir di Klang memang tidak ada cadangan untuk membuat kolam tadahan di Johan Setia. Pun begitu, saya kira ini bukan satu perkara yang, yang, yang statik begitu kalau kita melihat ada keperluannya mungkin boleh difikirkan apatah lagi terutamanya melibatkan kawasan Johan Setia yang kita tidak tahu lagi sehingga pada hari ini kerajaan masih belum lagi memuktamadkan kawasan Johan Setia itu sama ada kekal sebagai kawasan pertanian, industri ataupun kawasan perumahan. Jadi saya kira apabila berlaku pemuktamadan tadi tu kita boleh rancangkan secara menyeluruh berkaitan juga isu berkaitan dengan tebatan banjir di kawasan tersebut.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ia, Sri Muda

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Sedikit yang saya ingin kongsi dalam Dewan ini. Tujuan kita mengadakan kolam tadahan ini pertamanya ialah untuk mengalirkan air sewaktu musim banjir. Tetapi kita juga sedia maklum, Johan Setia adalah merupakan kawasan yang menjadi acara tahunan pembakaran. Setiap tahun jerebu akan bermula daripada kawasan itu yang melibatkan kawasan Putera Heights, Kota Kemuning, Bandar Putera, Bandar Puteri dan hampir sekitar kawasan yang terlibat. Jadi, dengan adanya kolam ini mungkin

dibuat dalam bentuk yang lebih sesuai. Waktu banjir kita jadikan ia sebagai satu kolam tadahan tetapi bila musim kemarau mungkin kolam itu boleh digunakan sebagai sumber untuk memadamkan kebakaran. Jadi saya minta kepada Kerajaan Negeri untuk meneliti, mengkaji dan tampil dengan satu bentuk cadangan yang boleh diterima masyarakat dan membantu mengurangkan kesan banjir dan juga kesan kebakaran.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Johan Setia, Seri Setia. Sebenarnya kawasan Johan Setia ini sudah dibincangkan dan kita melihat bahawa kajian juga dijalankan berkaitan dengan isu banjir dan juga seperti mana yang dikatakan kawasan yang, yang kerap juga terlibat dengan kebakaran. Hasrat kita bukan sahaja kolam tadahan yang mungkin menjadi penyelesaian banjir tetapi bagaimana sistem perparitan di kawasan Johan Setia itu juga dapat kita perbaiki supaya dengan izin *water level* itu sendiri dapat diperbaiki dan akhirnya isu banjir dapat diselesaikan dan masalah kebakaran yang sering berlaku juga dapat diselesaikan.

Rawang ada menyentuh berkaitan dengan kekerapan penyelenggaraan caruman parit. Caruman parit saya kira antara sumber-sumber peruntukan yang kita lihat, kita, digunakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran untuk isu-isu berkaitan dengan saliran dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan tebatan banjir. Cuma saya tidak pasti sama ada kalau dikatakan sebelum ini JKKK mempunyai peruntukan untuk pembersihan sungai, apa yang saya maklum adalah ada peruntukan dalam pembersihan parit-parit yang diuntukkan kepada JKKK sebelum ini yang saya kira di beberapa daerah terutamanya daerah seperti Klang, Sabak Bernam, Kuala Selangor dan Sepang ada peruntukan seperti yang diuntukkan sebelum itu untuk

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ia, Rawang

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya mohon penjelasan sikit. Ini sebenarnya bukan peruntukan yang diberikan oleh pihak Kerajaan Selangor kepada JKKK. Tetapi sebenarnya adalah satu polisi yang mana kelulusan pengeluaran pasir diizinkan ataupun diberikan kepada JKKK untuk mereka bersihkan sungai sebagai satu tanggungjawab sosial. Maksudnya sebagai satu program untuk mereka angkat sungai itu dengan dasar dan prinsip hanya untuk mencegah ataupun menjaga sungai itu supaya tidak berlaku banjir dan kedua untuk mengindahkan sungai itu. Itu yang saya bertanya sama ada polisi ini masih dijalankan. Sebab sebelum ini ada permohonan daripada JKKK di kawasan saya untuk tujuan yang sama tetapi kita tidak dapat maklum balas daripada baik pihak Pejabat Tanah, JPS Gombak ataupun Kumpulan Semesta.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Rawang. Saya akan lihat semula sama ada polisi itu masih diguna pakai pada hari ini ataupun tidak dan kita, saya akan maklumkan kepada Rawang. Saya secara....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** 2 minit lagi ya Yang Berhormat

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Secara keseluruhannya, saya melihat penyata yang berkaitan dengan Jabatan Pengairan dan Saliran berkaitan isu banjir banyak perkara-perkara yang perlu kita perbaiki bersama-sama. Saranan kepada Kerajaan Negeri dan insya-Allah, perkara ini akan saya bawa kepada Kerajaan Negeri untuk kita bincangkan demi untuk penambahbaikan masalah menangani masalah banjir di Negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi :

Bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan, *Special Select Committee on Competence Accountability and Transparency* (SELCAT) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung perbelanjaan bajet 2013 bagi pengurusan tebatan banjir oleh Jabatan Pengairan dan Saliran, JPS Negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 12 tahun 2014.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya, usul No.18 Tahun 2014, usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Pandamaran.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Usul ini telah ditarik balik oleh Yang Berhormat Pandamaran dan akan dibentangkan semula pada persidangan yang akan datang untuk memberikan lebih masa kepada pihak kerajaan dan Ahli Dewan memberi maklum balas kepada Jawatankuasa Peraturan Tetap.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya, usul No.19 Tahun 2014, usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut :

Bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Kira-Kira Wang

Awam Negeri Selangor, *Public Account Committee* yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 19 Tahun 2014, Bilangan 10 Tahun 2014.

Tuan Timbalan Speaker, seperti apa yang kita sedia maklum Jawatankuasa PAC telah mengadakan 9 mesyuarat sejak Bulan Julai 2013 sehingga kini dan terdapat beberapa isu yang telah diperhatikan oleh jawatankuasa ini khususnya tentang teguran laporan Ketua Audit Negara 2012 yang mana telah dinyatakan dalam laporan, teguran laporan tersebut, Ketua Audit Negara tentang peruntukan MARRIS. Yang isu yang paling penting dalam penyata PAC ni saya ingin tekankan adalah tentang teguran penggunaan peruntukan MARRIS. Di mana Kerajaan Negeri Selangor Pakatan Rakyat telah ditegur oleh Ketua Audit Negara tentang kita tidak dapat prestasi penggunaan perbelanjaan MARRIS ini tidak dihabiskan. Tidak menghabiskan wang peruntukan MARRIS ini di mana peruntukan MARRIS ini setiap tahun anggarannya setiap bulan RM36 juta. Kalau setahun lebih kurang hampir RM400 juta dan sekarang telah bertambah ke tahap hampir RM500 juta. Setahun diperuntukkan mengikut perlembagaan di mana Kerajaan Negeri Selangor berhak menerima untuk menambah baik, menambah baik jalan-jalan di Negeri Selangor ini dan isu yang timbul ialah kenapa Kerajaan Negeri tidak menghabiskan peruntukan tersebut? Jawapan telah beberapa kali diberikan oleh pihak kerajaan, kenapa tidak diguna sehingga ke satu prestasi menghabiskan seluruh peruntukan.

Di dalam budaya pentadbiran Pakatan Rakyat yang baru, yang seperti kita sedia maklum dalam penelitian Jawatankuasa PAC ini Kerajaan Negeri mengambil sikap bercermat, berjimat cermat dan berhemah perbelanjaan kita. Di dalam melakukan dengan, kerana berbelanja demi untuk berbelanja sahaja. Perlu ada penelitian dan perancangan. Ha, itu yang antara saya diberitahu, diberi maklum dalam, dalam penerangan dalam Jawatankuasa PAC ini. Walau bagaimanapun saya menyerulah pihak kerajaan menimbang semula perbelanjaan MARRIS ini di mana isu ini telah disensasikan oleh pihak pembangkang khususnya Ketua Pembangkang. Ketua Pembangkang Sungai Burong, beliau juga adalah merupakan Ahli PAC dan sepatutnya, sepatutnya mengikut kelaziman, Ketua Pembangkang ini adalah Pengerusi PAC. Bukan saja Ahli PAC tetapi sudah 2 kali beliau tolak untuk menjadi, mengetuai PAC ini dan beliau telah dalam Dewan pihak pembangkang beberapa kali menegur tentang teguran Audit ini.

Dan seterusnya saya juga dinyatakan oleh kerajaan di mana ada satu, sudah ada penambah baik

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Minit terakhir ya Yang Berhormat

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minit terakhir, minit terakhir pula. Okey. Dan isunya seterusnya semua ada di dalam sehingga daripada muka yang ada sekarang sampailah muka surat 19. Semua telah dinyatakan sangat jelas dalam berapa

Mesyuarat dan Laporan-laporannya semua sudah ada. Jadi saya minta pihak Kerajaan meneliti dan memberi maklum balas cuma saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah dan syabas kepada kakitangan Kerajaan khususnya Dato' Nordin, Pegawai Kewangan Negeri Selangor dan juga Dato' Ir. Hamizan bin Mohd Inzan, selaku Pengarah JKR Negeri kerana dalam taklimat penerangan yang diberikan dalam Laporan di dalam PAC sudi semua datang memberikan kerjasama yang baik, memberi penerangan yang baik dan saya memaklumkan ketika Dato' PWN datang pun ada Mesyuarat lain tapi oleh kerana PAC beliau mengutamakan PAC. Ini juga budaya kerja yang di mana Pakatan Rakyat ini kita lakukan dan nampak saya ada peningkatan dalam 6 tahun ini budaya kerja kita mungkin tidak disesuaikan dengan izin mereka tidak kakitangan tidak dapat menyesuaikan dengan kerja kita tetapi syukur alhamdulillah. Sekarang ini nampaknya peningkatan sudah berlaku kerjasama semakin padu daripada pihak kakitangan Kerajaan dan saya teruskan saya tidak mahu cakap oleh kerana masa menceburi saya mintalah Kerajaan teliti semua Laporan-laporan dalam pertimbangan yang diberi, cadangan yang diberi dapat respons yang baik daripada pihak kerajaan, sekian sahaja terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Y.B. Bangi.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH:** Tuan Speaker, saya menyokong dan menambah sedikit Perbahasan. Saya nak melebihi 2 perkara yang dibangkitkan dalam PAC ini. Yang pertama mengenai Projek STAR, Sistem Talian Aduan Rakyat yang dibangunkan pada tahun 2007 dengan kos sebanyak RM1,942,046 yang bertujuan mungkin adalah untuk menangani aduan yang dikemukakan oleh semua peringkat dan kami mendapati beberapa kelemahan yang berlaku walau pun kita juga memuji pembangunan program ini yang melihat aduan adalah penting. Namun demi bagi meningkatkan program kami memastikan perkara yang perlu diberi perhatian yang pertama STAR ini seolah-olah mengambil alih tugas-tugas PBT-PBT. Hari ini sebenarnya setiap PBT sudah ada aduan *online* atas talian yang telah diguna pakai semaksimanya di peringkat PBT. Melainkan sekiranya STAR di sini bertujuan untuk memantau apa yang berlaku di peringkat PBT, maka wajarlah diteruskan atau maksud bahawa untuk meningkatkan peningkatan kecemerlangan khidmat di PBT-PBT. Tetapi kalau sekiranya sekadar untuk mahu menjadi tambah kepada sistem aduan saya fikir dia nilai terutama kos yang begitu tinggi yang diguna pakai. Yang kedua mengenai tiada link yang tiada hubung jalin yang terus antara STAR dengan kebanyakan PBT-PBT yang ini juga menjadikan tujuh asal perubahan STAR ini tidak berfungsi atau pun tidak berbaloi. Apatah lagi jika ada yang akurkan tidak ada *link* dengan JPS dan JKR. Maka satu lagi kerugian yang kita terpaksa tanggung, kita belanja melaburkan kos yang tinggi tak sampai keperluan yang diperlukan untuk dinilai di peringkat JPS dan JKR. Saya memohon supaya faks sambungan atau hubungan ini dikaji dan dinaiktaraf jika perlu. Yang ketiga adalah mengenai status, status perkataan selesai yang dikeluarkan oleh sistem ini yang bagi Jawatankuasa ini adalah amat mengelirukan kerana apabila selesai itu fahaman orang awam adalah

selesai, diselesaikan, diselesaikanlah tetapi rupanya bukan begitu. Selesai maksudnya adalah selesai panjangkan ke jabatan berkenaan. Jadi ini mengelirukan oleh kerana itu ada sistem yang betul-betul menjelaskan selesai itu bagaimana dan kita berharap selesai itu bermaksud selesai yang benar-benar selesai dan tak dibangkitkan lagi selepas pejabat itu. Ini adalah hasil daripada laporan yang kita timbul daripada pengadu yang sama yang buat aduan kedua atas maksud selesai itu. Tuan Speaker saya nak pergi yang kedua yang terakhir mengenai Kompleks Theatre Shah Alam yang siap dibina sebelum tahun 2008 dengan kos pembinaan sebanyak RM43 juta. Ini dibina di Shah Alam dan sepatutnya menjadi mercu tanda baru bagi Shah Alam.

**TUAN SPEAKER:** Ini yang terakhir Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH:** Masalah yang berlaku Tuan Speaker adalah tidak ada mana-mana pihak yang menguruskan Kompleks ini sekarang selepas 2011 kerana tempoh MBSA menjadi *caretaker* dengan izin telah berakhir pada 31 Disember 2011. Jadi bila terbiar begitu kosnya memakan begitu besar RM43 juta maka *seriousness* atau pun perhatian yang serius Kerajaan sama ada nak menubuhkan satu Jawatankuasa baru atau pun memberitahu MBSA kerana dia melibatkan pengurusan dan kos. Bil kos ini bermaksud perlu ada satu *task yang special* pasukan yang *special* kerana dia akan makan belanja. Oleh kerana itu perhatian-perhatian yang seperti ini hendaklah diteruskan oleh pihak Kerajaan dan semoga nilai tambah, nilai perbaiki yang sedang kita perbuat ini akan dimanfaatkan oleh semua rakyat. Tuan Speaker, saya menyokong terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya hanya sentuh 2 perkara sahaja. Saya merujuk kepada muka surat ke 4 bagi penyata Bil. 4/2014 ini. Berkenaan dengan penemuan yang telah dilakukan oleh Jawatankuasa *Public Account Committee* Kira-kira Wang Awam ini di mana berbunyi Kerajaan Negeri turut memutuskan buat *write-off* dalam tempoh 10 tahun bermula 2014. Kadar tunggakan yang dibincang oleh Amanah Saham Selangor berjumlah RM1.7 juta setiap tahun dan Kolej Antarabangsa INSPENS berjumlah RM2 juta setiap tahun. Teratai ingin bertanya atas apakah garis panduan supaya kajian Kerajaan Negeri boleh membuat *write-off* bagi hutang atau tunggakan pinjaman berkenaan. Teratai nampak syor bagi PAC dalam perkara ini adalah bagi agensi-agensi yang mempunyai tunggakan. Kebenaran negeri hanya mengeluarkan surat peringatan sahaja, jadi Teratai ingin nak dapat penjelasan bahawa apakah tindakan seterusnya dan adakah sebab ini merupakan wang rakyat jadi apakah garis panduan supaya tunggakan pinjaman ini boleh di *write off* begitu sahaja. Soalan kedua bagi sesi ini adalah setakat merujuk kepada muka surat 11 dan Teratai nampak ada satu berkenaan JOB WIFI ku yang mana Bahagian Teknologi maklumat telah mengadakan Mesyuarat bersama-sama dengan Syarikat Telekomunikasi seperti TM, DIGI, MAXIS dan

sebagainya tetapi ditolak hanya projek ini dikatakan boleh mengganggu pasaran dan pengguna sedia ada mereka. Teratai di sini ingin bertanya adakah Syarikat Telekomunikasi ini menolak disebabkan atas Komersial daripada memberi keutamaan kepada rakyat. Adakah disebabkan penolakan Syarikat-syarikat Telekomunikasi menjadi halangan daripada Selangor memberi WIFI secara percuma. Teratai sekali mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa ini dengan mengadakan Mesyuarat sejumlah 9 kali dengan meletakkan beberapa syor yang tertentu, sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Saya ingin mempersilakan pihak Kerajaan untuk membuatkan penjelasan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Timbalan Pengerusi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun membahaskan Usul untuk menerima penyata khas apa jawatankuasa PAC ini. Yang pertamanya saya ucapkan tahniah kepada Jawatankuasa PAC kerana telah meneliti laporannya saya rasa ini satu penyata yang apa itu kerja sepanjang masa adalah memuaskan kerana mereka lebih berpandukan kepada laporan Audit Negara. Jadi skop yang disiasat oleh PAC memang telah berpandukan kepada siasatan yang terperinci yang telah pun dibuat oleh pihak Audit Negara. Jadi ini satu cara yang profesional ini telah pun mengekalkan tradisi Jawatankuasa PAC sejak saya menjadi anggota PAC pada tahun 1995. Jadi ini tradisi dan di mana PAC ini melibatkan Pegawai Kewangan Negeri. Saya rasa ini adalah penting apabila kerana bukan PAC dan Jawatankuasa lain sekiranya penjelasan yang diperlukan oleh Pegawai Kewangan Negeri itu harus mendapatkan pandangan dari PWN dengan secepat mungkin supaya perkara atau apa tuduhan yang dibuat terhadap pihak Kerajaan khususnya pada PWN atau pun mana Pejabat dapat diberi penjelasan dengan secepatnya. Saya membangkitkan perkara ini dalam apabila meneliti penyata daripada SELCAT ada menyebut bahawa berkait dengan banjir Tebatan Banjir di Negeri Selangor ini. JPS pernah membangkitkan soal peruntukan meminta peruntukan dari PWN tapi PWN tidak meluluskan peruntukan tanpa beritahu sebab jadi saya telah pun mendapat penjelasan daripada PWN. Sebenarnya permohonan daripada JPS adalah terlalu lewat masuk ke penggal ketiga dalam tahun tersebut. Jadi itu sudah masuk ke tahun berikut dalam persiapan untuk bajet yang baru. Terlalu lewat kalau kita meluluskan permohonan tersebut itu pertamanya. Yang kedua juga terdapat banyak *virement* iaitu pemindahan yang dilakukan oleh JPS menyebabkan dia tidak ada perancangan yang konsisten. Itu adalah tanggungjawab pihak Pegawai Kewangan Negeri untuk melakukan sesuatu, jadi itu harus juga dilihat dari aspek itu tapi malangnya dalam siasatan SELCAT tersebut PWN tidak dipanggil walau pun ada tuduhan dibuat terhadap PWN. Jadi saya berharap Jawatankuasa lain juga harus melihat daripada semua sudut apabila ada tuduhan sedemikian seharusnya penjelasan diperolehi dan tidak membuat penemuan sebab itu adalah tidak adil untuk mana-mana pihak yang dituduh. Seterusnya berkenaan dengan peruntukan MARRIS, peruntukan MARRIS ini dalam mengikut laporan daripada Ketua Audit Negara tidak dibelanjakan. Sebenarnya pihak MTES setelah menerima laporan tersebut telah pun

memanggil wakil daripada Ketua Pejabat Ketua Audit Negara menghadiri satu mesyuarat dan telah pun pihak MMKN memaklumkan kepada mereka bahawa sebenarnya disebabkan penjimatan di pihak Kerajaan Negeri menyebabkan kita ibaratkan kita belanjakan 70% dari peruntukan untuk menyiapkan kerja-kerja 100% daripada kita menggunakan 100% peruntukan untuk menyiapkan 70% kerja kita dalam perancangan kita. Jadi itu telah diberi penjelasan dan sebenarnya kalau mengikut perancangan disebabkan percubaan apa itu eksperimen yang dibuat oleh pihak Kerajaan negeri itu berjaya di mana pada permulaannya pada tahun 2012 di mana peruntukan sebanyak RM1 juta diberikan setiap DUN di mana keutamaan Projek MARRIS akan dicadangkan oleh pihak ADUN. Apabila ia berjaya maka pada tahun 2013 jumlah itu ditambah RM2 juta kepada setiap kawasan DUN dan untuk tahun ini jumlah telah pun ditambahkan kepada RM3 juta. Itu menunjukkan bahawa sebenarnya Kerajaan amat peka terhadap keperluan dan juga penggunaan MARRIS ini untuk memastikan rakyat Selangor mempunyai jalan yang bermutu tinggi dan pada masa yang sama menggunakan peruntukan yang sedia ada sebijak-bijaknya dan sesungguhnya MMKN kalau untuk teguran dalam penyata ini memang diambil berat. Cuma saya juga ingin mengambil kesempatan ini meminta juga seboleh-bolehnya penyata yang disediakan oleh Jawatankuasa Pilihan Dewan ini dapat dibentangkan kepada MMKN sebelum sidang Dewan bermula. Walaupun tidak ada peruntukan dalam Peraturan Tetap yang mensyaratkan supaya penyata ini dibentangkan 2 minggu atau seminggu sebelum sidang. Tapi seboleh-bolehnya kalau boleh dipraktikkan supaya pihak MMKN itu dapat mengarahkan pegawai untuk meneliti penyata. Dan oleh yang demikian, dapat kita menyediakan satu jawapan yang lebih baik, yang lengkap kepada Jawatankuasa, pada Dewan ini. Kerana apa yang berlaku adalah penyata ini, sebenarnya salinan fizikal ini dibentangkan di mesyuarat MMKN sebelum Dewan bersidang. Hanya diberikan pada Ahli EXCO, dua tiga hari sebelum sidang, Dewan bersidang. Maka pada masa itu pegawai kita juga tidak ada masa untuk meneliti bagi memberikan ulasan kepada laporan yang dibuat dalam penyata tersebut. Jadi itu saya mengharapkan kerjasama daripada Jawatankuasa untuk mengemukakan seawal mungkin penyata ini sebelum Dewan bersidang.

Berkenaan dengan teater, Teater Shah Alam ini, sebenarnya kita mewarisi masalah daripada Kerajaan sebelum ini. Apabila Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih pada tahun 2008, pada masa itulah, selepas itu kita menerima teater ini daripada kontraktor dan saya ibaratkan apabila ia dilahirkan dengan kecacatan, maka segala penambahbaikan itu sudah tentu tidaklah sempurna. Kalau bayi itu dilahirkan sebagai cacat maka pembaikannya sudah tentu tidak dapat mencapai 100 peratus kesempurnaan. Jadi, tapi Kerajaan mengambil langkah yang berhati-hati kerana kosnya amat tinggi untuk pembinaan teater tersebut. Termasuk MMKN telah dimaklumkan pada masa teater itu disiapkan, sistem audio, sistem audio ini adalah antara yang tercanggih di dunia. Tapi disebabkan pada masa itu tidak ada dilatih, tidak ada persiapan supaya juruteknik yang bertaraf antarabangsa itu dilatih untuk menguruskan sistem tersebut. Maka sistem tersebut hanya terbiar, dan sekarang ini

tidak lagi menjadi sistem yang terbaik di dunia. Itu masalah tidak ada perancangan sebelum tahun 2008. Walau bagaimanapun satu jawatankuasa yang dipengerusikan

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH:** Maaf penjelasan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH:** Apakah Kerajaan Negeri tak mahu mengisytiharkan ini satu lagi projek Barisan Nasional. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Saya cuma membentangkan faktanya, saya tidak mahu membuat apa-apa tuduhan. Faktanya begitu, walau bagaimanapun Kerajaan Negeri mengambil sikap serius dalam perkara ini. Kerana banyak perbelanjaan telah digunakan untuk pembinaan teater ini. Oleh itu satu jawatankuasa yang diketuai oleh Datuk Bandar Shah Alam, telah pun ditugaskan untuk memperbaiki teater ini dan sekarang ini sudah siap keseluruhannya, walaupun seperti yang saya sebutkan tadi, sebab dilahirkan cacat maka kita buat yang sebaiknya. Dan sekarang ini dalam peringkat menguji untuk memastikan, apabila ia digunakan sepenuhnya tidak ada lagi masalah teknikal yang akan berlaku. Ini adalah yang telah pun diusahakan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Berkenaan dengan Amanah Selangor, Amanah Saham Selangor (ASAS) itu, itu disebabkan hutang itu, adalah hutang dalaman. Dan maka itu boleh dihapus kira dan tidak bermakna kalau kita kekalkan itu kerana projek itu sudah gagal dan tidak guna dari segi *accounting*, kita akan batalkan kerana tidak bermakna lagi kalau dia diletakkan dalam rekod akaun kita. Dan saya rasa itu, berkenaan dengan sistem talian aduan, Kerajaan Negeri juga telah pun sebenarnya mengarahkan Pihak Berkuasa Tempatan untuk meneliti masalah-masalah yang timbul termasuk aduan ke atas STAR itu sendiri. Dan sebenarnya saya telah dimaklumkan bahawa Majlis Bandaraya Petaling Jaya, sebenarnya telah pun mengetahui kelemahan yang wujud dalam sistem yang ada sekarang ini. Telah pun membuat perubahan dan juga kita sedang melihat bagaimanakah hasilnya selepas pembetulan dibuat, dengan harapan dia dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan PBT kepada rakyat keseluruhannya. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah dihadapan Dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor, *Public Account Committee*, PAC, yang telah dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini sebagai kertas Mesyuarat Bil 10 Tahun 2014.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata 'YA', ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila kata 'TIDAK'. Yang bersetuju sila kata YA. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya, Usul No. 20, Tahun 2014, Usul dibawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Seri Setia.

**TUAN SPEAKER:** Ijok, akan menjadi wakil.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih, Timbalan Speaker. Ha, ini Usul yang akhir, Usul No. 20. Nampak Ahli Dewan pun kekurangan, jadi semangat nak bentang pun kurang sikit. Tapi saya kena bentangkan juga. (GELAK). Ijok ingin membentangkan Usul No. 20, bahawasanya menurut Peraturan 75(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pihak Berkuasa Tempatan, JP PBT, bagi Dewan Negeri Selangor mengenai kes di antara Kasmuncak Holdings Berhad dan Majlis Bandaraya Shah Alam, MBSA, yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini, sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 14 Tahun 2014.

Timbalan Speaker yang dihormati, kes ini, penyata ini, disediakan oleh Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan, JP PBT, Dewan Negeri Selangor bagi membentangkan Laporan Kes di antara Kasmuncak Holdings Berhad dan Majlis Bandaraya Sendirian Berhad. Saya akan meringkaskan pasal masa suntuk. Pada 13 Disember 2013, JP PBT telah mendengar satu taklimat daripada Kasmuncak Holdings Sendirian Berhad, berkenaan masalah-masalah yang dihadapi mereka dengan Majlis Bandaraya Shah Alam, MBSA, dalam melaksanakan projek ADI CC di Seksyen 15, Shah Alam. Sementara itu, masa perbincangan wakil daripada Majlis Bandaran Shah Alam, MBSA dan Ahli Parlimen Shah Alam, Yang Berhormat Tuan Khalid turut hadir untuk memberi taklimat dan pencerahan bagi JP PBT berkenaan. JP PBT telah difahamkan oleh pihak Kemuncak bahawa mereka telah membangunkan sebidang tanah di Seksyen 15, Shah Alam, dengan satu projek pembangunan bercampur, dimana pihak MBSA melalui Pengarah Bangunan MBSA telah memberi kelulusan Pelan Bangunan bagi keseluruhannya projek pada 5 September 2008, lama dah. Pada 3 Mei 2011, Kemuncak telah mengemukakan Pindaan Pelan bangunan kepada pihak MBSA setelah mendapat kelulusan daripada pihak perancang. Namun demikian JP PBT difahamkan bahawa pihak Kasmuncak terpaksa menunggu sehingga satu setengah tahun untuk MBSA meluluskan pindaan pelan tersebut. Disebabkan masa menunggu yang terlalu lama pihak Kasmuncak telah menjalankan kerja pembinaan yang melencong daripada kelulusan asal yang diterima. Namun demikian, pihak JP PBT diberitahu bahawa pindaan yang dibuat hanya tertumpu kepada pembahagian semula unit-unit kecil dalam pembangunan sahaja. Dengan keluasan lantai yang asal masih dikekalkan. Pada Oktober 2012, pihak MBSA telah meluluskan pindaan kepada pelan bangunan tersebut dengan syarat-syarat. Saya, syarat-syarat denda telah diberi dalam penyata, saya ingat, tak perlulah saya ulang. JP PBT diberitahu bahawa pada 3 Disember 2012, Kemuncak telah menghantar surat rayuan kepada pihak MBSA untuk dikecualikan daripada bayaran denda yang dikenakan ke atas mereka dan telah dikemukakan alasan-alasan mereka kepada pihak MBSA pada 10 Jun 2013, melalui

sepucuk surat. Namun demikian tiada jawapan diberikan oleh MBSA walaupun dua surat peringatan telah diberikan oleh pihak Kemuncak. Masing-masing bertarikh 9 September 2013 dan juga 16 Oktober 2013. Jawatankuasa telah menyarankan bahawa kami cuba mendapatkan Penasihat Undang-undang Negeri Selangor untuk hadir dan memberi pandangan beliau mengenai perkara ini. Malangnya Kamar Undang-Undang hanya memberikan pandangan mereka melalui sepucuk surat sahaja, dimana Kamar merasakan Kemuncak perlu membayar bayaran-bayaran tersebut atas alasan MMKN yang telah, yang ke 39/2013 pada 16 Disember, 18 Disember 2013, telah pun bersetuju dengan tindakan MBSA. Walaupun tindakan MBSA dilakukan selaras dengan peraturan undang-undang sedia ada, JP PBT ingin merayu kepada pihak Kerajaan Negeri termasuk pihak MBSA untuk mengambil saranan seperti berikut :

Satu melihat semula cara pengiraan denda supaya ianya setimpal dengan kesalahan yang dilakukan dan bukan dengan hanya melihat kepada keluasan tanah. Walau pun pihak PBT mempunyai budi bicara untuk meletakkan kadar denda seperti yang di peruntukan di dalam Perenggan 17 Jadual Pertama Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Selangor 1986, namun tindakan tersebut boleh dibatalkan atau ditolak oleh mahkamah sekiranya permohonan setia daripada dibuat. Pihak PBT perlu melihat semula SOP bagi rayuan-rayuan yang dibuat. Tindakan untuk tidak menjawab kepada rayuan yang dipohon oleh mana-mana individu badan syarikat akan memberi satu persepsi negatif terhadap pentadbiran kerajaan tempatan dan kerajaan negeri yang angkuh yang tidak responsif dan tidak cekap. Hal ini bertentangan dengan konsep kerajaan yang prihatin dan berkeadilan. JPBT juga ingin merayu kepada semua PBT di Negeri Selangor untuk mengambil kira segenap aspek sebelum membuat sesuatu keputusan atau penilaian di mana kuasa budi bicara telah diberikan melalui peruntukan undang-undang. Ini kerana walau pun keputusan-keputusan tersebut tertakluk kepada budi bicara, kelebihan tersebut perlu digunakan dengan munasabah dan tidak secara autokratik. Jadi secara penutup Jawatankuasa harap dewan akan menerima penyata ini dan Jawatankuasa juga merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pegawai-pegawai kerajaan, individu serta badan-badan korporat yang telah tampil memberikan keterangan dan juga pegawai-pegawai Dewan Negeri Selangor yang telah menjalankan tugas mereka, sekian ribuan terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Pencadang, ah penyokong. Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih Puan Speaker, Bukit Gasing bangun untuk menyokong usul ini. Penyata JPBT merupakan satu penyata yang *straight to the point* kalau kita lihat ini dengan ringkas. Apa yang kita perlu pelajari daripada penyata ini kalau kita lihat saraan yang kedua ialah masa yang diambil untuk menjawab satu rayuan yang amat panjang. Kalau rayuan yang dimaksudkan pada 3 Disember 2012 dan lepas itu berapa banyak *effect* dengan izin untuk berjumpa dengan Datuk Bandar tidak berjaya. Dan surat peringatan pada 9 September 2013, pada 16 Oktober 2013 masih lagi tidak dijawab rayuannya sehingga kes ini didengar

oleh Jawatankuasa ini. Saya amat prihatin kepada prestasi kerajaan Negeri Selangor terutamanya dalam hubungan antara kerajaan dengan rakyat. Antara kerajaan dengan perniagaan-perniagaan dengan syarikat-syarikatnya di luar. *We want to strive to be a business friendly state* dengan izin dan ke arah mencapai sasaran itu. Kita perlu peka kepada permohonan-permohonan dan rayuan-rayuan ini. Sedia maklum setiap jabatan ada KPI nya untuk menjawab sebarang surat. Jadi kami berharap apa yang berlaku di sini yang ia tidak akan berlaku di mana-mana PBT yang lain, di mana-mana jabatan yang lain. Kita tidak meminta atau kita tidak mengharapkan bahawa setiap rayuan itu akan dikurniakan bahawa setiap rayuan itu akan diluluskan tetapi setiap rayuan yang dilakukan mana-mana individu atau pun syarikat haruslah dijawab dalam satu tempoh yang munasabah.

Dan yang kedua, Jawatankuasa ini menemui satu cara pengiraan denda dan untuk ini kami rasa cukup serius untuk dibawa kepada pihak dewan ini ialah ada satu penghinaan tanpa izin katakan bangunan dia 100,000 kaki persegi, denda itu tetap sama tak kira jenis kesalahan pembinaan tanpa izin tersebut. Kalau pembinaan itu adalah tukar sedikit bilik *lay out* dengan izin, denda dia juga sama sepuluh kali pelan, yuran pelan. Tetapi kalau dia membina satu kilang haram yang langsung tanpa apa-apa permit pun dia akan dikenakan dengan denda yang sama. Jadi kita rasa sistem ini perlu diubah jika pihak kerajaan hendakkan Jawatankuasa untuk mengkaji sistem yang baru, kalau kerajaan terbuka pihak Jawatankuasa sedia untuk mengkaji dengan lebih teliti. Tetapi dengan matlamat keadilan kepada semua, dengan satu matlamat keadilan kita perlu mengkaji semula dendanya dengan tidak berasaskan kepada keluasan bangunan keseluruhannya sahaja. Tetapi kita kena lihat keseriusannya betapa seriusnya kesalahan yang dilakukan.

**TUAN SPEAKER:** Ringkaskan Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Itu sahaja yang Bukit Gasing ingin bawakan hari ini.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong saya buka untuk dibahaskan, Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Speaker saya cuma ingin menambah sedikit sebab saya rasa kalau kita teliti fakta dan penemuan penyata ini adalah amat membimbangkan kalau kita tengok bahawa kelulusan yang diberi untuk pelan pembangunan pada 5 September 2008 sehingga pendengaran ini dijalankan pada 2013 isu ini masih dibincangkan. Maksudnya ambil lebih kurang 5 tahun untuk kelulusan satu projek. Saya rasa adalah perlu untuk pihak kerajaan negeri meneliti SOP atau pun cara urus tadbir ini supaya kita boleh responsif dengan rakyat. Dan saya ingin petik apa yang dinyatakan dalam piagam pelanggan dalam laman web rasmi Majlis Bandar Raya Shah Alam tentang perkara ketiga tentang sepatutnya sudah ada satu KPI yang telah disetkan bahawa memproses dan memperakukan

pelan pembangunan termasuk pelan tataatur pelan bangunan, pelan kejuruteraan dan pelan landskap dalam tempoh satu jam dan tidak melebihi 47 hari daripada tarikh penerimaan permohonan kecuali permohonan Kebenaran Merancang tukar guna bangunan tidak melebihi 57 hari bekerja. Jadi jelas dalam kes ini, ini tidak memenuhi piagam pelanggan yang telah dinyatakan oleh Majlis Bandar Raya Shah Alam sendiri. Jadi saya harap pihak kerajaan negeri mungkin terhadap kes ini boleh beri penjelasan tetapi yang lebih penting kita harus teliti juga SOP supaya piagam pelanggan ini dipatuhi oleh bukan saja MBSA tapi juga PBT-PBT yang lain.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah saya minta pihak Kerajaan memberi penjelasan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker saya mula untuk menjawab pertanyaan berbangkit daripada perbahasan ke atas penyata daripada Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan. Sukacita saya merujuk kepada Peraturan 73 (4) yang menyatakan bahawa perbincangan Jawatankuasa Pilihan itu hendaklah dihadkan kepada perkara yang diserahkan oleh Dewan kepadanya dan juga kepada apa yang berkenaan dengan perkara itu seperti yang ditambah atau dihadkan oleh Dewan. Jadi seboleh-bolehnya siasatan jawatankuasa pilihan Dewan ini dihadkan kepada jabatan kerajaan pada apa yang dirujuk oleh Laporan Ketua Audit Negara ataupun pentadbiran yang melibatkan dasar yang melibatkan jabatan kerajaan ataupun PBT. Tapi apabila saya melihat penyata daripada jawatankuasa pilihan mengenai PBT ini saya dapati ia lebih merupakan satu keadaan di mana dia mendengar aduan daripada syarikat dan terus menjadi mahkamah untuk menentukan sama ada pihak pengadu yang betul atau pihak PBT yang betul. Saya rasa dari segi *approach* atau pendekatannya harus dikaji semula oleh jawatankuasa itu sendiri. Kalau tidak maka jawatankuasa pilihan dewan ini akan menjadi badan atau biro pengaduan awam di mana setiap aduan itu harus diadakan siasatan. Saya rasa itu bukan tujuan jawatankuasa pilihan dewan itu harus berfungsi dan itu bukan satu peranan sebagai jawatankuasa pilihan kalau tidak bererti jawatankuasa ini kena mendengar semua rayuan atau aduan yang dibuat oleh individu atau mana-mana syarikat. Saya rasa pendekatan itu harus dilihat. Kemudian apabila saya meneliti kes ini yang menarik perhatian saya ialah perkara ini telah dibawa ke MMKN dan MMKN bersetuju dengan keputusan Majlis Bandar Raya Shah Alam bererti kes ini telah dikaji dan dilihat oleh termasuk Penasihat Undang-Undang yang juga hadir di dalam Mesyuarat MMKN. Jadi sudah tentu ada sebab-sebabnya mengapa MMKN meluluskan atau bersetuju dengan pihak Majlis Bandar Raya Shah Alam ini jadi yang peliknya semua perkara yang tidak disebut tidak ada siasatan dan tidak ada penemuan yang spesifik yang mengatakan bahawa....

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing, nak tanya soalan atau....

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Nak menjawab tuduhan tadi. Sebenarnya kalau lihat dalam saranan jawatankuasa ini kami tidak menyentuh atas keputusan sama ada dia salah ataupun tidak tetapi kami mendapati kelemahan yang dialami di

MBSA yang satu ialah kelewatan untuk membalas surat rayuan. Kami juga mendapati cara pengiraan denda yang kami rasa tidak beberapa adil. Tidak ada penghakiman sama ada kesalahan itu dilakukan ataupun tidak. Tidak ada saranan bahawa keputusan MTES itu salah ataupun tidak. Itu bukan saranan jawatankuasa.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya, Tuan Speaker. Kalau kita meneliti, kita mengamati laporan ini dia hanya menerima aduan daripada syarikat berkenaan Kasmuncak tapi tidak membuat satu penemuan mengatakan ya fakta ini betul atau fakta ini tidak betul. Kami bersetuju bahawa ini adalah faktanya tidak ada sebenarnya dan seperti yang saya ulaskan sebentar tadi apabila kita dewan ini membahaskan sebelum ini bahawa tidak ada keterangan yang telah dibentangkan bersama. Jadi dengan hanya membaca penyata ini, ini satu keadaan yang berat sebelah dan tidak ada penjelasan daripada Majlis Bandar Raya Shah Alam yang dicatatkan di sini apakah alasan mereka. Sudah tentu piagam, piagam ada. Tapi sudah tentu ada sebabnya mengapa perkara ini berlanjutan sejak tahun 2008 sehingga 2011. Apakah penemuan jawatankuasa sama ada kelewatan ini ada sebabnya. Apakah sebabnya. Adakah kelewatan itu tidak ada sebab. Disebabkan kelembapan MBSA tidak ada penemuan. Sekiranya penyata ini mengatakan setelah menyiasat dan setelah mendengar keterangan daripada wakil MBSA adalah pendapat jawatankuasa ini bahawa kelewatan ini tidak seharusnya berlaku. Tidak ada di sini dan tidak ada bukti. Sebab itu saya kata pendekatan ini bahaya sedikit. Dan juga dari segi ulasannya tidak ada ulasan atau penemuan daripada jawatankuasa apakah penjelasan yang diberikan oleh Majlis Bandar Raya Shah Alam. Ini adalah ketara. Ini fakta. Ini yang dibentangkan di dewan ini. Sekali imbas ini memang ia satu perkara yang amat bahaya.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Kami terima teguran atas cara penulis laporan tersebut. Tapi untuk keterangan kepada Dewan selepas mendengar versi dari syarikat kami juga memanggil pihak MBSA dan Dato' Bandar sendiri hadir untuk memberi keterangan dan mungkin jawatankuasa akan ambil teguran daripada Yang Berhormat EXCO untuk membaiki penulisan tetapi tidak perlu dikhuatiri memang MBSA diberi peluang untuk menjawab segala-galanya.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gasing. Sebenarnya penjelasan itu harus dicatatkan. Apakah penjelasan yang diberikan MBSA dan seterusnya adakah jawatankuasa ini berpuas hati dengan penjelasan itu. Itu harus dicatatkan supaya kita memberi gambaran yang lengkap. Saya rasa itu yang kita perlu menaiktarafkan lagi kerja jawatankuasa dewan ini. Sebenarnya kerajaan memandang serius terhadap penyata dan segala kerja siasatan yang dijalankan oleh jawatankuasa pilihan seharusnya memastikan mutu kerja yang dihasilkan itu untuk dijadikan rekod di dewan ini adalah sesuatu yang bermutu tinggi. Sekiranya tidak bergantung pada ini sebenarnya amat sukar untuk kita menentukan

sama ada saranan atau rumusan yang dibuat oleh jawatankuasa itu adalah satu rumusan yang adil dan berasas. Itu permintaan saya kepada jawatankuasa pilihan dewan ini. Walau bagaimanapun ada perkara-perkara yang saya mengakui juga di mana seperti yang saya bantah dalam dewan ini pelan tindakan 5 tahun Pihak Berkuasa Tempatan di mana perkara-perkara tertentu hendaklah diseragamkan termasuk dari segi pengauditannya, SOPnya, itu merupakan aspek pertama yang disebutkan dalam Pelan Tindakan 5 Tahun itu.

Ini adalah satu perkara yang dilihat sebenarnya pada bulan yang lalu saya telah bermesyuarat dengan wakil daripada PBT dan satu cadangan, satu kertas cadangan akan dibentangkan kepada MMKN pada kalau tidak silap saya pada minggu hadapan dalam dua minggu akan datang. Iaitu cadangan untuk memperbaiki bagaimana kita mengenakan kompaun ke atas pesalah di bawah undang-undang yang berkenaan dengan bangunan dan jalan. Di mana telah pun dicadangkan antara lainnya iaitu ada kadar kompaun yang dicadangkan mengikut denda maksimum yang peruntukan di bawah undang itu, sekarang ini tidak ada. Itu bergantung kepada budi bicara pegawai ataupun Pihak Berkuasa Tempatan untuk menentukan berapakah kompaun seharusnya ditawarkan kepada mereka yang melakukan kesalahan tanpa membawa mereka ke mahkamah. Dan sebelum ini tidak ada usul ini telah an sudah dibuat saya berharap walaupun saya memberi ulasan bahawa mungkin rumusan ini tidak mempunyai asas yang kukuh tetapi akan juga saya janji akan melihat perkara-perkara seperti ini supaya kita memastikan supaya kita dapat perkhidmatan yang terbaik dan juga yang seragam supaya pelabur kita, peniaga kita tidak kira di mana mereka melabur di dalam Selangor ini prosedur dan tatacara kerja itu adalah yang seragam, tidak ada yang perbezaan dan juga di mana segalanya prosedur dan tatacara kerja itu adalah tulus dan jelas semua yang berkenaan, sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawasanya menurut peraturan 765, peraturan-peraturan tetap Dewan Negeri Selangor dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Bagi dewan Negeri Selangor kes di antara Kas Pucak Holdings dan Majlis Bandaraya Shah Alam yang telah dibentangkan di dewan mulia ini sebagai kertas mesyuarat bilangan 14 pada tahun 2014. Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak, Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya usul untuk menangguhkan dewan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian Persidangan kali ini telah pun tamat dengan ini saya mencadangkan supaya dewan ini ditangguhkan sehingga sesuatu masa yang akan ditetapkan kelak. Tuan Speaker saya ingin bagi pihak Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Speaker, Timbalan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat

sekalian, Ketua-ketua Jabatan, Kakitangan dewan, semua pihak yang telah pun memberikan kerjasama yang begitu padu untuk memastikan dewan kali ini berjalan dengan lancar. Dan supaya semua perkara-perkara yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat sekalian dapat dibahaskan dengan sepenuhnya oleh dewan ini. Dan juga pihak kerajaan juga mengucapkan terima kasih kepada semua Jawatankuasa Pilihan Dewan ini telah pun menunjukkan komitmen yang begitu tinggi dengan menyediakan penyata-penyata yang telah pun jelas menunjukkan, membuktikan bahawa Jawatankuasa Dewan yang ditubuhkan oleh dewan yang mulia ini benar-benar menumpukan usaha mereka untuk bersama-sama kita memperbaiki pentadbiran Negeri Selangor ini demi kesejahteraan seluruh rakyat Negara ini, seluruh negeri ini. Tuan Speaker saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan komitmen Kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan bahawa kita di Selangor ini menubuhkan satu demokrasi yang sejati. Setelah kita melancarkan reformasi dalam pentadbiran kerajaan. Dan sudah tentu 6 tahun yang lalu dewan ini sekurang-kurangnya telah membuktikan bahawa dewan ini merupakan sekarang ini termaju yang menjadi tauladan kepada bukan sahaja dewan negeri yang lain di Selangor ini tetapi juga menjadi tauladan kepada Parlimen kita. Segala perbahasan kita adalah bermutu tinggi, komitmen daripada Ahli Yang Berhormat sekalian adalah begitu baik sekali saya rasa kita semua Ahli-Ahli Yang Berhormat merasa bangga dengan usul kita bersama ini. Dan juga Kerajaan Negeri juga memberi komitmen untuk memastikan *document separate of power* ini akan terus menjadi pegangan kepada kerajaan Pakatan Rakyat yang telah diberi mandat buat kali kedua dalam Pilihan raya Umum. Dan ini adalah satu perkara penting, ini adalah di mana agenda utama reformasi yang diketuai oleh Kerajaan Pakatan Rakyat ini. Oleh itu adalah harapan kerajaan Negeri Selangor sekarang ini pimpinan Dato' Menteri Besar supaya kita terus memastikan bahawa semangat untuk meneruskan reformasi diteruskan oleh itu semua pihak hendaklah memahami dan membuat kajian dengan lebih mendalam. Dan mempunyai pemahaman yang lebih mendalam dalam isu *document separate power separation*. Kalau mengikut fasal 50 dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Selangor itu adalah menjadi kuasa eksekutif adalah terletak kepada Sultan dan juga boleh dikuatkuasakan oleh pihak eksekutif oleh pihak MMKN dan sementara itu kuasa untuk membuat undang-undang adalah diperuntukkan juga di bawah Undang-Undang Tubuh iaitu pada Dewan Negeri Selangor ini. Oleh itu peranan kedua-dua eksekutif juga legislatif atau pun badan perundangan hendaklah dihormati dan diberi erti yang sebenarnya. Oleh itu perkara-perkara yang seharusnya diluluskan oleh dewan ini undang-undang dan juga dasar-dasar sudah tentu akan diluluskan, dibahas, diluluskan oleh dewan ini supaya pihak eksekutif dapat melaksanakan mengikut suara rakyat. Tetapi pada masa yang sama juga eksekutif sepatutnya diberi kepercayaan untuk melaksanakan apa yang telah diberikan *mandate* kepada eksekutif. Ada setengah-setengah permintaan perkara-perkara tertentu mesti mendapat persetujuan terlebih dahulu dari dewan ini sebelum dilaksanakan tidak menepati semangat *document separate of power* ini. Satu pentadbiran eksekutif telah pun diberikan tanggungjawab untuk melaksanakan mengikut satu dasar yang diluluskan oleh

dewan ini. Tidak praktikal sekiranya setiap tindakan kerajaan, setiap tindakan eksekutif mesti mendapat kelulusan dewan sebelum boleh dilaksanakan.

Prinsip akauntabiliti bererti semua pihak eksekutif hendaklah memberi penjelasan *to help to how to what done* dengan izin. Bererti pihak Eksekutif hendaklah bertanggungjawab itu memang diperuntukkan di bawah Undang-Undang Tubuh itu sendiri iaitu Eksekutif hendaklah memberi tanggungjawab kolektif kepada dewan. Itu benar. Tapi itu tidak bererti tindakan itu mesti mendapatkan persetujuan. Jadi kalau pemahaman itu tidak ada mungkin dia akan menyebabkan masalah kepada pentadbiran kita tidak dapat memastikan pentadbiran itu licin, sekiranya terdapat gangguan tidak sepatutnya berlaku. Itu saya berharap kita akan mengkaji dengan lebih mendalam dan mengadakan lebih banyak perbincangan untuk kita sama-sama mempertingkatkan lagi mutu eksekutif dan juga mutu Badan Perundangan ini. Kita tidak harus dalam usaha kita dan usaha kita menandatangani keputusan, menandatangani persembahan begitu baik tercemar kerana pemahaman yang tidak mencukupi bagi diri saya juga bagi pihak Ahli-Ahli EXCO kami mempunyai kepercayaan penuh kepada pimpinan Dato' Menteri Besar dalam urusan pentadbiran ini. Kerana Negeri Selangor ini kita bertuah kerana mempunyai seorang pemimpin yang mempunyai berpengalaman begitu luas dalam pentadbiran walaupun Dato' Menteri Besar bukan berkhidmat dalam kerajaan untuk jangka masa yang panjang. Tetapi pengalaman beliau dalam pentadbiran korporat itu sebenarnya juga mempunyai amat bererti apabila dia dipindahkan untuk pentadbir kerajaan. Kerana prinsip-prinsip pengurusan itu amat persamaannya, falsafahnya adalah sama. Dan beliau daripada pengalaman beliau, kerjaya beliau atau dengan izin saya guna Bahasa Inggeris *his carrier life probe longer some of biology for some of us* Hayat kerjaya beliau mungkin lebih panjang lagi dari hayat *biological* antara Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Jadi itu harus diberi penghormatan dan juga harus diberi pengiktirafan kerana beliau kalau kita membuat carian *google* juga bila ditaipkan ungkapan *down raid* itu sudah mesti berkaitan dengan nama Dato' Menteri Besar itu sendiri. Itu menunjukkan dan proses itu *down raid* yang berlaku pada tahun 1981 itu di mana Kerajaan Negeri melalui PNB di mana Dato' Menteri Besar merupakan salah seorang pegawai yang telah berjaya membeli saham Guthrie di bursa saham London itu dan proses itu adalah satu proses yang memerlukan strategik dan itu sudah menjadi rekod sejarah yang penting. Perkara itu telah, mereka yang terlibat itu menyebabkan menunjukkan kepakaran mereka, menunjukkan kebolehan mereka dan itu amat penting untuk juga kita pinjamkan pengalaman itu. Itu saya percaya Dato' Menteri Besar mempunyai kepakaran yang memang diperlukan lagi untuk meneruskan kejayaan di Selangor ini. Jadi dengan kata-kata itu saya berharap kita akan bersama-sama berganding bahu memastikan pimpinan kerajaan Pakatan Rakyat akan terus mencapai kejayaan pada tahun-tahun akan datang. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Penyokong

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Tuan Speaker saya menyokong

**TUAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian saya mengambil peluang dan kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri dan pegawai-pegawai kerajaan di atas kerjasama yang telah diberikan bagi melicinkan perjalanan mesyuarat pertama Pembukaan Persidangan Penggal kedua kali ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Setiausaha, Setiausaha Dewan, Pelapor-Pelapor dan semua petugas-petugas secara langsung atau pun tidak langsung di atas komitmen dan kesungguhan semua dalam memastikan perjalanan mesyuarat berjalan dengan lancar. Kepada semua Yang Berhormat sila semak draf penyata telah dan akan diedarkan kepada Yang Berhormat dan kembalikan semula ke pentadbiran dewan sekiranya terdapat sebarang pembedulan dan agar penyata rasmi itu dapat disediakan dan dapat diedarkan segera kepada Yang Berhormat sekalian. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian sebelum saya menangguhkan dewan kali ini saya ingin memaklumkan bahawa pada sidang kali ini sebanyak 559 pertanyaan mulut dan bertulis yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat semua. Jumlah soalan mulut yang dibentangkan di dewan ini selama 10 hari ialah sebanyak 224 soalan daripada 336 soalan mulut telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Juga ingin memaklumkan pada persidangan ini 20 usul telah dibahaskan di dalam dewan ini dan satu usul telah ditarik balik. Pada kali ini juga satu usul tergepar daripada Ketua Pembangkang Sungai Burung telah dibenarkan dan dibawa dan dibahaskan dengan baik. Ini menunjukkan kematangan Ahli Dewan Negeri semua baik daripada pihak kerajaan ataupun pihak Pembangkang. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada 39 Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil perbahasan terhadap usul yang telah dibentangkan. Dengan ini saya menangguhkan dewan sehingga ke persidangan yang akan datang. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 6.00 petang )**